

MINIT PERSIDANGAN

MESYUARAT PERTAMA PENGKAL PERSIDANGAN PERTAMA

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG YANG KEEMPAT BELAS

Tarikh : 02 OGOS 2018 (KHAMIS)
Masa : 9.30 Pagi
Tempat : Dewan Undangan Negeri
Lebuh Light, George Town
Pulau Pinang.

HADIR

Bil.	Nama	Ahli Kawasan
1	YB. Dato' Law Choo Kiang	Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri
2	YAB. Chow Kon Yeow	Ketua Menteri / Padang Kota
3	YB. Dato' Ir. Haji Ahmad Zakiyuddin Bin Abd. Rahman	Tim. Ketua Menteri I / Pinang Tunggai
4	YB. Prof. Dr. P. Ramasamy A/L Palanisamy	Timbalan Ketua Menteri II / Perai
5	YB. Chong Eng	Padang Lalang
6	YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh	Datok Keramat
7	YB. Phee Boon Poh	Sungai Puyu
8	YB. Dr. Afif Bin Bahardin	Seberang Jaya
9	YB. Zairil Khir Johari	Tanjung Bunga
10	YB. Dato' Haji Abdul Halim Bin Haji Hussain	Batu Maung
11	YB. Yeoh Soon Hin	Paya Terubong
12	YB. Soon Lip Chee	Bagan Jermal
13	YB. Dr. Amar Pritpal Bin Abdullah	Timbalan YDP Dewan/Sungai Bakap
14	YB. Lim Guan Eng	Air Putih
15	YB. Dato' Saifuddin Nasution Bin Ismail	Pantai Jerejak
16	YB. Teh Lai Heng	KOMTAR
17	YB. Lim Siew Khim	Sungai Pinang
18	YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin	Penanti
19	YB. Lee Khai Loon	Machang Bubuk
20	YB. Ong Ah Teong	Batu Lancang
21	YB. Satees A/L Muniandy	Bagan Dalam
22	YB. Azrul Mahathir Bin Aziz	Bayan Lepas
23	YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil	Permatang Pasir
24	YB. Jason Ong Khan Lee	Kebun Bunga
25	YB. Gooi Hsiao-Leung	Bukit Tengah

Bil.	Nama	Ahli Kawasan
26	YB. Syerleena Binti Abdul Rashid	Seri Delima
27	YB. Lee Chun Kit	Pulau Tikus
28	YB. Zolkifly Bin Md. Lazim	Telok Bahang
29	YB. Khaliq Mehtab Bin Mohd Ishaq	Bertam
30	YB. Kumaresan A/L Aramugam	Batu Uban
31	YB. Mustafa Kamal Bin Ahmad	Telok Ayer Tawar
32	YB. Joseph Ng Soon Siang	Air Itam
33	YB. H'ng Mooi Lye	Jawi
34	YB. Haji Mohd Tuah Bin Ismail	Pulau Betong
35	YB. Goh Choon Aik	Bukit Tambun
36	YB. Daniel Gooi Zi Sen	Pengkalan Kota
37	YB. Heng Lee Lee	Berapit
38	YB. Zulkifli Bin Ibrahim	Sungai Acheh
39	YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor	Ketua Pembangkang/Sungai Dua
40	YB. Nor Hafizah Binti Othman	Permatang Berangan
41	YB. Mohd. Yusni Bin Mat Piah	Penaga

AHLI-AHLI YANG HADIR MENGIKUT BAHAGIAN I BAB 3 PERKARA 6A PERLEMBAGAAN NEGERI PULAU PINANG.

HADIR

Bil.	Nama	Jawatan/Ahli Kawasan
1	YB. Dato' Seri Haji Farizan Bin Darus	Setiausaha Kerajaan Negeri
2	YB. Dato' Anas Bin Ahmad Zakie	Penasihat Undang–Undang Negeri
3	YB. Dato' Sarul Bahiyah Binti Haji Abu	Pegawai Kewangan Negeri

TURUT HADIR

Cik Maheswari A/P Malayandy - Setiausaha Dewan Undangan Negeri

Encik Mohd Roshidi Bin Azmi - Timbalan Setiausaha Dewan Undangan Negeri

Dewan mula bersidang pada jam 9.30 pagi.

1. DOA

2. PENGUMUMAN OLEH SETIAUSAHA DEWAN

Setiausaha telah memaklumkan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri telah menetapkan 2 haribulan Ogos 2018 sebagai hari permulaan Mesyuarat Pertama Penggal Pertama Dewan Undangan Negeri Yang Keempat Belas melalui pengisytiharan pada 26 Jun 2018 dan diwartakan pada 28 Jun 2018 dan mesyuarat akan bersidang sehingga semua urusan mesyuarat selesai. Menurut Perkara 20 Perlembagaan Negeri Pulau Pinang dan mengikut aturan yang dinyatakan dalam Peraturan Mesyuarat (1) Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri akan menjalankan urusan memilih Tuan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang. Setiausaha memaklumkan bahawa satu cadangan untuk pemilihan Tuan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri telah diterima iaitu daripada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri melalui surat beliau bertarikh 19 Julai 2018.

3. PENGUMUMAN OLEH YAB. KETUA MENTERI

YAB. Ketua Menteri telah mencadangkan Yang Berbahagia Dato' Law Choo Kiang sebagai Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri dan telah disokong oleh YB. Timbalan Ketua Menteri I.

Mesyuarat Dewan Undangan Negeri telah mengisytiharkan Yang Berhormat Dato' Law Choo Kiang sebagai Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri menurut Peruntukan Peraturan Mesyuarat 1(3) dan beliau seterusnya mengangkat sumpah serta menandatangani Surat Sumpah.

4. PERUTUSAN OLEH YANG DI-PERTUA DEWAN UNDANGAN NEGERI

Ahli-ahli Yang Berhormat selamat pagi dan salam sejahtera kepada semua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih atas kepercayaan dan keyakinan Ahli-ahli Yang Berhormat kepada saya untuk memimpin Dewan yang mulia ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat di atas kepercayaan yang diberikan, saya akan berusaha untuk menjalankan tugas saya dan kewajipan saya sebagai Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri yang begitu penting sekali dengan seberapa sempurna demi menegakkan dan mempertahankan Perlembagaan Negeri Pulau Pinang serta memastikan semua Peraturan-peraturan Mesyuarat Dewan Undangan Negeri dipatuhi. Di kesempatan ini juga saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat kerana dipilih sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang dalam Pilihan Raya Umum ke-14 yang lalu.

Sehubungan itu atas kepercayaan dan keyakinan yang diberikan oleh rakyat untuk mewakili kepentingan mereka dalam Dewan Yang Mulia ini saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat perlu mematuhi Peraturan-peraturan Mesyuarat dengan penuh disiplin, berintegriti dan bertanggungjawab tanpa mengira kedudukan dan fahaman politik. Lawan tetap lawan, kawan tetap kawan, Dewan tetap Dewan. Bagi memastikan kelancaran perjalanan mesyuarat Dewan Undangan Negeri adalah penting sekali lagi saya menegaskan untuk setiap Ahli-ahli Yang Berhormat memahami dan mematuhi peraturan dan saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat dapat membenarkan sepenuhnya ruang dan peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan agar suara dan permasalahan rakyat dapat disampaikan di dalam Dewan Yang Mulia ini dan biarlah perbahasan Ahli-ahli Yang Berhormat ringkas, padat, relevan dan memberi impak.

Semoga sidang Dewan pada kali ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh Ahli-ahli Yang Berhormat demi kesejahteraan rakyat dan pembangunan Negeri Pulau Pinang. Akhir kata, sekali lagi saya ucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekian.

5. ANGKAT SUMPAH OLEH AHLI-AHLI DEWAN UNDANGAN NEGERI

Ahli-ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat Sumpah dan menandatangani Surat Sumpah:

- i. Yang Amat Berhormat Chow Kon Yeow
- ii. Yang Berhormat Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Bin Abd. Rahman
- iii. Yang Berhormat Prof. P. Ramasamay A/L Palanisamy
- iv. Yang Berhormat Chong Eng
- v. Yang Berhormat Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh
- vi. Yang Berhormat Phee Boon Poh
- vii. Yang Berhormat Dr. Afif Bin Bahardin
- viii. Yang Berhormat Zairil Khir Johari
- ix. Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Halim Bin Haji Hussain
- x. Yang Berhormat Yeoh Soon Hin
- xi. Yang Berhormat Soon Lip Chee
- xii. Yang Berhormat Dr. Amar Pritpal Bin Abdullah
- xiii. Yang Berhormat Lim Guan Eng
- xiv. Yang Berhormat Dato' Saifuddin Nasution Bin Ismail
- xv. Yang Berhormat Teh Lai Heng
- xvi. Yang Berhormat Lim Siew Khim
- xvii. Yang Berhormat Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin
- xviii. Yang Berhormat Lee Khai Loon
- xix. Yang Berhormat Ong Ah Leong
- xx. Yang Berhormat Satees A/L Muniandy
- xxi. Yang Berhormat Azrul Mahathir Bin Aziz
- xxii. Yang Berhormat Muhammad Faiz Bin Fadzil
- xxiii. Yang Berhormat Jason Ong Khan Lee
- xxiv. Yang Berhormat Gooi Hsiao-Leung
- xxv. Yang Berhormat Syerleena Binti Abdul Rashid
- xxvi. Yang Berhormat Lee Chun Kit
- xxvii. Yang Berhormat Zolkifly Bin Md. Lazim
- xxviii. Yang Berhormat Khalid Mehtab Bin Mohd Ishaq
- xxix. Yang Berhormat Kumaresan A/L Aramugam
- xxx. Yang Berhormat Mustafa Kamal Bin Ahmad
- xxxi. Yang Berhormat Joseph Ng Soon Siang
- xxxii. Yang Berhormat H'ng Mooi Lye
- xxxiii. Yang Berhormat Haji Mohd Tuah Bin Ismail
- xxxiv. Yang Berhormat Goh Choon Aik
- xxxv. Yang Berhormat Daniel Gooi Zi Sen
- xxxvi. Yang Berhormat Heng Lee Lee
- xxxvii. Yang Berhormat Zulkifli Bin Ibrahim
- xxxviii. Yang Berhormat Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor
- xxxix. Yang Berhormat Nor Hafizah Binti Othman
- xl. Yang Berhormat Mohd. Yusni Bin Mat Piah

6. PELANTIKAN TIMBALAN YANG DI-PERTUA DEWAN UNDANGAN NEGERI

Yang Berhormat Dr. Amar Pritpal Bin Abdullah telah dilantik sebagai Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri dan seterusnya mengangkat sumpah dan menandatangani Surat Sumpah.

7. PENGUMUMAN OLEH YANG DI-PERTUA DEWAN UNDANGAN NEGERI

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri telah mengumumkan Yang Berhormat Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor dipilih sebagai Ketua Pembangkang mengikut Subperaturan 4A(1) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang.

Mesyuarat ditangguhkan dan akan disambung pada 3 Ogos 2018 jam 9.30 pagi.

Dewan ditangguhkan pada jam 10.55 pagi.

MINIT PERSIDANGAN

MESYUARAT PERTAMA PENGKAL PERSIDANGAN PERTAMA

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG YANG KEEMPAT BELAS

Tarikh : 03 OGOS 2018 (JUMAAT)
Masa : 10.00 Pagi
Tempat : Dewan Undangan Negeri
Lebuh Light, George Town
Pulau Pinang.

HADIR

Bil.	Nama	Ahli Kawasan
1.	YB. Dato' Law Choo Kiang	Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri
2.	YAB. Chow Kon Yeow	Ketua Menteri / Padang Kota
3.	YB. Prof. Dr. P. Ramasamy A/L Palanisamy	Timbalan Ketua Menteri II / Perai
4.	YB. Chong Eng	Padang Lalang
5.	YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh	Datok Keramat
6.	YB. Phee Boon Poh	Sungai Puyu
7.	YB. Dr. Afif Bin Bahardin	Seberang Jaya
8.	YB. Zairil Khir Johari	Tanjung Bunga
9.	YB. Dato' Haji Abdul Halim Bin Haji Hussain	Batu Maung
10.	YB. Yeoh Soon Hin	Paya Terubong
11.	YB. Soon Lip Chee	Bagan Jermal
12.	YB. Dr. Amar Pritpal Bin Abdullah	Timbalan YDP Dewan/Sungai Bakap
13.	YB. Lim Guan Eng	Air Putih
14.	YB. Dato' Saifuddin Nasution Bin Ismail	Pantai Jerejak
15.	YB. Teh Lai Heng	KOMTAR
16.	YB. Lim Siew Khim	Sungai Pinang
17.	YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin	Penanti
18.	YB. Lee Khai Loon	Machang Bubuk
19.	YB. Ong Ah Teong	Batu Lancang
20.	YB. Satees A/L Muniandy	Bagan Dalam
21.	YB. Azrul Mahathir Bin Aziz	Bayan Lepas
22.	YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil	Permatang Pasir
23.	YB. Jason Ong Khan Lee	Kebun Bunga

Bil.	Nama	Ahli Kawasan
24.	YB. Gooi Hsiao-Leung	Bukit Tengah
25.	YB. Syerleena Binti Abdul Rashid	Seri Delima
26.	YB. Lee Chun Kit	Pulau Tikus
27.	YB. Zolkifly Bin Md. Lazim	Telok Bahang
28.	YB. Khaliq Mehtab Bin Mohd Ishaq	Bertam
29.	YB. Kumaresan A/L Aramugam	Batu Uban
30.	YB. Mustafa Kamal Bin Ahmad	Telok Ayer Tawar
31.	YB. Joseph Ng Soon Siang	Air Itam
32.	YB. H'ng Mooi Lye	Jawi
33.	YB. Haji Mohd Tuah Bin Ismail	Pulau Betong
34.	YB. Goh Choon Aik	Bukit Tambun
35.	YB. Daniel Gooi Zi Sen	Pengkalan Kota
36.	YB. Heng Lee Lee	Berapit
37.	YB. Zulkifli Bin Ibrahim	Sungai Acheh
38.	YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor	Ketua Pembangkang/Sungai Dua
39.	YB. Nor Hafizah Binti Othman	Permatang Berangan
40.	YB. Mohd. Yusni Bin Mat Piah	Penaga

TIDAK HADIR

Bil.	Nama	Jawatan/Ahli Kawasan
1.	YB. Dato' Ir. Haji Ahmad Zakiyuddin Bin Abd. Rahman	Timbalan Ketua Menteri I / Pinang Tunggai

AHLI-AHLI YANG HADIR MENGIKUT BAHAGIAN I BAB 3 PERKARA 6A PERLEMBAGAAN NEGERI PULAU PINANG.

HADIR

Bil.	Nama	Jawatan/Ahli Kawasan
1.	YB. Dato' Seri Haji Farizan Bin Darus	Setiausaha Kerajaan Negeri
2.	YB. Dato' Anas Bin Ahmad Zakie	Penasihat Undang-Undang Negeri
3.	YB. Dato' Sarul Bahiyah Binti Haji Abu	Pegawai Kewangan Negeri

TURUT HADIR

Cik Maheswari A/P Malayandy - Setiausaha Dewan Undangan Negeri

Encik Mohd Roshidi Bin Azmi - Timbalan Setiausaha Dewan Undangan Negeri

1. **BACAAN DOA**

2. **UCAPAN OLEH T.Y.T. YANG DI-PERTUA NEGERI PULAU PINANG**

Assalamualaikum WBT. Selamat pagi dan salam sejahtera. Bismillahirrahmanirrahim. Alhamdulillah rabbil-'alamin was-salatu was-salam 'ala sayyidil-mursalin wa 'ala 'alihi wa sahbihi ajma'in.

Yang Berhormat Dato' Law Choo Kiang, Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang dan Yang Berbahagia Datin Teoh Hooi Tuang,

Yang Berhormat Tuan Chow Kon Yeow, Ketua Menteri Pulau Pinang dan Yang Berbahagia Puan Tan Lean Kee,

Yang Berhormat Prof. Dr. P. Ramasamy A/L Palanisamy, Timbalan Ketua Menteri II Pulau Pinang,

Yang Berhormat Dato' Seri Farizan Bin Darus, Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Yang Berhormat Muhamad Yusoff Bin Mohd. Nor, Ketua Pembangkang,

Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri,

Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri, Yang Berbahagia Konsul-Konsul Jeneral negara sahabat di Pulau Pinang,

Yang Berbahagia Dato' Seri-Dato' Seri, Datin Seri-Datin Seri, Dato'-Dato', Datin-Datin, Ketua-ketua Jabatan, Agensi Negeri dan Persekutuan, seterusnya tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian.

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dilafazkan kepada Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya jua maka dapat kita berada di dalam Dewan yang mulia ini bagi Majlis Perasmian Mesyuarat Pertama Penggal Pertama Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang untuk kali yang keempat belas.

Sebelum itu, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat kerana dipilih untuk mewakili kawasan Dewan Undangan Negeri masing-masing dalam Pilihanraya Umum yang keempat belas pada 09 Mei 2018 dan telah pun mengangkat sumpah sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri pada 02 Ogos 2018. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan terima kasih kepada Suruhanjaya Pilihanraya serta jenteranya termasuk anggota-anggota keselamatan dan semua jabatan-jabatan dan agensi kerajaan yang terlibat dalam pengurusan pilihan raya hingga membolehkan penubuhan kerajaan susulan kepada keputusan pilihan raya yang berkenaan.

Sesungguhnya, keputusan pilihanraya tersebut membuktikan keyakinan pemilih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat untuk mewakili mereka di dalam Dewan yang mulia ini. Amanah serta harapan yang diberikan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat hendaklah diterjemahkan dengan menyuarakan kehendak dan ekspektasi mereka dan melunaskan keperluan tersebut dengan penuh tanggungjawab, berintegriti, jujur dan ikhlas.

Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Tuan Chow Kon Yeow atas pelantikannya sebagai Ketua Menteri yang baharu iaitu Ketua Menteri yang kelima. Tahniah juga kepada barisan Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri di atas pelantikan untuk mengetuai portfolio masing-masing bagi melaksanakan agenda pembangunan negeri yang kita sayangi ini. Saya percaya barisan kepimpinan Kerajaan Negeri bersama-sama Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri yang baru dan yang muda akan terus berusaha dengan penuh gigih berlandaskan prinsip-prinsip Cekap, Akauntabiliti dan Telus ataupun C.A.T. untuk memacu kesejahteraan dan kemakmuran Negeri Pulau Pinang demi memenuhi aspirasi dan kepercayaan yang diberikan oleh rakyat.

Pilihanraya Umum yang keempat belas telah mencipta sejarah tersendiri kepada Negeri Pulau Pinang. Jika Pilihanraya Umum ke-12 pada 2008 telah menjadikan Negeri Pulau Pinang sebagai sebuah negeri pembangkang tetapi Pilihanraya Umum yang keempat belas telah melucutkan Pulau Pinang dengan *title* negeri Pembangkang sebaliknya Pulau Pinang telah bersama-sama dengan Kerajaan Persekutuan sebagai Kerajaan Pakatan Harapan. Kemenangan ini sebenarnya perlu diterjemahkan bahawa ianya menjadikan segala urusan antara Kerajaan Negeri dan Persekutuan dapat di sinergikan. Malah pengiktirafan awal Kerajaan Persekutuan kepada Pulau Pinang selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan memilih Pulau Pinang selaku tuan rumah untuk Majlis Pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang 2018 yang akan diadakan di Padang Kota Lama pada 04 Ogos 2018 dan akan dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Tun Dr. Mahathir Bin Mohamad, Perdana Menteri Malaysia.

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat dapat menggunakan sebaik-baiknya Persidangan Dewan Undangan Negeri untuk menentukan hala tuju negeri bagi tempoh lima (5) tahun akan datang. Ahli-ahli Yang Berhormat hendaklah mematuhi segala ketetapan dan Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri. Saya percaya Dewan Undangan ini dapat menjadi sebagai medan untuk menegakkan keadilan dan demokrasi serta Dewan yang mulia ini juga akan menyaksikan Ahli-ahli Yang Berhormat mengambil bahagian dalam perbahasan secara berhemah serta sopan, mematuhi tatasusila dan etika perbahasan dengan mengutarakan buah fikiran yang bernas dan memberi cadangan yang berkualiti. Ahli-ahli Yang Berhormat perlu mengambil bahagian dalam perbahasan secara matang serta dapat merangsangkan berfikir, mencari yang benar lagi baik serta memberi cadangan dan saranan dengan penuh berhemah lagi bijaksana, penuh kesopanan supaya institusi Dewan Undangan Negeri selaku Dewan yang mulia ini sentiasa terus dihormati, disegani dan dipandang tinggi oleh semua pihak setiap masa.

Dalam mana-mana perbahasan, terdapat perbezaan pandangan dalam beberapa perkara, raikan perbezaan tersebut dengan mengutarakan hujah balas secara bertata susila supaya kemuliaan Dewan ini terpelihara, terus dihormati dan dipandang tinggi terutamanya oleh rakyat Ahli-ahli Yang Berhormat wakili. Saya juga percaya Ahli-ahli Yang Berhormat akan sentiasa patuh dengan segala Peraturan Dewan termasuk dengan menepati masa supaya persidangan berlangsung dengan lancar.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Negeri Pulau Pinang sememangnya mempunyai banyak kelebihan yang menjadi faktor pendorong kepada kepesatan pembangunan sosio ekonomi. Kedudukan yang strategik, kemudahan infrastruktur yang lengkap serta kewujudan pelbagai institusi pengajian tinggi awam dan swasta telah menyediakan satu persekitaran yang amat menggalakkan bagi pertemuan berbagai sektor khususnya perindustrian dan pelancongan.

Kita perlu bersyukur kerana Negeri Pulau Pinang mempunyai pakej yang lengkap untuk pelbagai bidang pelaburan. Saya yakin dengan kepimpinan Kerajaan Negeri yang Cekap, Akauntabiliti dan Telus yakni CAT akan menarik penyertaan lebih banyak pelabur baik tempatan mahupun antarabangsa. Selain itu, pakej lengkap tersebut juga menggalakkan lagi sektor pelancongan yang sememangnya telah lama bertapak di sini. Perkembangan tersebut memberi impak positif ke arah kesejahteraan dan kemakmuran Negeri Pulau Pinang secara berterusan.

Saya berharap kita tidak leka dengan pencapaian selama ini. Segala kecemerlangan yang dikecapi serta segala pengiktirafan atas kecemerlangan tersebut bukan sahaja perlu diteruskan malah perlu dipertingkatkan lagi khususnya untuk tempoh lima (5) tahun yang akan datang. Kerajaan Negeri bersama pihak swasta serta rakyat perlu terus bekerjasama sebagai satu jentera untuk memperbaiki dan mempertingkatkan ekonomi rakyat terutamanya mereka yang berpendapatan rendah. Pembinaan melalui agenda ekonomi dan politik tanpa mengira kaum dapat menegakkan keadilan sosial serta merapatkan jurang antara kaum. Usaha Kerajaan Negeri dengan memberi tumpuan dalam meningkatkan peluang-peluang ekonomi baru sejajar dengan perkembangan revolusi industri 4.0 yang menekankan teknologi kreatif *Internet of Things* (IOT) tidak dapat dinafikan.

Selain itu dalam usaha untuk menjadi sebuah negeri maju , tumpuan terhadap pembangunan bakat atau talent management dalam bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) perlu dilipatgandakan. Adalah menjadi harapan saya agar suatu hari nanti Pulau Pinang akan menjadi pusat kecemerlangan Sains dan Teknologi tinggl di rantau ini setaraf dengan *Silicon Valley* di Amerika, *Tsukuba Science City* di Jepun ataupun *Suwon* di Korea Selatan. Untuk menterjemahkan hasrat tersebut menjadi suatu realiti, saya menyarankan supaya Ahli-Ahli Yang Berhormat memainkan peranan yang aktif dalam membantu kerajaan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, aspek pembangunan mampan atau *sustainable development* yang perlu menitikberatkan kehijauan dan kelestarian harus kita memberikan perhatian yang serius oleh Kerajaan Negeri dah Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian. Pembangunan mampan adalah perlu untuk memastikan keperluan generasi hari ini dipenuhi tanpa mengorbankan hak generasi yang akan datang.

Selain itu, suka saya tegaskan di sini bahawa dalam kepesatan pembangunan yang dikecapi, mereka yang kurang bernasib baik tidak harus kita lupakan. Saya berharap agar Kerajaan Negeri terus memberi fokus terhadap keperluan golongan B40 dan M40 terutama berkaitan kos sara hidup dan kediaman mampu milik. Penyediaan Rumah Mampu Milik (RMM) yang mencukupi adalah perlu terutama rumah yang berharga RM42,000.00 untuk memastikan matlamat "Satu Keluarga Satu Rumah" dapat dicapai. Dalam hal ini, pihak swasta juga perlu tampil dalam membantu Kerajaan Negeri untuk menangani isu tersebut dan tidak hanya memikirkan keuntungan semata-mata.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan, Islam adalah agama rasmi Persekutuan. Oleh itu ia harus dimartabatkan dengan memperkasa institusi-institusi berkaitan Islam, selain daripada mempergiatkan program-program pembangunan insan yang seimbang antara duniawi dan ukhrawi. Usaha murni seperti ini mampu melahirkan masyarakat yang bertamadun dan berakhlak mulia dalam kepesatan pembangunan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, mentadbir sesebuah negeri adalah suatu amanah besar untuk dipikul Kerajaan Negeri. Namun, tanggungjawab yang berat ini akan dapat diringankan sekiranya ia dilaksanakan dengan semangat berpasukan yang tinggi dalam kalangan kepimpinan negeri dan sokongan padu Ahli-ahli Yang Berhormat adalah diperlukan. Dalam perkara ini, saya mempunyai keyakinan yang tinggi bahawa Yang Amat Berhormat Ketua Menteri, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dan Ahli-ahli Yang Berhormat mempunyai kekuatan untuk menggalas tanggungjawab tersebut dengan berkesan. Di kesempatan ini saya menyerukan semua Ahli-ahli Yang Berhormat walaupun pembangkang, untuk sama-sama berusaha dan bergerak seiring dengan kerajaan untuk membela kehidupan rakyat dengan mempertingkatkan keadilan serta memastikan pembelaan yang sewajarnya dari segi peluang ekonomi, sosial dan lain-lain.

Sebagai rumusan adalah menjadi harapan saya untuk melihat Ahli-ahli Yang Berhormat bersama-sama semua warga kerja perkhidmatan awam, swasta dan rakyat negeri ini menggembungkan tenaga serta daya fikir untuk menyumbang ke arah pelaksanaan projek-projek fizikal dan bukan fizikal yang *people centric*.

Saya juga merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas komitmen dan sumbangan oleh seluruh Anggota Perkhidmatan Awam, Anggota Pasukan Keselamatan khususnya Polis Diraja Malaysia dan Angkatan Tentera Malaysia serta semua pihak yang terlibat dalam menyumbang ke arah pembangunan, keamanan dan kemakmuran negeri serta kesejahteraan rakyat negeri Pulau Pinang.

Akhir kata saya mendoakan agar Allah SWT sentiasa melimpahkan rahmat-Nya kepada kita semua serta melindungi negeri yang tercinta ini dari sebarang unsur negatif supaya kita terus maju, makmur dan mendapat perlindungan dari Yang Maha Esa.

Dengan lafaz *Bismillahirrahmanirrahim*, saya dengan sukacitanya merasmikan Pembukaan Mesyuarat Pertama Penggal Pertama Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Yang Keempat Belas. Sekian.

Selamat bersidang di Dewan yang mulia ini. Terima Kasih. *Wasalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh*.

4. PENGUMUMAN OLEH YANG DI-PERTUA DEWAN UNDANGAN NEGERI:

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri memaklumkan Tuan Yang Terutama Tun dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan, akan meninggalkan Dewan. Ahli-ahli Yang Berhormat dijemput untuk bergambar bersama-sama dengan Tuan Yang Terutama Tun. Mesyuarat ditangguhkan dan Dewan akan bersidang semula pada hari Isnin 22 Mei 2017, jam 9.30 pagi.

Dewan ditangguh pada jam 11.45 pagi.

MINIT PERSIDANGAN

MESYUARAT PERTAMA PENGKAL PERSIDANGAN PERTAMA

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG YANG KEEMPAT BELAS

Tarikh : 06 OGOS 2018 (ISNIN)
Masa : 9.30 Pagi
Tempat : Dewan Undangan Negeri
Lebuh Light, George Town
Pulau Pinang.

HADIR

Bil.	Nama	Ahli Kawasan
1.	YB. Dato' Law Choo Kiang	Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri
2.	YAB. Chow Kon Yeow	Ketua Menteri / Padang Kota
3.	YB. Prof. Dr. P. Ramasamy A/L Palanisamy	Timbalan Ketua Menteri II / Perai
4.	YB. Chong Eng	Padang Lalang
5.	YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh	Datok Keramat
6.	YB. Phee Boon Poh	Sungai Puyu
7.	YB. Dr. Afif Bin Bahardin	Seberang Jaya
8.	YB. Zairil Khir Johari	Tanjung Bunga
9.	YB. Dato' Haji Abdul Halim Bin Haji Hussain	Batu Maung
10.	YB. Yeoh Soon Hin	Paya Terubong
11.	YB. Soon Lip Chee	Bagan Jermal
12.	YB. Dr. Amar Pritpal Bin Abdullah	Timbalan YDP Dewan/Sungai Bakap
13.	YB. Lim Guan Eng	Air Putih
14.	YB. Dato' Saifuddin Nasution Bin Ismail	Pantai Jerejak
15.	YB. Teh Lai Heng	KOMTAR
16.	YB. Lim Siew Khim	Sungai Pinang
17.	YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin	Penanti
18.	YB. Lee Khai Loon	Machang Bubuk
19.	YB. Ong Ah Teong	Batu Lancang
20.	YB. Satees A/L Muniandy	Bagan Dalam
21.	YB. Azrul Mahathir Bin Aziz	Bayan Lepas
22.	YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil	Permatang Pasir
23.	YB. Jason Ong Khan Lee	Kebun Bunga

Bil.	Nama	Ahli Kawasan
24.	YB. Gooi Hsiao-Leung	Bukit Tengah
25.	YB. Syerleena Binti Abdul Rashid	Seri Delima
26.	YB. Lee Chun Kit	Pulau Tikus
27.	YB. Zolkifly Bin Md. Lazim	Telok Bahang
28.	YB. Khaliq Mehtab Bin Mohd Ishaq	Bertam
29.	YB. Kumaresan A/L Aramugam	Batu Uban
30.	YB. Mustafa Kamal Bin Ahmad	Telok Ayer Tawar
31.	YB. Joseph Ng Soon Siang	Air Itam
32.	YB. H'ng Mooi Lye	Jawi
33.	YB. Haji Mohd Tuah Bin Ismail	Pulau Betong
34.	YB. Goh Choon Aik	Bukit Tambun
35.	YB. Daniel Gooi Zi Sen	Pengkalan Kota
36.	YB. Heng Lee Lee	Berapit
37.	YB. Zulkifli Bin Ibrahim	Sungai Acheh
38.	YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor	Ketua Pembangkang/Sungai Dua
39.	YB. Nor Hafizah Binti Othman	Permatang Berangan
40.	YB. Mohd. Yusni Bin Mat Piah	Penaga

TIDAK HADIR

Bil.	Nama	Jawatan/Ahli Kawasan
1	YB. Dato' Ir. Haji Ahmad Zakiyuddin Bin Abd. Rahman	Timbalan Ketua Menteri I / Pinang Tunggai

AHLI-AHLI YANG HADIR MENGIKUT BAHAGIAN I BAB 3 PERKARA 6A PERLEMBAGAAN NEGERI PULAU PINANG.

HADIR

Bil.	Nama	Jawatan/Ahli Kawasan
1.	YB. Dato' Seri Haji Farizan Bin Darus	Setiausaha Kerajaan Negeri
2.	YB. Dato' Anas Bin Ahmad Zakie	Penasihat Undang-Undang Negeri
3.	YB. Dato' Sarul Bahiyah Binti Haji Abu	Pegawai Kewangan Negeri

TURUT HADIR

Cik Maheswari A/P Malayandy	-	Setiausaha Dewan Undangan Negeri
Encik Mohd Roshidi Bin Azmi	-	Timbalan Setiausaha Dewan Undangan Negeri

Dewan mula bersidang pada jam 9.30 pagi.

1. DOA

2. PENGUMUMAN YANG DI-PERTUA DEWAN UNDANGAN NEGERI

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri memaklumkan sesi Dewan pada kali ini akan menimbangkan 79 Soalan Lisan, 581 Soalan Bertulis, 1 Rang Undang-Undang dan 7 Usul. Mesyuarat akan bersidang sehingga semua urusan mesyuarat selesai.

3. PEMBENTANGAN RISALAH

Bilangan 1 Tahun 2018 - Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2016 : Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Prestasi Kewangan Agensi Negeri Pulau Pinang

Bilangan 2 Tahun 2018 - Laporan Tahunan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) 2016

4. SOALAN-SOALAN BERTULIS

I. AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK (YB. LEE KHAI LOON)

1. Terangkan status terkini tentang projek naiktaraf pembesaran Masjid Cherok To'kun Atas.
 - (a) Apakah masalah atau halangan yang menyebabkan projek tersebut tidak dapat dilaksanakan sehingga kini?
 - (b) Nyatakan usaha Kerajaan Negeri dalam menyuburkan syiar Islam di negeri Pulau Pinang.
2. Terangkan status terkini tentang projek menaik taraf Jalan Bukit Minyak daripada dua lorong kepada empat lorong.
 - (a) Bilakah projek ini dijangka akan siap untuk menangani kesesakan lalu lintas yang kian serius?
 - (b) Nyatakan jumlah kos projek tersebut mengikut kos pembinaan dan kos pengambilan balik tanah.
3. Sejauh manakah larangan import sisa plastik dikuat kuasakan khasnya di Pulau Pinang?
 - (a) Senaraikan kilang-kilang yang beroperasi memproses import sisa plastik mengikut daerah, lokasi dan keberatannya.
 - (b) Apakah usaha yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk memastikan bahawa Pulau Pinang tidak dijadikan destinasi pembuangan sisa plastik oleh negara maju di Eropah seperti UK?
4. Terangkan status terkini tentang projek perumahan Program Perumahan Rakyat (PPR) Permatang Tok Suboh yang telah siap dibina.
 - (a) Nyatakan kriteria dan syarat yang telah dikenakan ke atas proses pengagihan rumah PPR tersebut kepada golongan sasaran.
 - (b) Apakah usaha yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk membina rumah PPR yang mempunyai permintaan yang tinggi di kalangan rakyat?
5. Sila berikan kronologi secara terperinci tentang isu pembangunan tanah TUDM di Butterworth.
 - (a) Nyatakan nilai tanah pasaran yang terkini untuk tanah tersebut mengikut kaki persegi dan jumlah keluasan tanah mengikut lot.
 - (b) Sila nyatakan pendirian Kerajaan Negeri ke atas cadangan pembangunan tersebut.

6. Masalah kesesakan lalu lintas di Jalan Kulim semakin serius.
 - (a) Terangkan status terkini tentang rancangan menaik taraf Jalan Kulim.
 - (b) Nyatakan masalah dan halangan yang menyebabkan projek tersebut masih tidak dilaksanakan.
 - (c) Sila kemukakan kajian dan cadangan yang telah dibuat untuk menangani masalah kesesakan lalu lintas di sekitar jaringan Jalan Kulim.

7. Sila jelaskan status pelaksanaan program *Healthier Penang* yang memberikan kad elektronik "I LOVE Penang" untuk rakyat menikmati rawatan klinik percuma.
 - (a) Nyatakan secara terperinci tentang bagaimana pelaksanaan kad elektronik digunakan.
 - (b) Apakah kad elektronik "I LOVE Penang" boleh dibangun untuk menjadi kad pintar untuk semua program i-Sejahtera dan kebajikan?

8. Senaraikan bilangan penduduk Pulau Pinang yang mempunyai masalah kewarganegaraan (IC Merah) mengikut daerah, kaum, umur dan jantina.
 - (a) Terangkan sebab-sebab masalah kewarganegaraan ini berlaku sehingga kini dan tidak dapat ditangani dengan baik?
 - (b) Apakah peranan Kerajaan Negeri dalam usaha menangani masalah ini?

9. Senaraikan jumlah penerima program Pelajar Emas serta jumlah keseluruhan pelajar mengikut tingkatan dan daerah sejak 2013.
 - (a) Bolehkah Kerajaan Negeri terus memberi bantuan Pelajar Emas kepada semua yang layak tanpa pengisian borang maklumat dan karenah birokrasi?
 - (b) Jika tidak boleh, terangkan kenapa.

10. Senaraikan bilangan pelajar yang menerima bantuan pendaftaran pelajaran ke IPT sejak 2013 mengikut daerah dan jumlah peruntukan.
 - (a) Kenapa hanya lima buah IPTS diluluskan oleh MMK untuk menerima bantuan?
 - (b) Adakah kerajaan akan mempertimbangkan lebih banyak IPTS ke dalam senarai IPTS yang boleh menerima bantuan?

11. Terangkan status tanah milikan syarikat 1MDB, bernilai RM1.3 billion yang terletak di Ayer Itam, Penang.
 - (a) Nyatakan rancangan atau cadangan pembangunan yang bakal dijalankan oleh pemilik tanah tersebut?
 - (b) Apakah tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri ke atas tanah tersebut?

12. Terangkan secara terperinci tentang status terkini projek pembangunan Penang World City.
 - (a) Adakah pembangunan tersebut telah mencapai KPI dan harapan asal yang telah ditetapkan?
 - (b) Apakah pelan mitigasi yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri sekiranya projek tersebut tidak mencapai KPI dan sasaran yang telah ditetapkan?

13. Terangkan secara terperinci tentang aktiviti lombongan pasir di sepanjang Sungai Junjong yang melibatkan runtuh tebing sungai di bahagian SPT dan SPS.
 - (a) Nyatakan tindakan penguatkuasaan yang telah dijalankan ke atas pengusaha-pengusaha lombong pasir tersebut?
 - (b) Jelaskan *standard of procedure* (SOP) untuk memberi kebenaran mengambil pasir kepada pengusaha.

14. Nyatakan usaha Kerajaan Negeri dalam menyediakan perkhidmatan taska komuniti (Community Child Care Centre) untuk mempertingkatkan kadar golongan wanita bekerja.
 - (a) Senaraikan kadar bayaran perkhidmatan taska mengikut daerah.
 - (b) Apakah peranan kerajaan dalam usaha memastikan taska telah dikendalikan dengan profesional serta selamat?
15. Nyatakan status terkini tentang projek naiktaraf Jalan Permatang Tinggi, Laluan Persekutuan 1, untuk menangani kesesakan lalulintas serta pertingkatkan keselamatan pengguna jalan raya.
 - (a) Senaraikan projek-projek pembangunan yang sedang dan akan dijalankan di sepanjang laluan mengikut lokasi dan bilangan unit bangunan.
 - (b) Apakah usaha Kerajaan Negeri untuk memastikan keselamatan lalu lintas dapat dijamin?
16. Senaraikan cadangan projek pembinaan asrama pekerja asing di Negeri Pulau Pinang mengikut lokasi, bilangan unit dan pemaju.
 - (a) Terangkan secara terperinci tentang status terkini bagi setiap projek pembinaan tersebut.
 - (b) Bagaimanakah kerajaan menangani implikasi sosial pembinaan tersebut khasnya bantahan daripada penduduk setempat?
17. Senaraikan kawasan yang mempunyai internet jalur lebar yang menggunakan *fiber optic* mengikut daerah dan lokasi.
 - (a) Apakah usaha Kerajaan Negeri dalam menyediakan perkhidmatan internet yang berkelajuan tinggi dengan harga yang berpatutan?
 - (b) Sejauh manakah liputan internet di seluruh negeri Pulau Pinang khasnya di kawasan desa yang kurang akses kepada perkhidmatan internet?
18. Sejauh manakah hasrat Pelan Bandar Pintar (*Smart City*) dilaksanakan di peringkat pentadbiran negeri Pulau Pinang?
 - (a) Jelaskan cabaran dan halangan yang utama bagi menjadikan negeri Pulau Pinang sebagai negeri pintar.
 - (b) Apakah usaha yang diambil oleh Kerajaan Negeri dalam merealisasikan Pulau Pinang sebagai negeri yang pintar?
19. Nyatakan perbelanjaan Kerajaan Negeri bagi portfolio komunikasi kerajaan seperti Buletin Mutiara sejak 2013.
 - (a) Terdapat pertindihan portfolio penerangan apabila Pakatan Harapan ambil alih kerajaan pusat. Apakah rancangan Kerajaan Negeri akan membuat rombakan terhadap portfolio penerangan negeri?
 - (b) Apakah usaha Kerajaan Negeri dalam menyalurkan maklumat kepada rakyat dengan kos yang terendah?
20. Apakah usaha yang telah diambil oleh PWDC dalam mempertingkatkan kesedaran wanita terhadap hak dan gender?
 - (a) Jelaskan secara terperinci tentang usaha Kerajaan Negeri dalam membangunkan Briged Wanita dari segi jati diri dan kepimpinan?
 - (b) Terangkan masalah dan isu yang dihadapi oleh Briged Wanita dalam struktur urustadbir Kerajaan Negeri.
21. Keluarga B40 hilang punca pendapatan apabila Ketua Isi Rumah (KIR) meninggal dunia.
 - (a) Apakah bantuan dan usaha Kerajaan Negeri dalam menangani isu ini?
 - (b) Apakah kekangan dasar kerajaan yang menyebabkan golongan B40 ini tidak menerima bantuan kewangan kecemasan?
 - (c) Sejauh manakah bantuan tersebut dapat membantu keluarga B40 keluar dari kepompong kemiskinan?

22. Sila senaraikan janji-janji manifesto Kerajaan Negeri yang telah dibuat semasa kempen PRU14.
- Senaraikan janji-janji yang dapat ditunaikan dan akan direalisasikan dalam tahun ini 2018.
 - Senaraikan janji-janji yang belum dilaksanakan dan berikan sebab-sebab ia tidak dapat dilaksanakan.
23. Sila senaraikan bangunan-bangunan terbengkalai (kerajaan dan persendirian) dalam kawasan Machang Bubuk.
- Apakah rancangan kerajaan Pulau Pinang untuk membaik pulihkan bangunan-bangunan tersebut agar dapat memanfaatkan penduduk tempatan?
 - Nyatakan usaha yang telah diambil oleh kerajaan dalam membaik pulih dan aktifkan semula bangunan-bangunan lama tersebut?
24. Berdasarkan slogan/initiatif Kerajaan Pulau Pinang yang berbunyi '*Cleaner, Greener, Safer and Healthier Penang*', apakah Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Kerajaan Pulau Pinang untuk mencapai matlamat tersebut.
- Sejauh manakah kerajaan mencapai sasaran yang telah ditetapkan?
 - Nyatakan masalah yang dihadapi oleh kerajaan dalam usaha mencapai matlamat yang telah ditetapkan.
25. Apakah strategi kerajaan untuk mengendalikan kes kecemasan dan bencana selepas Pulau Pinang mengalami banjir yang serius pada November 2017?
- Adakah Skwad Khas MPSP yang diperkasakan dengan ilmu dan latihan?
 - Adakah Skwad Khas akan diperuntukkan elaun bulanan dan insuran serta dibentuk dalam setiap KADUN?
26. Sila senaraikan semua kemudahan tempat bersukan seperti gelanggang bola berbumbung, futsal dan lain-lainnya?
- Terangkan status pembinaannya dalam kawasan Machang Bubuk.
 - Apakah rancangan kerajaan untuk meningkatkan penglibatan anak muda dalam kegiatan sukan dalam kawasan tempatan.
27. Senaraikan kawasan-kawasan di negeri Pulau Pinang yang mempunyai program Bandar Selamat atau *Crime Prevention Through Environmental Design (CPTED)*
- Terangkan rancangan masa depan untuk merealisasikan konsep Bandar Selamat di seluruh negeri.
 - Apakah status cadangan pembinaan satu balai polis di Alma, KADUN Machang Bubuk, mempunyai penambahan penduduk yang tinggi?
28. Sejauhmanakah cultural mapping dapat memupuk semangat kejiranan penduduk tempatan serta mengenali komuniti dengan lebih mendalam?
- Bagaimana memelihara kebijaksanaan tempatan dan kemahiran tradisional yang semakin dilupai oleh orang muda?
 - Apakah usaha Kerajaan Negeri dalam membantu usaha NGO untuk melakarkan *cultural mapping* untuk komuniti di luar George Town khususnya di sekitar Bukit Mertajam?
29. Nyatakan jumlah sumbangan yang dikutip dalam program Penang Bangkit 2017.
- Senaraikan jumlah peruntukan yang telah digunakan oleh Kerajaan Negeri dalam menangani banjir besar mengikut bantuan *one-off*, diskaun air, diskaun cukai pintu dan ganti dokumen Kerajaan Negeri?
 - Senaraikan projek-projek kecil yang guna peruntukan Penang Bangkit untuk baik pulih tebing sungai dan infrastruktur?

30. Sejauh manakah konsep *participatory planning* dapat dilaksanakan dalam proses perancangan bandar dan desa?
- Terangkan peranan dan penglibatan wakil rakyat dan penduduk dalam proses perancangan serta mekanisme yang sedia ada.
 - Apakah usaha Kerajaan Negeri dalam mempertingkatkan penyertaan rakyat dalam proses perancangan bandar dan desa?

II. AHLI KAWASAN JAWI (YB. H'NG MOOI LYE)

- Adakah Kerajaan Pulau Pinang akan menyediakan peruntukan segera (TUNAI) kepada pejabat daerah bagi menyelesaikan kerja-kerja segera seperti memotong pokok yang tumbang dalam kawasan perkampungan, membersihkan parit tanah dalam kawasan tanggungjawab Pejabat Daerah?
- Adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan membuat penyelarasan semula bantuan Agenda Ekonomi Saksama (AES) dengan mengikut kaedah seperti mana Kerajaan Persekutuan lakukan sekarang ini?
- Sila nyatakan kilang haram di Seberang Perai diikuti dengan:
 - Bilangan kilang tanpa kelulusan MPSP di daerah SPU, SPT & SPS.
 - Sejak tahun 2017 berapa unit kilang telah berjaya menjalankan pemutihan?
 - Sila senaraikan nama kilang yang telah berdaftar di setiap daerah di bawah program pemutihan MPSP.
- Apakah tindakan oleh MPSP terhadap Kilang Green Ray Technology S/B seperti mana yang diputuskan dalam mesyuarat yang dipengerusi oleh EXCO Kerajaan Tempatan Lalu Lintas dan Tebatan Banjir (YAB. Tn. Chow Kon Yeow) pada 29/11/2017 di MPSP?
 - Sila nyatakan kronologi tindakan tersebut.
 - Apakah tindakan selanjutnya oleh MPSP sekiranya aduan masih banyak terima?
- Apakah peranan Jabatan Alam Sekitar dan MPSP untuk meluluskan lesen kilang yang menjalankan proses plastik buangan kitar semula (*Plastic Waste*) diimport dari luar negara?
 - Sekiranya ada minta huraikan syarat syarat yang ditetapkan kepada kilang yang menjalankan *Process Plastic Waste Recycle*?
 - Adakah aduan pencemaran udara diterima sebelum ini ?
- Masalah kesesakan lalu lintas di Jalan Persekutuan Nibong Tebal menuju ke arah Parit Buntar.
 - Adakah apa-apa perancangan oleh (Jabatan Kerja Raya) JKR untuk menaik taraf Jalan Persekutuan dari Nibong Tebal ke Parit Buntar?
 - Apakah tindakan oleh pihak JKR untuk mengatasi masalah kesesakan lalu lintas yang dihadapi setiap hari khasnya waktu lepas kerja?
- Apakah perancangan dari pihak PDC di kawasan Byram?
 - Berapa ekar tanah telah diambil alih oleh PDC dan apakah jenis perindustrian akan dirancang di kawasan Byram?
 - Adakah *master plan* di kawasan Byram telah disediakan?
 - Adakah rancangan membina rumah pekerja di kawasan Byram?
- Adakah jambatan yang menyeberangi Sungai Tengah dari Byram ke Batu Kawan akan dibina?
 - Sekiranya ada minta beri jangkaan masa jambatan ini akan dibina.
 - Sekiranya ada selain daripada jambatan ini adakah jambatan lain akan dibina bagi menyambung kawasan DUN Jawi dengan kawasan Batu Kawan.

9. Isu penempatan semula di Ladang Byram.
 - (a) Status terkini bagi projek penempatan semula di Ladang Byram.
 - (b) Bila projek ini akan bermula dan jangkaan masa penyerahan rumah.
 - (c) Adakah SJKT Byram akan dibina secara serentak dengan perumahan tersebut?

10. Penternak khinzir di Seluruh Pulau Pinang harus menaik taraf kepada Penternak *Close House System*.
 - (a) Bilakah ia akan dilaksana? Di mana penternak masih diberi tempoh masa berapa lama untuk menaik taraf?
 - (b) Apakah bantuan daripada Kerajaan Pulau Pinang bagi membantu para penternak menukar dari penternak tradisi kepada penternak *close house system*?

11. Adakah apa rancangan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk penempatan semula bagi Ladang Caledonia dan Ladang Victoria?
 - (a) Sekiranya ada minta beri maklumat terkini, berapa penghuni di Ladang Kaledonia dan Ladang Victoria terbabit.
 - (b) Jangkaan masa untuk memulakan?
 - (c) Sekiranya ada di manakah tapak baru akan dirancang?

12. Masalah gangguan kera/monyet semakin serius di kawasan kediaman DUN JAWI sejak tahun 2017.
 - (a) Adakah Jabatan Perhilitan Negeri serta agensi lain membuat sesuatu dalam hal ini bagi mengurangkan gangguan kera/monyet ini?
 - (b) Minta memberi statistik tangkapan kera/monyet yang telah dilakukan oleh Jabatan Perhilitan Negeri sejak tahun 2017 di DUN JAWI.

13. Pada Tahun 2017 nelayan yang berdaftar di bawah LKIM menerima bantuan baucer RM400 daripada Kerajaan Pulau Pinang. Ramai nelayan mengadu bahawa harga peralatan yang ditukar dengan baucer itu adalah terlampau tinggi.
 - (a) Adakah EXCO Pertanian akan meneruskan bantuan dengan cara ini ataupun akan membuat semakan semula dengan cara lain?

14. Bekalan elektrik di Jeti Nelayan Changkat perlu dibekalkan bagi keselesaan nelayan yang hendak pergi ke laut pada waktu malam atau subuh.
 - (a) Bilakah kerja-kerja bekalan elektrik bagi Jeti Nelayan Changkat akan dijalankan dimana isu ini sudah banyak kali dibangkit kepada pihak berkenaan?

15. Adakah Kerajaan Negeri bercadang membina kompleks sukan di daerah SPU, SPT & SPS untuk kegunaan orang awam?
 - (a) Sekiranya ada sila nyatakan lokasi dan jangka masa akan dibina.

16. Terdapat beberapa kolam renang terbuka kepada orang awam di Seberang Perai.
 - (a) Sila nyatakan bilangan kolam renang dibawah penyelenggaraan Kerajaan Negeri atau MPSP di Seberang Perai.
 - (b) Adakah rancangan Kerajaan Negeri untuk membina kolam renang kepada orang awam di daerah SPS pada masa akan datang?

17. Apakah tindakan atau kaedah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri supaya dapat membantu anak muda tempatan dapat peluang pekerjaan?
- (a) Sekiranya ada, sila nyatakan kaedah yang telah diambil.
 - (b) Selepas tindakan diambil, berapa peratus yang telah mendapat pekerjaan?
 - (c) Adakah Kerajaan Negeri memberi kursus kepada anak muda yang sedang mencari kerja?
18. Minta JPS huraikan semua pintu air dan rumah pam JPS di daerah SPS sama ada ia beroperasi dan tiada operasi diikuti seperti berikut:
- (a) Lokasi;
 - (b) Jenis operasi pam atau pintu air sama ada bekalan elektrik, manual, solar panel atau lain lain.
19. Adakah apa-apa jenis kilang dibina oleh Kerajaan Negeri untuk tujuan sewa kepada pengusaha tempatan?
- (a) Sekiranya ada, sila nyatakan semua maklumat kilang-kilang tersebut.
 - (b) Sekiranya tiada, adakah apa-apa rancangan untuk membina kilang jenis industri ringan untuk disewa kepada pengusaha tempatan yang tidak mampu membeli kilang?
20. Kemalangan sering berlaku di Persimpangan Jalan Bukit Panchor dan Jalan Permai. Apakah tindakan yang telah dilakukan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR)?
- (a) Adakah JKR atau MPSP syaratkan pemaju JKP di sebelah persimpangan jalan supaya membina satu lampu isyarat di situ?
 - (b) Sekiranya tiada, bolehkah JKR syaratkan kepada pemaju atau JKR akan membina sendiri?
21. Sila nyatakan langkah yang telah MPSP lakukan di tapak pelupusan sampah di Pulau Burung supaya tidak berlaku pelepasan air kurasan terus ke sungai atau laut.
- (a) Adakah MPSP/JAS mengambil sampel air sungai dan air laut untuk uji ppm setiap bulan? Sekiranya ada, sejak bila mula dan berikan semua keputusan ppm.
22. Sila nyatakan semua rumah kos rendah diikuti dengan nama, lokasi, dan bilangan unit untuk setiap kawasan di bawah DUN JAWI.
- (a) Minta berikan bilangan unit dan jumlah bayaran tunggakan di setiap kawasan rumah kos rendah yang mempunyai tunggakan bil cukai pintu MPSP.
23. Sila nyatakan projek pelancongan di Parlimen Nibong Tebal sejak 2013.
- (a) Hanya satu tempat di Pulau Pinang untuk memberi pelancong datang menikmati kelip-kelip di sepanjang Sungai Kerian pada waktu malam. Adakah apa-apa rancangan oleh Kerajaan Negeri di DUN JAWI supaya membantu bagi menghidupkan tarikan pelancongan di sini?
24. Minta JPS berikan maklumat tentang sebuah bangunan yang terletak di sebelah Sungai Kerian di Jalan Pasar Lama, Nibong Tebal.
- (a) Adakah bangunan ini mempunyai Sijil Menduduki yang dikeluarkan oleh MPSP?
 - (b) Siapakah pemilik bangunan tersebut atau adakah perjanjian penyewaan kepada pihak ketiga?
 - (c) Apakah tujuan dan bilakah bangunan tersebut dibina?

25. Sila nyatakan nama, kawasan dan status (aktif/terbengkalai) setiap kompleks penjaja atau kompleks makanan dibawah pemilik Pejabat Daerah SPS.
 - (a) Sila senaraikan syarat-syarat bagi setiap permohonan untuk menyewa.
 - (b) Dimanakah penyewa boleh dapat maklumat tentang kekosongan unit di setiap kompleks?
26. Adakah rancangan JKR untuk membuka satu jalan dari Persimpangan Tol Jawi ke Batu Kawan?
 - (a) Adakah pelebaran jalan di Jalan Persekutuan Sungai Jawi di bawah jejambatan Lebuhraya dirancang? Kawasan tersebut merupakan *bottleneck* bagi aliran trafik.
27. Sila nyatakan kawasan *Wetland Reserved* di Daerah SPS.
 - (a) Sekiranya tiada, apakah langkah diambil oleh JPS untuk menggantikan kawasan *wetland* bagi menampung lebih banyak air?

III. AHLI KAWASAN BATU LANCANG (YB. ONG AH TEONG)

1. Pulau Pinang adalah sebuah negeri yang ekonominya berteraskan kepada aktiviti perindustrian.
 - (a) Berapakah kadar Pelaburan Terus Asing (FDI) yang diterima oleh Negeri Pulau Pinang bagi tahun 2015, 2016 dan 2017?
 - (b) Sila nyatakan 5 buah negara pelabur asing yang paling banyak melabur di Pulau Pinang?
2. Sila nyatakan Pelan Tindakan Kerajaan Negeri bagi memantapkan daya saing Pulau Pinang sebagai lokasi pelaburan asing dari aspek aktiviti perindustrian dan pelancongan.
3. Berapakah jumlah sisa pepejal yang diuruskan dalam kawasan pulau mengikut bulan bagi tahun 2017?
 - (a) Adakah terdapat pengurangan sisa pepejal berkenaan selepas pelaksanaan Dasar Pengasingan Sisa Di Punca?
4. Adakah Pusat Pelupusan Sampah Pulau Burong boleh dijadikan lokasi untuk menjana tenaga yang diperbaharui dari sumber pelupusan sampah seperti yang dilakukan di Negara Jepun?
 - (a) Sekiranya ada, apakah pelan tindakan yang telah diambil?
5. Negara Eropah dan Australia melaksanakan Polisi *No More Single-Use Plastic Bag*.
 - (a) Berapakah kutipan diperolehi oleh Kerajaan Negeri hasil dari pelaksanaan kempen *No Free Plastic Bag*? Sila nyatakan kutipan mengikut bulan bagi tahun 2015 hingga 2017.
 - (b) Adakah kutipan wang digunakan mencari inovasi baru dalam mengurangkan pembuangan sisa plastik?
6. Apakah perancangan Kerajaan Negeri dalam meningkatkan reputasi Pulau Pinang sebagai salah satu destinasi pelancongan dunia?
7. Adakah pemberian subsidi kepada syarikat penerbangan yang menggunakan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang boleh dilaksanakan?
 - (a) Berapakah jumlah pelancong asing yang masuk melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang pada tahun 2016 dan 2017.

8. Apakah status pelaksanaan Pembangunan Semula Tanah Majlis di Jalan Perak?
 - (a) Sila nyatakan Jadual Perancangan Pelaksanaan Projek berkenaan meliputi tarikh mula kerja hingga tarikh siap kerja.
 - (b) Adakah Kajian Sosial (SIA) dan Lalu lintas (TIA) telah dijalankan bagi mengetahui kesan pembangunan tersebut di Jalan Perak?
9. Apakah rancangan Kerajaan Negeri dalam usaha mencegah masalah banjir di Pulau Pinang terutamanya di KADUN Batu Lancang?
10. Isu gelandangan yang terdapat di Pulau Pinang. Adakah jabatan berkaitan mempunyai cadangan mewujudkan satu Pusat Transit Gelandangan seperti yang dilakukan di Kuala Lumpur?
11. Adakah Kerajaan Negeri telah bersedia memenuhi keperluan Revolusi Industri 4.0 dalam membekal kemudahan jalur lebar(fibre optik)? Jika ia, sila nyatakan pelan tindakan tersebut.
12. Adakah Kerajaan Negeri mempunyai perancangan dalam meluaskan kawasan tarikan pelancongan di Negeri Pulau Pinang? Jika ada, sila nyatakan kawasan-kawasan pelancongan yang baru yang ingin ditonjolkan dalam industri pelancongan.
13. Apakah strategi dan usaha-usaha yang telah dan sedang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri bagi memastikan Kementerian Pengangkutan meluluskan cadangan pembesaran kawasan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang?
14. Rancangan Kawasan Khas Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town telah diwartakan.
 - (a) Adakah rancangan ini telah meningkatkan fungsi bandaraya terutamanya dalam sektor ekonomi?
 - (b) Apakah kesan rancangan ini kepada pemunya bangunan dan pengusaha-pengusaha sedia ada serta pengusaha-pengusaha baru?
15. Teknologi pembuatan jalan tar di Pulau Pinang perlu diperkemaskan dan mengikut standard negara-negara maju.
 - (a) Adakah satu kajian atau perbandingan pernah dijalankan mengenai kualiti dan teknologi jalanraya kita dengan negara maju seperti Singapura?
 - (b) Adakah perancangan dan penyelarasan telah dibuat dengan syarikat utiliti sebelum kerja-kerja naik taraf jalan dilaksanakan?
16. Apakah peranan Koridor Utara dalam pembangunan aktiviti perindustrian di Negeri Pulau Pinang?
17. Nyatakan senarai jalan yang terlibat dalam penyusunan semula aliran trafik sejak tahun 2016.
 - (a) Adakah penyusunan semula aliran trafik ini telah membantu menyelesaikan masalah kesesakan lalu lintas?
 - (b) Adakah cadangan baru yang bersifat jangka panjang dalam mengatasi masalah trafik di Negeri Pulau Pinang?
18. Pelan Induk Landskap yang dilaksanakan oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang.
 - (a) Adakah satu kajian yang komprehensif dijalankan bagi mengenalpasti jenis/baka pokok-pokok yang dapat mengurangkan permasalahan pemanasan global?
 - (b) Adakah pokok-pokok sedia ada diselenggara dengan baik? Nyatakan kaedah penyelenggaraan dan inventori pokok berkenaan.

19. Sila senaraikan projek-projek yang dilaksanakan sejak 2015 yang mematuhi reka bentuk sejagat ini di kawasan MBPP.
20. Apakah rancangan pembangunan belia dan sukan di Negeri Pulau Pinang? Sila nyatakan aktiviti yang dirancangan.
21. Bilakah projek /program 'Medical Card' bagi golongan Ibu Tunggal yang diluluskan dalam Bajet Tahun 2018 dapat dilaksanakan?
22. Adakah pihak Jabatan Kerja Raya mempunyai perancangan untuk menaik taraf kuarters/berek polis Balai Jelutong yang merupakan kuarters/berek polis yang tertua di Malaysia?
23. Berdasarkan kepada Akta Makanan 1983, Kementerian Kesihatan Malaysia mempunyai kuasa dalam mengambil tindakan penguatkuasaan ke atas restoran atau kedai makan yang kotor.
 - (a) Berapakah jumlah premis diperiksa dan dikenakan tindakan penguatkuasaan kerana melanggar Akta Makanan 1983 bagi tahun 2016 dan 2017?
 - (b) Sila senaraikan premis berkenaan mengikut kesalahan yang dilakukan.
24. Sila nyatakan usaha dan perancangan Majlis Bandaraya Pulau Pinang dalam pengurusan sisa makanan 'Food waste' yang digenerate oleh pengusaha-pengusaha kedai makanan.
25. Kebelakangan ini didapati pengurusan aduan berkaitan dengan penyelenggaraan dan pembaikan kemudahan awam oleh MBPP adalah tidak memuaskan kerana kebanyakan jabatan hanya bertindak selepas mendapat aduan.
 - (a) Sila nyatakan sebab-sebab berlakunya masalah penyelarasan berkenaan.
 - (b) Apakah perancangan majlis untuk memastikan kakitangan terlibat bersifat proaktif?
26. Sila senaraikan program-program pendidikan awam yang telah dan sedang dijalankan oleh MBPP ke arah mendidik orang awam untuk menjaga kebersihan selaras dengan slogan *Cleaner, Greener, Safer, Healthier Penang*.
27. Adakah Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang memenuhi kriteria *Universal Design*?
 - (a) Adakah Malaysia Airport Holding Berhad (MAHB) mempunyai perancangan untuk mengatasi masalah banjir kilat dalam kawasan *airport*?
 - (b) Ruang menunggu bas persiaran di bahagian ketibaan tidak mempunyai bumbung. Adakah MAHB berhasrat untuk membina bumbung bagi keselesaan pelancong ketika hujan lebat?
28. Apakah perancangan dan program Kerajaan Negeri dalam usaha membantu FAP bagi meningkatkan prestasi Pasukan Bola Sepak Pulau Pinang yang semakin merosot?
29. Feri Pulau Pinang adalah merupakan ikon pelancongan Negeri Pulau Pinang.
 - (a) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai hasrat untuk memohon kepada pihak Prasarana atau Rapid agar menambah bilangan feri bagi meningkatkan kecekapan pengangkutan awam?
30. Pulau Pinang akan menjadi tuan rumah Asia Pacific Master Games 2018 pada bulan September.
 - (a) Sila nyatakan status penganjuran Larian Obor dan berapa negeri telah terlibat dalam larian tersebut setakat ini.
 - (b) Nyatakan jumlah peserta mengikut negara dan acara yang dipertandingkan.
 - (c) Apakah faedah yang diperolehi Negeri Pulau Pinang bagi penganjuran sukan ini?

IV. AHLI KAWASAN BATU UBAN (YB. KUMARESAN A/L ARAMUGAM)

1. Adakah Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Kerajaan Negeri mempunyai cadangan untuk membina pasar di kawasan Sungai Dua untuk menempatkan penjaja-penjaja tanpa lesen di kawasan tersebut?
2. Adakah Kerajaan Negeri mempunyai cadangan untuk memulakan semula penerbangan langsung dari Chennai (India) ke Pulau Pinang berdasarkan cadangan kerajaan untuk mempunyai lebih banyak penerbangan terus menjelang akhir tahun ini. (The Edge, June 4)
3. Jumlah atau bilangan projek perumahan baharu yang diluluskan di DUN Batu Uban dari tahun 2014-2018 mengikut kategori.
 - (a) Kos Rendah
 - (b) Kos Sederhana Rendah
 - (c) Mampu Milik & Lebih daripada RM400,000.00
4. Adakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk memansuhkan tol Jambatan Pertama Pulau Pinang dalam masa terdekat ini seperti dalam janji Manifesto Pilihan Raya Umum ke-14, Pakatan Harapan Pulau Pinang?
5. Sejak kebelakangan ini sektor Pelancongan Kesihatan telah berkembang pesat di Pulau Pinang dan merupakan penyumbang terbesar untuk ekonomi negeri.
 - (a) Apakah insentif dan juga kemudahan yang disediakan untuk membantu usahawan tempatan yang melibatkan diri dalam sektor tersebut?
 - (b) Apakah promosi daripada Kerajaan Negeri?
6. Apakah tindakan yang akan diambil terhadap pemaju yang gagal menyediakan skim perumahan yang berkualiti khususnya melibatkan rumah Kos Rendah dan Kos Sederhana Rendah di mana tidak sampai 5 tahun projek perumahan tersebut mempunyai pelbagai masalah seperti bumbung bocor dan sebagainya. Contoh, projek Centrio Avenue Jalan Permai Gelugor.
7. Isu pembelian lot tempat letak kereta yang terlalu mahal untuk perumahan Kos Rendah & Kos Sederhana Rendah. Apakah tindakan kerajaan untuk mengawal perbuatan setengah pemaju yang mengaut keuntungan yang tidak munasabah?
8. Terdapat permintaan yang tinggi untuk Program Perumahan Rakyat (PPR) di kawasan DUN Batu Uban dan perumahan Majlis Bandaraya Pulau Pinang di Sungai Nibong tidak dapat menampung permintaan baru. Adakah kerajaan berhasrat untuk membina perumahan PPR baru atau skim sewa beli akan diperkenalkan di Batu Uban?
9. Kelewatan siap projek dan hasil kerja projek yang sangat rendah untuk Arch Bridge di Sungai Dua perlu diberikan perhatian yang serius kerana memberi imej yang tidak baik kepada ADUN dan Kerajaan Negeri.
 - (a) Adakah kontraktor tersebut mempunyai kepakaran?
 - (b) Adakah kontraktor sub kepada pihak ketiga?
 - (c) Apakah tindakan terhadap kontraktor?
10. Peniaga asing yang membuka perniagaan di Bukit Jambul dan Batu Uban dan juga menjalankan perniagaan kantin di kawasan seperti projek pembinaan.
 - (a) Apakah tindakan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP)?
 - (b) Keberkesanan pihak Imigresen dalam membuat tangkapan pendatang asing tanpa izin (PATI)
 - (c) Adakah terdapat undang-undang tidak membenarkan mereka menjalankan perniagaan?

11. Status peniaga-peniaga yang berniaga tanpa lesen di DUN Batu Uban.
 - (a) Berapakah jumlah?
 - (b) Adakah Majlis Bandaraya Pulau Pinang akan menjalani program pemutihan bagi diberikan lesen perniagaan sementara?
12. Dalam era teknologi yang semakin hari semakin maju bolehkah diwujudkan perkhidmatan internet percuma di kawasan-kawasan?
13. Bilakah Jabatan Kerja Raya akan melakukan kerja-kerja menaik taraf jalan dan penyelenggaraan pokok di:
 - (a) Jalan Sungai Dua;
 - (b) Jalan Bukit Gambir; dan
 - (c) Jalan Sultan Azlan Shah
14. Adakah Kerajaan Negeri akan menyediakan perkhidmatan bas percuma (CAT) dari:
 - (a) Sg. Dua ke Queensbay Mall; dan
 - (b) Bukit Jambul ke Weld Quay.
15. Masalah trafik dan kesesakan terutamanya di waktu puncak. Apakah tindakan atau perancangan untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas di kawasan;
 - (a) Relau ke Bukit Jambul;
 - (b) Batu Uban ke Sungai Dua; dan
 - (c) Sungai Dua ke Lip Sin.
16. Apakah Pelan Tindakan dan Perancangan Kerajaan Negeri untuk membangunkan Tapak Pesta. Buat masa kini Tapak Pesta hanya aktif setahun sekali iaitu ketika Pesta Pulau Pinang. Selain itu, tempat tersebut agak suram dan kurang digunakan.
17. Apakah bantuan yang disediakan untuk anak muda yang ingin memulakan perniagaan sendiri?
18. Berikan butiran dan huraian mengenai peruntukan setahun yang disalurkan oleh Kerajaan Negeri dan Pusat kepada;
 - (a) Sekolah Kebangsaan;
 - (b) Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil dan Cina; dan
 - (c) Sekolah Agama
19. Apakah Kerajaan mempunyai cadangan dan peruntukan untuk membina 1 gelanggang futsal dan 1 gelanggang bola keranjang di DUN Batu Uban kerana permintaan yang tinggi dalam kalangan anak muda serta minat mereka yang mendalam dalam bidang sukan tersebut?
20. Adakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk mengaktifkan semula Pasukan Peronda Sukarela (PPS)?
 - (a) Adakah unit baru akan ditubuhkan menggantikan PPS?
 - (b) Adakah Kerajaan Negeri akan bekerjasama dengan Polis Diraja Malaysia untuk mencegah kegiatan jenayah di Pulau Pinang?

21. Sindiket kegiatan penjualan dadah melibatkan anak muda kian berkembang pesat terutamanya di kawasan perumahan Hamna, Sg Dua, Taman Pekaka, Bukit Jambul dan Bukit Gambir.
 - (a) Apakah tindakan dan langkah-langkah pencegahan yang diambil oleh Polis Diraja Malaysia dan Agensi Antidadah?
 - (b) Berikan statistik jumlah tangkapan terkini.
22. Penglibatan golongan wanita dalam badan berkanun kerajaan (GLC), Jawatankuasa Kemajuan Dan Keselamatan Komuniti (JKKK) dan agensi Kerajaan Negeri masih kurang. Apakah pelan tindakan untuk menarik lebih ramai penglibatan wanita dan berikan peratus terkini wanita dalam agensi Kerajaan Negeri dan GLC?
23. Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk menubuhkan Pusat Transformasi Bandar (UTC) di setiap kawasan Parlimen untuk memudahkan urusan harian masyarakat?
24. Pembangunan Sukan di Pulau Pinang.
 - (a) Berapakah peruntukan setahun untuk Majlis Sukan Negeri?
 - (b) Apakah sasaran untuk SUKMA 2018?
 - (c) Apakah insentif dan program untuk pembangunan atlet?
25. Klinik Kesihatan Sungai Dua menerima hampir 100-200 orang pesakit sehari.
 - (a) Apakah perancangan untuk menaik taraf klinik dan infrastuktur?
 - (b) Adakah tempat letak kereta bertingkat akan dibina?
 - (c) Laluan keluar masuk kenderaan awam yang membahayakan, adakah JKR akan mengkaji laluan alternatif?
26. Apakah status tanah terbiar di sebelah Jabatan Pengangkutan Jalan.
 - (a) Bolehkah dijadikan sebagai tempat letak kereta pelanggan Jabatan Pengangkutan Jalan.
 - (b) Adakah kerajaan mempunyai perancangan untuk pembangunan baharu
27. Pengguna pejalan kaki yang ramai di Jalan Bukit Gambir selepas Universiti Sains Malaysia. Adakah JKR mempunyai cadangan membina jejantas pejalan kaki?

IV. AHLI KAWASAN AIR ITAM (YB. JOSEPH NG SOON SIANG)

1. Adakah MBPP mempunyai rancangan jangka panjang bagi mengatasi isu kesesakan lalu lintas di Kadun Air Itam terutamanya di sekitar Pasar Air Itam, Jalan Paya Terubong-Jalan Air Itam dan Jalan Stesen Bukit Bendera?
2. *Urban Farming* adalah satu program yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri. Sejauh manakah pelaksanaan ini telah dijalankan?
 - (a) Sila senaraikan jumlah lokasi yang telah dilaksanakan.
 - (b) Berapakah jumlah tanah lapang MBPP dan tanah Kerajaan yang telah digunakan untuk tujuan ini?
 - (c) Jumlah komuniti masyarakat yang terlibat di Kadun Air Itam.
3. Adakah MBPP mempunyai rancangan untuk menyertai *Low Carbon City Initiatives* (LCCI)?
 - (a) Apakah projek-projek yang dilaksanakan bagi tujuan akreditasi LCCI ini?

4. Adakah Majlis Bandaraya Pulau Pinang telah melancarkan Program *Smart Cities*?
 - (a) Nyatakan pelan tindakan dan pendekatan bagi menjadikan Pulau Pinang sebagai *Smart Cities*.

5. Aktiviti *Medical Tourism* semakin popular di Negeri Pulau Pinang. Apakah inisiatif yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi memastikan Pulau Pinang terus unggul dalam sektor ini?

6. Senaraikan rancangan tebatan banjir yang telah dirancang dan akan dilaksanakan serta jumlah peruntukan yang telah disediakan bagi mengatasi masalah banjir di KADUN Air Itam?

7. Berapakah jumlah (RM) cukai pelancongan yang dikutip oleh Kastam Diraja Malaysia?
 - (a) Senaraikan cukai & Ringgit Malaysia berasaskan pelancongan pada tahun 2015-2017 bagi Negeri Pulau Pinang?
 - (b) Fi (RM) yang dikutip oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)?
 - (c) Adakah hasil berkenaan dibelanjakan & diperuntukan kepada mana-mana agensi kerajaan bagi pembangunan pelancongan Negeri Pulau Pinang?

8. Nyatakan inisiatif hijau yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri & Pihak Berkuasa Tempatan?
 - (a) Sila senaraikan jumlah inisiatif hijau yang telah dilaksanakan di dalam KADUN Air Itam.

9. Kerajaan Negeri sememangnya komited dalam memastikan penjimatan dalam penggunaan tenaga elektrik, berikutan itu jumlah lampu LED yang telah ditukar pasang oleh Pihak Berkuasa Tempatan telah dilaksanakan.
 - (a) Nyatakan jumlah yang keseluruhan lampu jalan di dalam setiap daerah yang telah ditukar pasang.
 - (b) Nyatakan jumlah yang belum ditukar pasang dalam KADUN Air Itam.

10. Nyatakan indeks pencapaian yang telah diperolehi oleh PBT hasil pelaksanaan Pengurusan Sisa Organik Domestik kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan?
 - (a) Sejauh manakah pergerakan kempen ini dilaksanakan bagi merealisasikan hasrat Kerajaan Negeri mengurangkan sampah sisa organik domestik?

11. Adakah Majlis Bandaraya Pulau Pinang mempunyai rancangan untuk mewujudkan "*Internet of Thing* (IoT)" sepertimana dimiliki oleh "smart cities" yang lain?
 - (a) Jika ada, sila nyatakan kaedah pelaksanaan & operasi serta tarikh jangka mula?

12. Asia Pacific Master Games 2018 akan dianjurkan di Pulau Pinang.
 - (a) Sila nyatakan dengan terperinci peranan Kerajaan Negeri, Majlis Sukan Negeri, Jabatan Belia dan Sukan, Pihak Berkuasa Tempatan dan Urus Setia APMG'18.
 - (b) Adakah sasaran penyertaan atlet dari negara luar tercapai?
 - (c) Berapakah jumlah penyertaan tempatan yang telah diterima?

13. Adakah sebarang rancangan untuk menjadikan Sungai Dondang di Air Itam sebagai salah satu lokasi rekreasi atau taman poket atau apa-apa perancangan yang positif daripada agensi berkaitan untuk menjadikan tempat ini menarik serta memberi manfaat kepada komuniti masyarakat?

14. Adakah Kerajaan Negeri dan Jabatan Kerja Raya telah merancang untuk mengukuhkan struktur cerun bagi mengelakkan kejadian tanah runtuh di dalam Daerah Timur Laut dan Barat Daya?
 - (a) Senaraikan jumlah projek yang telah dilaksanakan.
 - (b) Jumlah yang telah diperuntukkan bagi kerja-kerja berkaitan sejak tahun 2016 hingga 2018 dan projek-projek didalam KADUN Air Itam.

15. Bilakah laluan ke Empangan Air Itam akan dibuka semula atau kawasan itu akan digazetkan sebagai kawasan larangan kepada orang awam?

16. Berapakah indeks jenayah di Negeri Pulau Pinang?
 - (a) Adakah berlaku penurunan setiap tahun dan peranan Kerajaan Negeri dalam penyediaan CCTV membantu mengurangkannya?
 - (b) Sila senaraikan inisiatif Bandar Selamat yang akan dilaksanakan dalam KADUN Air Itam bagi tahun 2019 hingga 2023.
 - (c) Senaraikan juga lokasi kekerapan berlaku jenayah di setiap daerah di Pulau Pinang.

17. Atlet yang mewakili Negeri Pulau Pinang atau Negara sering mengalami nasib pengangguran selepas mereka bersara dari arena sukan.
 - (a) Adakah kerajaan mempunyai sebarang rancangan untuk mereka selepas bersara?
 - (b) Nyatakan jumlah bekas atlet yang sekarang berkhidmat dengan agensi pembangunan sukan negeri seperti Majlis Sukan Negeri atau sebagainya.

18. Adakah kemasukan warga asing telah meningkatkan kadar pengangguran dan tindakan pihak berkuasa untuk menangani lambakan pekerja asing terutamanya Pendatang Asing Tanpa Izin?
 - (a) Adakah Kerajaan akan atau telah mewujudkan polisi baru berkaitan pengambilan warga asing dalam sektor-sektor yang selama ini diisi oleh warga tempatan terutamanya pembinaan, pembersihan & perkilangan?

19. Bagaimanakah cara pemilihan atlet untuk mewakili negeri bagi acara peringkat kebangsaan dilakukan?
 - (a) Bagaimanakah untuk memastikan atlet yang terbaik dipilih mengikut kaedah-kaedah yang telah dipersetujui dan bukannya mereka yang ada pertalian dengan sesiapa yang dipilih?

20. Adakah program *I Love Penang Run, Walk, Hike* akan diteruskan dan berapakah jumlah penyertaan keseluruhan program ini sejak diperkenalkan?

21. Berapakah jumlah pekerja asing dalam sektor industri di Pulau Pinang mengikut pecahan negara?
 - (a) Adakah Kerajaan bercadang untuk mewujudkan polisi perumahan pekerja warga asing yang kini menjadi masalah kepada rakyat tempatan akibat daripada kurang atau longgar dalam penguatkuasaan dimana banyak warga asing menyewa di kawasan perumahan bertingkat seperti "LC & LMC"?

22. Pelaksanaan laluan basikal di Negeri Pulau Pinang telah menjadi model kepada negeri lain di Malaysia. Apakah rancangan masa hadapan bagi meningkatkan kemudahan ini kepada masyarakat setempat?

23. Adakah Kerajaan Negeri akan kaji semula untuk memberi peruntukan kepada sekolah-sekolah yang kekurangan bantuan kewangan walaupun wang telah disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan tetapi masih tidak mencukupi untuk menampung keperluan sekolah?

- (a) Sila nyatakan jumlah yang telah diperuntukkan setiap sekolah di dalam KADUN Air Itam oleh Kerajaan Negeri dan Kementerian Pendidikan.
24. Berapakah jumlah pelajar yang menerima Biasiswa Persekutuan dan Negeri di dalam KADUN Air Itam? Sila nyatakan jumlah pelajar yang menerima biasiswa ini mengikut:-
- (a) Sekolah rendah
 (b) Sekolah menengah
 (c) Jantina
 (d) Kaum
 (e) Aliran sekolah
25. Rancangan Makanan Tambahan (RMT) di sekolah akan diteruskan?
- (a) Nyatakan jumlah yang diperuntukkan oleh Kementerian Pendidikan ke atas seorang pelajar setiap sajian?
 (b) Nyatakan juga jumlah pelajar yang menerima skim ini & sejauh mana keberkesanan dalam membantu meringankan perbelanjaan keluarga.
 (c) Nyatakan juga adakah ""diet" yang diperkenalkan dilaksanakan oleh pihak pengusaha atau pembekal.
26. Sistem jalur lebar adalah keperluan semasa ketika ini, "Penang Free Wifi" diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri bagi memudahkan rakyat mempunyai akses internet sekaligus membantu rakyat mendapat berita, maklumat dengan pantas serta memudahkan urusan seharian seperti pekerjaan dan perniagaan.
- (a) Adakah Kerajaan bercadang untuk meningkatkan keupayaan boleh capai dan kelajuan semaksimum mungkin?
27. Apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk membantu dan menggalakkan para usahawan kecil di Pulau Pinang memandangkan perkembangan pelaburan asing di Negeri Pulau Pinang?
28. Apakah langkah masa panjang Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk menggalakkan pembelajaran stem di Negeri Pulau Pinang memandangkan usaha-usaha awal telah dijalankan seperti *Penang Digital Library* dan *Penang Tech Dome*?
29. Aktiviti membaiki kenderaan adalah diklasifikasikan sebagai aktiviti industri yang mana pengusaha perlu menjalankan aktiviti di zon industri. Adakah pihak Pihak Berkuasa Tempatan membuat kajian bagi semakan semula klasifikasi ini? Jika ia, bolehkah aktiviti berkenaan dimasukkan sebagai aktiviti perniagaan?

VI. AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA (YB. JASON ONG KHAN LEE)

1. Demi ketelusan adakah Kerajaan Negeri akan mempamerkan PTMP dengan butir-butir terperinci dalam laman web untuk pengetahuan umum?
2. Adakah Jabatan Perumahan Kerajaan Negeri akan terus menyelenggara / memperbaiki rumah pangsa Padang Tembak terutamanya masalah seperti kebocoran?
3. Apakah rancangan Kerajaan Negeri dalam menaiktaraf servis feri dalam tempoh lima (5) tahun ini?
4. Adakah Kerajaan Negeri akan melaksanakan *water taxi* di Pulau Pinang?
5. Adakah Kerajaan Negeri akan terus berusaha memperolehi lebih banyak penerbangan terus dengan negara-negara serta bandar-bandar yang utama di rantau Asia, Pasifik Asia, Amerika dan Eropah?

6. Adakah Kerajaan Negeri akan mempertimbangkan membina satu *3rd tier fly over* di persimpangan Jalan Hamilton, Jalan Greenlane dan Jalan Batu Lanchang demi menangani kesesakan lalu-lintas pada waktu puncak dan penambahan kenderaan yang mendadak di Pulau Pinang?
7. Adakah Kerajaan Negeri berhasrat mengambil alih pengurusan Jambatan-Jambatan Pertama dan Kedua Pulau Pinang?
8. Apakah rancangan Kerajaan Negeri dalam bidang pertanian dalam tempoh masa 5 tahun ini?
9. Apakah rancangan Kerajaan Negeri dalam mengkaji semula Pelan Struktur Negeri?
10. Adakah Kerajaan Negeri akan mengkaji semula garis panduan, peraturan kecil dan sebagainya Kerajaan Tempatan dan lalu digazetkan?
11. Apakah sasaran dan rancangan Kerajaan Negeri dalam pembasmian miskin tegar demi mencapai kemiskinan sifar dalam tempoh masa 5 tahun ini?
12. Adakah Kerajaan Negeri berhasrat melebarkan Jalan Mount Esrkine untuk menangani kesesakan lalu lintas pada waktu puncak dan selainnya?
13. Apakah rancangan Kerajaan Negeri dalam menyelesaikan masalah banjir di Pulau Pinang dalam tempoh masa 5 tahun ini?
14. Apakah rancangan Kerajaan Negeri dalam menaik taraf rumah pangsa Padang Tembak memandangkan satu pertandingan antarabangsa mengenai *Urban Renewal International Design Ideas* telah berjaya diadakan pada beberapa tahun yang lalu?
15. Apakah rancangan intensif Kerajaan Negeri dalam mengurangkan *carbon footprint* di Pulau Pinang?
16. Apakah sasaran Kerajaan Negeri dalam mencapai status *international city*?
17. Apakah rancangan Kerajaan Negeri dalam menaik taraf Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang?
18. Bilakah Pilihan raya Kerajaan Tempatan akan diadakan di Pulau Pinang?
19. Adakah Kerajaan Negeri berhasrat menghidupkan semula Pasukan Peronda Sukarela (PPS)?
20. Adakah Kerajaan Negeri akan mempertimbangkan memohon kepada Kerajaan Persekutuan untuk *reinstate* kedudukan *free port* Pulau Pinang?
21. Adakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk mengadakan satu sistem kawalan trafik di Taman Botani demi mengelakkan kesesakan trafik dan parkir yang terhad?

VII. AHLI KAWASAN PANTAI JEREJAK (YB. DATO' SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL)

1. Dalam tempoh masa setahun apakah kategori aduan yang diterima mengenai i-Sejahtera?
 - (a) Apakah tindakan telah diambil untuk membantu menangani aduan para pemohon i-Sejahtera?
 - (b) Adakah perancangan mewujudkan talian hotline dan e-aduan i-Sejahtera?
 - (c) Perincian penerima skim i-Sejahtera bagi KADUN Pantai Jerejak mengikut gender, umur dan kaum.

2. Isu bayaran khairat kematian Skim Warga Emas i-Sejahtera, pemohon terpaksa menunggu selama 6 bulan untuk menerimanya dan tiada notis makluman bayaran dihantar kepada pemohon. Ini menyebabkan pemohon tidak tahu bila akan terima bayaran dan sentiasa menghubungi pejabat YB. bagi isu ini. Apakah tindakan atau cadangan menyelesaikan masalah ini?
3. Pada masa kini Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri bekerjasama kerana parti yang sama memerintah. Oleh itu bolehkah bayaran Skim Pelajar Emas i-Sejahtera didaftarkan diperingkat sekolah dan dibayar di sekolah untuk kemudahan pelajar dan ibu bapa?
4. Seringkali golongan ibu tunggal menghadapi masalah pengangkutan ke pejabat daerah dari Bayan Baru ke Balik Pulau.
 - (a) Adakah Kerajaan Negeri merancang untuk bayaran Program Skim Ibu Tunggal i-Sejahtera dilakukan di kawasan KADUN untuk memudahkan urusan ibu tunggal?
 - (b) Adakah perancangan mewujudkan cawangan Pejabat Daerah Barat Daya di Bayan Baru?
5. Golongan pesakit, OKU, ibu tunggal, warga emas dan lain-lain yang berurusan dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat seringkali mengadu kesusahan bergerak jauh dari Bayan Baru ke Balik Pulau. Ada di antara mereka terpaksa membayar kos pengangkutan mahal dalam keadaan miskin. Adakah perancangan untuk membuka cawangan JKM di Bayan Baru?
6. Bagaimanakah Kerajaan Negeri memantau aduan pemohon-pemohon terhadap Jabatan Kebajikan Masyarakat dan kelewatan proses permohonan malah kerap kali kurang tindakan susulan dilakukan untuk permohonan?
7. Golongan ibu tunggal ada masalah kes mahkamah tempoh masa lama, perumahan, pekerjaan dan nafkah anak-anak daripada bekas suami. Apakah tindakan Kerajaan Negeri dalam membantu isu ini?
 - (a) Adakah perancangan Kerajaan Negeri mewujudkan Pusat Sehati Wanita?
8. Huraikan perancangan strategik dan pelan tindakan di peringkat Kerajaan Negeri untuk pembangunan dan kesedaran wanita dari sudut kesihatan, keluarga, kerjaya dan hak wanita dalam undang-undang.
9. Bayan Baru adalah lubuk pekerjaan sektor perindustrian khususnya di kawasan FTZ. Apakah inisiatif Kerajaan Negeri mengesyorkan sektor ini memberi ruang pekerjaan terhadap golongan OKU dan ibu tunggal?
 - (a) Sila huraikan data bilangan pekerja golongan OKU dan ibu tunggal mengikut gender di sektor perindustrian khususnya di kawasan FTZ.
10. Adakah Kerajaan Negeri menganalisis permasalahan golongan ibu bekerja di tempat kerja di sektor perindustriaan seperti di kawasan Free Trade Zone (FTZ) misalnya terpaksa bekerja 12 jam sepanjang malam dan sebagainya?
 - (a) Apakah polisi Kerajaan Negeri membantu golongan ini khususnya mereka yang bekerja syif misalnya kemudahan di tempat kerja yang diperlukan?
11. Sektor perindustrian di kawasan FTZ Bayan Baru ribuan pekerja. Permasalahan utama ialah keadaan trafik sesak. Bagaimanakah ketegasan usaha mengesyorkan kemudahan dan kewajipan menggunakan bas kilang daripada penggunaan kenderaan perseorangan?
 - (a) Huraikan syor Kerajaan Negeri penambahbaikan infrastruktur jalan di bulatan Bayan Baru dalam Rancangan Malaysia ke 11.

12. Asap ekzos bas kilang dan lori di jalan raya menuju kawasan industri memberi kesan kepada penunggang motosikal dari sudut kesihatan dan alam semulajadi. Apakah tindakan yang diambil oleh agensi kerajaan untuk menangani permasalahan ini?
13. Apakah analisis permohonan pekerjaan dan tawaran pekerjaan yang diterima oleh golongan awal dewasa di Negeri Pulau Pinang?
 - (a) Sila huraikan analisis kekosongan pekerjaan bagi kawasan industri FIZ di Bayan Baru.
14. Huraikan data analisis bilangan permintaan dan penawaran permohonan perumahan bagi rumah kos rendah dan sederhana rendah bagi golongan belia, wanita, OKU dan ibu tunggal bagi KADUN ini.
 - (a) Senaraikan jenis projek perumahan yang diluluskan kebenaran merancang dan pembinaan bagi tahun 2018 di kawasan ini dan jumlah unit.
15. Perincikan program pembangunan nelayan yang dirancang dan telah dilaksanakan bagi kawasan KADUN Pantai Jerejak.
16. Adakah sebarang perancangan dan usaha menambahkan atau memantapkan perpustakaan biasa dan perpustakaan digital di KADUN Pantai Jerejak?
17. Bagaimanakah ketegasan dan pemantauan Kerajaan Negeri akan permasalahan pengurusan Badan Pengurusan Bersama Rumah Pangsa seperti ketelusan perakaunan kewangan dan lain-lain?
 - (a) Apakah program-program kesedaran pengurusan JMB dan hak-hak penduduk telah dijalankan di kawasan Bandar Bayan Baru?
18. Fungsi utama masjid adalah untuk tempat ibadah. Apabila kuliah atau khutbah di masjid digunakan sebagai kritikan dan tohmahan politik maka ia menghalang umat Islam menunaikan solat di masjid. Bagaimanakah Kerajaan Negeri membantu menangani masalah ini?
 - (a) Adakah perancangan menjadikan masjid sebagai pusat tahfiz dan hufazan?
19. Sila perincikan perancangan strategik dan cadangan modul-modul kuliah bagi masjid dan surau di negeri ini bagi topik sains, kesihatan, psikologi, muamalat dan kesejahteraan masyarakat.
20. Perincikan pembangunan penjaja kecil yang telah dilaksanakan dan akan diusahakan bagi golongan penjaja kecil dan usahawan di KADUN Pantai Jerejak.
21. Adakah pemantauan di peringkat negeri bagi isu kualiti tampalan di jalan raya yang melibatkan pelbagai agensi khususnya akan isu aduan yang diterima dan keselamatan pengguna jalan raya terutama penunggang motosikal?
22. Apakah perancangan menangani masalah banjir bagi kawasan KADUN Pantai Jerejak?
23. Apakah usaha MBPP dalam mewujudkan kiosk-kiosk kecil bagi penjaja di tepi pantai kerana permintaan tinggi daripada pengunjung?
24. Perincikan kajian Kerajaan Negeri tentang aduan rakyat terhadap Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia dan permasalahannya pada hari mengundi.
25. Apakah syor Kerajaan Negeri untuk Suruhanjaya Pilihanraya bagi meningkatkan kualiti dan mutu pengurusan pusat mengundi seperti tugas Ketua Tempat Mengundi dan lain-lain?

26. Huraikan data kes denggi di KADUN Pantai Jerejak dalam tempoh masa setahun.
 - (a) Jelaskan tindakan telah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk permasalahan kemudahan Klinik Kesihatan di Jalan Tengah.
27. Hospital kerajaan di Daerah Barat Daya terletak di Balik Pulau dan ianya jauh dari kepadatan penduduk di Bayan Baru dan Bayan Lepas.
 - (a) Bagaimanakah syor Kerajaan Negeri untuk permohonan hospital baru di Bayan Baru?
28. Perincikan data bilangan penerima bantuan AES, baiki rumah dan bina rumah yang dikelolakan oleh pejabat daerah bagi KADUN Pantai Jerejak.
29. Sila jelaskan konsep dan penambahbaikan landskap kehijauan di kawasan Bandar Bayan Baru.
30. Sila jelaskan isu masalah banjir di *flyover* Bayan Baru sama ada berpunca struktur pembinaan, masalah paip dan saluran atau faktor-faktor lain?

VII. AHLI KAWASAN SUNGAI PINANG (YB. LIM SIEW KHIM)

1. Kerajaan Negeri Pulau Pinang memperuntukkan RM1,000,000 dalam sektor pembangunan E-Sports.
 - (a) Sila kemukakan penyelidikan/statistik yang telah dibuat supaya boleh dilihat oleh orang awam.
 - (b) Sila senaraikan pelan yang terperinci untuk 3 tahun yang akan datang supaya orang awam lebih memahami bagaimana dan apakah kegiatan/aktiviti yang akan/telah dijalankan dengan peruntukan tersebut? Huraikan.
2. Adakah Kerajaan Negeri berhasrat membina bangunan baru sebagai Pejabat Panggilan Nama (*Roll Call*) untuk menggantikan stor kakitangan JPP di Jalan Sungai memandangkan keadaan stor terkini yang terdiri daripada kontena adalah kurang sesuai.
 - (a) Jika ya, sila nyatakan bila pembinaan bangunan ini akan dijalankan.
 - (b) Jika tidak, mengapa?
3. Isu warga asing menjalankan perniagaan telah menjejaskan kehidupan rakyat tempatan.
 - (a) Nyatakan syarat-syarat untuk peniaga warga asing, misalnya jenis perniagaan yang hanya boleh diceburi oleh warga asing.
 - (b) Adakah kerajaan akan mengadakan polisi lebih teratur supaya perniagaan warga tempatan tidak terancam?
4. Apakah status Pembangunan Perumahan Kampung Pisang Awak Fasa 2, Seksyen 4, Bandar Jelutong oleh JKP Sdn Bhd?
 - (a) Adakah arahan Bahagian Perumahan Negeri untuk merobohkan struktur bermasalah projek tersebut dipatuhi?
 - (b) Apakah status dan rancangan untuk pembeli-pembeli unit projek yang terlibat?
5. Kerajaan Persekutuan pimpinan Barisan Nasional telah gagal melaksanakan Projek Perumahan 1 Malaysia (PRIMA) di Pulau Pinang.
 - (a) Apakah status pelaksanaan projek Perumahan Harapan?

- (b) Bilakah projek berkenaan dapat dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri atau Kerajaan Persekutuan di Negeri Pulau Pinang? Sila huraikan.
6. Pegawai Seranta di Pusat Khidmat wakil rakyat memainkan peranan yang sangat penting demi kepentingan rakyat. Mereka terdedah kepada risiko tertentu semasa menjalankan tugas. Kebajikan pegawai seranta perlu dititikberatkan.
- (a) Apakah kebajikan atau insentif tertentu yang disalurkan oleh pihak kerajaan misalnya pencaruman PERKESO dan sebagainya? Sila nyatakan.
7. Program pendidikan awal kanak-kanak anjuran Tabika KEMAS memberi peluang pendidikan awal bagi kanak-kanak yang berumur 4 hingga 6 tahun.
- (a) Berapakah jumlah kanak-kanak dan bilangan Tabika KEMAS di seluruh Pulau Pinang?
 (b) Apakah pencapaian prestasi selama ini dan apakah rancangan jangka panjang / jangka pendek yang akan dilaksanakan untuk meningkatkan lagi prestasi Tabika KEMAS?
8. Kes penderaan kanak-kanak oleh pengasuh sering berlaku. Ada juga kes penderaan kanak-kanak telah dibawa ke mahkamah.
- (a) Apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) atau pihak tertentu apabila menerima laporan kes penderaan?
 (b) Adakah pengasuh kanak-kanak diwajibkan menghadiri kursus (melibatkan emosi dan *intelligence quotient* (IQ)) atau kursus khas penjagaan kanak-kanak? Sila huraikan.
9. Sejak 2008, usaha Kerajaan Negeri telah berjaya menjadikan Pulau Pinang tempat kegemaran pelancong-pelancong asing.
- (a) Apakah kerjasama antara Kerajaan Negeri dan Kementerian Pelancongan yang diperlukan supaya Pulau Pinang lebih terkenal sebagai destinasi pelancongan antarabangsa? Huraikan.
 (b) Apakah rancangan pelancongan yang telah dan akan dirancang di Pulau Pinang oleh Kerajaan Pusat? Huraikan.
10. Kerajaan Pusat mempunyai program khas seperti *Pioneer Status* untuk membantu kilang-kilang dari negara asing.
- (a) Apakah cabaran / persaingan yang dihadapi oleh pengusaha-pengusaha kilang tempatan selama ini? Huraikan.
 (b) Apakah program / bantuan yang telah dan akan disalurkan oleh Kerajaan Pusat / Kerajaan Negeri untuk membantu pengusaha-pengusaha kilang tempatan? Huraikan dengan terperinci.
11. Program Mammogram anjuran Kerajaan Negeri menerima sambutan baik daripada kalangan wanita.
- (a) Berapakah bilangan wanita (mengikut umur dan kaum) yang telah mengambil bahagian dalam program ini?
 (b) Berapakah bilangan kes penyakit kanser payudara mengikut umur, kaum dan tahap peringkat penyakit yang telah dikesan?
 (c) Apakah bantuan susulan yang disalurkan kepada pesakit ini? Huraikan.
12. Pengambilan dadah di kalangan remaja kian meningkat terutama murid sekolah menengah.
- (a) Selain daripada kempen kesedaran, apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak-pihak terlibat misalnya Jabatan Pendidikan, Polis, sekolah dan lain-lain?
 (b) Apakah kerjasama antara pihak Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) dengan pihak sekolah yang perlu dipertingkatkan untuk membanteras kegiatan pengambilan dadah di kalangan murid?

13. Difahami amalan situasi ini adalah Pejabat Daerah terpaksa bergantung kepada kelulusan peruntukan Wakil Rakyat untuk penganjuran majlis rasmi jabatan.
- (a) Adakah Kerajaan Negeri berhasrat memberi elaun kerajaan kepada semua Pejabat Daerah untuk penganjuran majlis rasmi yang melibatkan orang awam dan geran khas untuk membiayai aktiviti PUSPANITA daerah dan Kelab Sukan Pejabat Daerah?
14. Isu kanak-kanak tanpa kewarganegaraan dalam negeri semakin serius dan membawa impak negatif kepada masyarakat setempat.
- (a) Senaraikan status mereka dengan terperinci mengikut umur, jantina, negara asal dan status ibu bapa.
- (b) Apakah polisi dan tindakan Kerajaan Negeri untuk menangani isu ini? Sila huraikan.
15. Kilang-kilang haram atau tidak berlesen masih beroperasi di setiap daerah.
- (a) Senaraikan bilangan kilang yang telah mendapat lesen melalui proses pemutihan dan bilangan yang masih beroperasi tanpa lesen.
- (b) Apakah impaknya kepada sosial, trafik dan alam sekitar? Apakah usaha / tindakan oleh Kerajaan Negeri untuk menangani isu-isu yang timbul? Huraikan.
16. Senaraikan dengan terperinci semua permohonan perancangan pembangunan di KADUN Sungai Pinang sejak 2008 sehingga kini.
- (a) Senaraikan nama pemaju, nama projek, jenis pembangunan, ketinggian, bilangan unit, nombor lot dan lokasi pembangunan serta status pembangunan terkini.
- (b) Apakah impaknya kepada sosial, trafik dan alam sekitar di sekitarnya? Huraikan.
17. Bilangan gelandangan semakin meningkat dan keadaan semakin membimbangkan. Sila nyatakan.
- (a) Statistik jumlah gelandangan di Pulau Pinang mengikut pecahan kaum, gender, umur dan status keluarga.
- (b) Huraikan apakah perancangan serta usaha terkini antara Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri untuk membantu golongan gelandangan.
18. Projek Turnkey Taman Sri Pinang Jalan Sungai mengalami banyak masalah sejak dibangunkan. Keadaan semakin serius termasuk kebocoran air yang mengakibatkan kebanyakan unit mengalami 'banjir kilat dalam unit kediaman'. Penghuni terdedah kepada berbagai-bagai risiko yang mengancam keselamatan mereka.
- (a) Apakah tindakan Kerajaan Negeri untuk bantu penghuni yang juga kakitangan MBPP? Huraikan.
19. Nyatakan jumlah kompaun / PTK (Pemberitahuan Tentang Kesalahan) yang telah dikeluarkan oleh PBT terhadap *Litter Bugs* mengikut bulan dari tahun 2014 hingga kini.
- (a) Apakah kesan daripada pengeluaran kompaun?
- (b) Adakah kerajaan berhasrat mempertingkatkan penguatkuasaan terhadap *Litter Bugs*?
20. Adakah pihak kerajaan mengeluarkan kompaun kepada warga asing atas kesalahan pembuangan sampah atau kesalahan yang lain?
- (a) Adakah sebarang link antara Kerajaan Pusat dengan Kerajaan Negeri supaya warga asing tidak dapat keluar daripada negara tanpa menyelesaikan kompaun tersebut?

21. Astaka Serina Bay di Hilir Sungai Pinang terbiar begitu sahaja dan telah menjadi suatu tempat mengumpukan kegiatan tidak sihat.
- Apakah perancangan Kerajaan Negeri ke atas astaka tersebut?
 - Apakah kerajaan berhasrat supaya menjadikan astaka ini sebagai dewan komuniti atau tempat pengutipan serta pengasingan sisa di punca demi kebajikan rakyat setempat? Huraikan.
22. Nyatakan jumlah berat sampah sungai (metrik ton) yang dipungut dari Sungai Pinang mengikut bulan dari tahun 2014-2018.
- Apakah tindakan kerajaan terhadap penyumbang sampah sungai yang juga merupakan faktor utama banjir berlaku?
 - Apakah perancangan dan penaiktarafan kaedah pengutipan sampah dari sungai masa depan untuk menangani masalah ini?
23. Huraikan dengan terperinci apakah pencapaian dengan penggunaan teknologi iQPR untuk rawatan dan pemuliharaan kualiti air di Sungai Pinang.
- Apakah perbezaan tahap pemuliharaan air sekarang berbanding dengan tanpa penggunaan teknologi iQPR?
 - Apakah perancangan masa depan untuk menangani masalah pencemaran sungai? Huraikan.
24. Apakah status terkini kegunaan Jeti Nelayan Jelutong?
- Adakah Jeti Nelayan Jelutong sudah beroperasi dengan sepenuh masa? Jika tidak, kenapa?
 - Sila huraikan dengan terperinci permasalahan dan cabaran yang dihadapi oleh pihak kerajaan atau nelayan berkaitan Jeti ini.
25. Huraikan dengan terperinci status terkini tapak pelupusan sampah di Persiaran Karpal Singh, Jelutong.
- Apakah perancangan jangka panjang dan jangka pendek oleh Kerajaan Negeri untuk menangani permasalahan yang timbul di kalangan penduduk setempat misalnya pencemaran udara akibat kebakaran yang kerap berlaku, kekotoran dan sebagainya.
26. Bilangan kes demam denggi meningkat mendadak dan juga mengakibatkan kehilangan nyawa rakyat jelata.
- Adakah kaedah menghapuskan vektor deman denggi efektif dan perlu dikaji semula? Huraikan.
 - Apakah perancangan Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat untuk menangani masalah demam denggi yang mengancam kesihatan rakyat.
27. Apakah perancangan untuk penempatan semula penduduk-penduduk Ladang Hong Seng, Mount Erskine yang terlibat dalam kejadian tanah mendap yang berlaku pada bulan September dan Oktober tahun 2017? Sila huraikan dengan terperinci.
28. Kawasan Jelutong mempunyai ramai penduduk golongan berpendapatan rendah yang bergantung kepada perkhidmatan bas. Perkhidmatan bas percuma CAT (Congestion Alleviation Transport) oleh Kerajaan Negeri sejak April 2018 amat dialu-alukan oleh rakyat jelata.
- Bilakah perkhidmatan bas percuma ini akan dilancarkan di Kawasan Jelutong terutamanya KADUN Sungai Pinang? Huraikan.

29. Adakah Kerajaan Negeri mempunyai apa-apa maklumat terperinci mengenai jumlah bilangan pelarian Rohingya yang memegang Kad UNCHR yang kini menetap di Pulau Pinang?
- (a) Apakah perancangan kerajaan untuk menangani isu-isu sosial yang timbul?
30. Sebanyak 1,616 kes Penyakit Kaki, Tangan dan Mulut (HFMD) telah direkodkan setakat Julai 2018 di Pulau Pinang berbanding dengan 1,050 kes pada 2017. Pertambahan kes-kes penyakit ini sangat membimbangkan.
- (a) Apakah usaha dan tindakan kecemasan diambil oleh semua agensi terlibat untuk menangani masalah ini?
- (b) Apakah kaedah pencegahan yang perlu dimaklumkan?

IX. AHLI KAWASAN PENGKALAN KOTA (YB. DANIEL GOOI ZI SEN)

1. Kerajaan Negeri telah mengumumkan bahawa larangan penggunaan straw akan bermula pada 1 Januari 2019:
- (a) Apakah kaedah yang akan digunakan untuk larangan ini?
- (b) Adakah caj atau kutipan akan dikenakan untuk penggunaan straw sepertimana yang dikenakan ke atas penggunaan plastik?
2. Badan Pengurusan Bersama atau Perbadanan Pengurusan di KADUN Pengkalan Kota.
- (a) Sila senaraikan Badan Pengurusan Bersama atau Perbadanan Pengurusan yang telah ditubuhkan di KADUN Pengkalan Kota.
- (b) Sila senaraikan skim pemajuan strata yang masih belum menubuhkan Badan Pengurusan Bersama atau Perbadanan Pengurusan di KADUN Pengkalan Kota.
3. Penang Art District.
- (a) Apakah status terkini berhubung dengan pembangunan Penang Art District?
- (b) Adakah perbincangan telah diadakan bersama komuniti seni di Pulau Pinang berhubung Penang Art District? Sila nyatakan jumlah bilangan perbincangan / mesyuarat yang telah diadakan sekiranya ada.
4. Keadaan lalu lintas yang sesak di Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu / Gat Lebu Macallum / Gat Lebu Cecil.
- (a) Sila nyatakan usaha Kerajaan Negeri bagi menyelesaikan keadaan lalu lintas yang sesak di kawasan tersebut.
- (b) Apakah cadangan alternatif Kerajaan Negeri bagi menyelesaikan kesesakan di kawasan tersebut?
5. Perkhidmatan Bas Percuma CAT (*Congestion Alleviation Transport*)
- (a) Sila senaraikan kesemua laluan perkhidmatan bas percuma CAT mengikut kawasan dan waktu perkhidmatan.
- (b) Sila senaraikan jumlah penumpang perkhidmatan bas percuma CAT sejak pelancaran perkhidmatan tersebut.
6. Lembaga Wakaf Hindu Negeri Pulau Pinang.
- (a) Sila senaraikan kuil-kuil yang di bawah naungan Lembaga Wakaf Hindu Negeri Pulau Pinang mengikut lokasi.
- (b) Sila senaraikan kuil-kuil di bawah naungan Lembaga Wakaf Hindu Negeri Pulau Pinang yang telah menerima peruntukan daripada Tabung Amanah RIBI Pulau Pinang serta jumlah yang diterima.

7. Majlis Agama Islam Pulau Pinang.
 - (a) Sila senaraikan masjid-masjid yang telah menerima peruntukan pembangunan daripada Majlis Agama Islam Pulau Pinang sejak 2008.
 - (b) Sila senaraikan jumlah hamper zakat serta nilainya yang telah diedarkan kepada fakir miskin sempena Bulan Ramadhan sejak tahun 2008.

8. Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang.
 - (a) Sila senaraikan program serta kos penganjuran yang telah dianjurkan oleh Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang sejak penubuhannya.
 - (b) Apakah perancangan program yang bakal dilaksanakan oleh Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang pada tahun ini?

9. Isu gelandangan.
 - (a). Apakah perancangan atau halatuju Kerajaan Negeri untuk mengatasi isu gelandangan yang semakin serius?
 - (b). Apakah garis panduan atau standard operating procedure Kerajaan Negeri untuk mengendalikan gelandangan?

10. Permohonan Lesen Pendudukan Sementara (LPS)
 - (a) Sila nyatakan jumlah permohonan LPS yang dikemukakan dari KADUN Pengkalan Kota sejak 2008.
 - (b) Sila nyatakan jumlah permohonan LPS yang diluluskan dari KADUN Pengkalan Kota sejak 2008. Apakah ciri atau kriteria yang dipertimbangkan untuk kelulusan permohonan LPS?

11. Apakah status kemajuan pembangunan Perumahan Mampu Milik (RMM) di Lebuh Sandilands dan Pintasan Cecil?

12. Program Penyelenggaraan Perumahan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC)
 - (a) Sila senaraikan permohonan penyelenggaraan perumahan yang diluluskan mengikut lokasi, jenis penyelenggaraan, kos penyelenggaraan serta kaedah pengagihan oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC)
 - (b) Sila senaraikan kriteria (jenis penyelenggaraan, kaedah pengagihan kos) yang layak untuk mengemukakan permohonan kepada PDC.

13. Pembangunan Asrama Pekerja di Pulau Pinang.
 - (a) Sila senaraikan maklumat projek pembangunan Asrama Pekerja yang telah mengemukakan permohonan, diluluskan dan yang telah bermula pembinaannya.
 - (b) Adakah Kerajaan Negeri akan melarang pekerja khususnya pekerja asing menduduki rumah kediaman biasa apabila projek asrama ini siap sepenuhnya?

14. Kuarters Kakitangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang.
 - (a) Sila senaraikan jumlah unit kuarters Kerajaan Negeri mengikut lokasi dan jenis.
 - (b) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk menambah bilangan unit kuarters untuk kakitangan yang layak?

15. Sistem Saliran dan Perparitan di sekitar kawasan George Town:
 - (a) Sila senaraikan kerja-kerja menaiktaraf sistem saliran dan perparitan yang telah dijalankan di sekitar George Town sejak tahun 2008.
 - (b) Apakah perancangan Kerajaan Negeri terhadap sistem saliran dan perparitan yang usang di sekitar kawasan George Town?

16. Perumahan Kluster Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang di Pintasan Cecil.
 - (a) Sila senaraikan unit perumahan kluster Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang di Pintasan Cecil mengikut bilangan, status pemilikan dan keluasan.
 - (b) Apakah perancangan masa depan Kerajaan Negeri terhadap skim perumahan tersebut?

X. AHLI KAWASAN BUKIT TAMBUN (YB. GOH CHOON AIK)

1. Sila nyatakan definisi, garis panduan Eco City Batu Kawan serta huraikan tahap pencapaian elemen berikut:-
 - (a) Nyatakan kawasan dan keluasan tanah yang dizonkan sebagai tempat *ecological preservation*.
 - (b) Berapakah kilang dan projek komersil yang mendapat pengiktirafan **Green Building Index**?
 - (c) Berapakah peratusan bangunan yang mematuhi konsep *Zero Renovation* mengikut pecahan kediaman, komersial, kilang?

2. Apakah status projek-projek yang sedang dijalankan di Batu Kawan seperti berikut:-
 - (a) Projek IKEA dan Power Ikano.
 - (b) Universiti yang dimajukan oleh PKT Logistics Sdn Bhd.
 - (c) Hospital Columbia

3. Batu Kawan menghadapi masalah aksesibiliti dan kesesakan lalu lintas di Jalan Batu Kawan, apakah status dan isu berkaitan projek-projek berikut:-
 - (a) Jalan dan jambatan yang menghubungkan Batu Kawan dengan Kawasan Perindustrian Valdor.
 - (b) Pelebaran Jalan Batu Kawan dan jambatan berkaitan.
 - (c) Cadangan jalan yang menghubungkan Batu Kawan dengan Byram.

4. Apakah perancangan dan tindakan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) untuk menangani isu-isu geografi seperti berikut:-
 - (a) Paras ketinggian tanah di bawah paras laut dan *wetland* semulajadi.
 - (b) Jenis tanah sedia ada dan kestabilannya.
 - (c) Laluan angin kencang dan ribut dari arah barat laut Batu Kawan

5. Batu Kawan menghadapi kekurangan kedai kejiranan dan kompleks penjaja, apakah tindakan penyelesaian terhadap:-
 - (a) Banyak rumah kediaman di Bandar Cassia Barat dan Bandar Cassia Tengah ditukar kepada kedai dan restoran.
 - (b) Penjaja jalanan bagai cendawan tumbuh selepas hujan di sepanjang jalan-jalan utama.
 - (c) Status kompleks penjaja Stadium Batu Kawan dan sambutanannya.

6. Lot-lot tanah di sepanjang Jalan Paboi telah diletakkan di bawah Seksyen 4.
 - (a) Siapakah yang menjalankan pengambilan tanah dan apakah tujuannya?
 - (b) Adakah proses pengambilan tanah masih diteruskan?
 - (c) Jika tidak, apakah tindakan selanjutnya?

7. Kesyakan lalu lintas di Jalan Bukit Tambun, Jalan Paboi dan Jalan Kendi semakin runcing.
 - (a) Adakah satu kajian impak lalu lintas terperinci telah dijalankan?
 - (b) Apakah tindakan komprehensif yang telah dirancang dan bilakah pelaksanaannya?
 - (c) Adakah plaza tol Bukit Tambun sedia ada akan dipindah atau dinaik taraf?

8. Apakah status, masalah dan tindakan penyelesaian bagi pembinaan jalan dari Penang Science Park ke Jalan Kebun Baru, Juru.

9. Apakah kategori jalan yang dibenarkan pembinaan bonggol jalan:-
 - (a) Sila huraikan spesifikasi bonggol jalan.
 - (b) Apakah tindakan terhadap bonggol jalan yang gagal mematuhi spesifikasi.
 - (c) Adakah bonggol-bonggol jalan di Jalan Gamelan Indah akan diratakan

10. Terdapat 11 lampu isyarat di Jalan Persekutuan dari balai polis Simpang Ampat hingga Kompleks V3.
 - (a) Adakah satu kajian TIA telah dijalankan ke atas laluan ini?
 - (b) Adakah sesetengah lampu isyarat akan ditutup dan diganti dengan sistem *U-turn*?
 - (c) Apakah tindakan terhadap persimpangan berbahaya sedia ada?

11. Saliran semulajadi tersekat atau menjadi terowong air di sepanjang Lebuhraya Utara Selatan dan laluan kereta api berkembar.
 - (a) Pihak manakah yang menyelenggara laluan berkaitan?
 - (b) Apakah tindakan terhadap laluan air yang tersekat dan menyebabkan banjir?

12. Adakah Kerajaan Negeri memohon kepada Kementerian Pengangkutan dan KTMB untuk menambah trip komuter yang berhenti di Stesen Simpang Ampat dan Stesen Nibong Tebal. Jika ada, apakah maklum balasnya?

13. Bagaimanakah sambutan penduduk setempat terhadap *Penang Congestion Alleviation Transport (CAT)* laluan Batu Kawan sehingga 30 Julai 2018.
 - (a) Berapakah jumlah perbelanjaan yang telah ditanggung oleh Kerajaan Negeri?
 - (b) Adakah perkhidmatan ini akan dipanjangkan ke Perkampungan Valdor, Taman Bakap Indah dan Pekan Sungai Bakap?

14. Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk membangunkan Pulau Aman?
 - (a) Agensi yang bertanggungjawab menjaga kebersihan pulau, infrastruktur, jeti, chalet dan kebajikan nelayan?
 - (b) Adakah kerajaan berhasrat membangunkan perkhidmatan *water taxi* antara jeti-jeti persisiran pantai dan pulau-pulau?

15. Adakah kerajaan sedar akan pencemaran di persisiran pantai dan apakah tindakan penyelesaian terhadap:-
 - (a) Kelicikan air dari tapak pelupusan sampah Pulau Burung.
 - (b) Sisa kumbahan ternakan khinzir dari Perkampungan Jawi dan Perkampungan Valdor.
 - (c) Kilang-kilang dari Kawasan Perindustrian Prai.

16. Adakah kerajaan sedar akan pertambahan pesat industri kitar semula plastik di Seberang Perai?
 - (a) Betulkah sampah plastik ini dibawa masuk dari negara China?
 - (b) Apakah sebenarnya industri ini dan kaedah pemrosesannya?
 - (c) Apakah tindakan terhadap industri-industri yang menyebabkan pencemaran udara dan bau ini?

17. Berapakah pintu air yang dimiliki JPS, MPSP dan pihak swasta di SPS, bagaimanakah keadaannya dan adakah ia akan dinaik taraf atau diperbanyakan?

18. Apakah status Ladang Valdor dari segi pemilikan tanah, pampasan dan penempatan semula serta penglibatan Kerajaan Negeri dalam isu ini?

19. Sila senaraikan semua rumah pangsa kos rendah dan pihak pengurusannya di DUN Bukit Tambun.
 - (a) Bagaimanakah tindakan untuk memperkasakan JMB dan MC?
 - (b) Bagaimanakah tindakan untuk menyelesaikan masalah pengurusan, tunggakan bayaran, kebersihan dan mengganti atau membaiki kemudahan asas?

20. Adakah kerja-kerja pendalaman Sungai Junjung dan Sungai Jawi serta pengukuhan tebing dijalankan setiap tahun?
 - (a) Jumlah peruntukan dan perbelanjaan tahunan?
 - (b) Jadual pelaksanaannya?
 - (c) Apakah halangan fizikal di sepanjang sungai?

21. Apakah status Stadium Batu Kawan dari segi pemilikan, penyelenggaraan, pembaikan dan pemulihan, pengurusan event serta pembangunan keseluruhan Kompleks Sukan?

22. Sila nyatakan bilangan dan lokasi gelanggang futsal, gelanggang bola keranjang berbumbung dan gelanggang badminton tertutup yang telah dibina dalam 5 tahun yang lalu?
 - (a) Apakah perancangan untuk penambahan kemudahan, program mencungkil bakat dan sistem latihan bagi ketiga-tiga sukan ini?

23. Apakah definisi ecotourism dan agrotourism?
 - (a) Apakah konsep ecotourism dan agrotourism yang dikenal pasti dan lokasinya?
 - (b) Adakah lokasi berkenaan perlu dilakukan proses pengeluaran enakmen air, warta tali air, akta pemulihan tanah, perlingkungan semula dan ubah syarat tanah?
 - (c) Berapakah peruntukan yang bakal disalurkan dalam 5 tahun akan datang?

24. Sila huraikan aktiviti penternakan ikan dalam sangkar mengikuti Daerah:-
 - (a) Jumlah penternak dan keluasannya?
 - (b) Hasil jualan tahunan?
 - (c) Hasil yang dikutip oleh Kerajaan Negeri dan jabatan berkaitan?

25. Adakah aktiviti penternakan udang harimau dijalankan di Pulau Pinang?
- Sila nyatakan lokasi, jumlah penternak dan hasil jualan tahunan.
 - Adakah penternakan dicadangkan di Balik Pulau, Sungai Udang dan Penaga?
 - Adakah aktiviti ini mencemarkan kualiti air laut dan mengancam hutan bakau?
26. Apakah status loji kumbahan najis khinzir berpusat yang dicadangkan di Perkampungan Valdor dan mekanisma pelaksanaannya?
- Adakah kaedah yang sama akan dilaksanakan di Kampung Selamat dan Perkampungan Jawi?
27. Apakah status pengambilan tanah di sepanjang Jalan Batu Kawan dan Bukit Tambun (bersebelahan Penang Science Park):-
- Jumlah keluasan tanah dan bayaran pampasan.
 - Perancangan yang dicadangkan.
 - Mengapakah lot tanah bersebelahan SJKC Keng Koon dikeluarkan daripada pengambilan?
28. Projek Pelancongan Bukit Tambun telah dilancarkan oleh JKKK Bukit Tambun pada 2015.
- Adakah projek ini mendapat peruntukan Kerajaan Negeri?
 - Adakah projek ini berpotensi untuk dimajukan dan dimasukkan dalam kalendar pelancongan?
 - Terdapatkah bangunan lama yang boleh digazetkan sebagai bangunan warisan?
29. Caruman pamaritan di MPSP telah dinaikkan daripada 10,000 kepada 50,000 seekar.
- Adakah rasionalnya?
 - Adakah kadar caruman boleh dikaji semula bagi permohonan di bawah pemutihan kilang, penternakan tertutup dan pelancongan?
 - Adakah caruman ini boleh diguna untuk menaiktaraf longkang-longkang lama yang kehilangan gradian?
30. Mengapakah MPSP mempertimbangkan permohonan kebenaran merancang berdasarkan cadangan *zoning* Draf Rancangan Tempatan (RT)?
- Adakah RT Seberang Perai akan disediakan semula mengikut peruntukan Akta atau hanya satu proses gabungan ketiga-tiga draf RT, Seberang Perai Utara (SPU), Seberang Perai Tengah (SPT) dan Seberang Perai Selatan (SPS)?
 - Bilakah RT akan disiapkan dan digazetkan?

XI. AHLI KAWASAN AIR PUTIH (YB. LIM GUAN ENG)

- Sila nyatakan prestasi kewangan Kerajaan Negeri setiap tahun sejak 2008 termasuk hutang Kerajaan Negeri, lebihan belanjawan dan rizab aset.
- Adakah rancangan untuk terus menonjolkan Pulau Pinang sebagai destinasi pelancongan dan pelaburan utama di Malaysia.

XII. AHLI KAWASAN PENANTI (YB. DR. HAJAH NORLELA BINTI ARIFFIN)

1. Siapakah nama ADUN dan Ahli Parlimen mengikut parti politik dalam setiap:
 - (a) Jawatankuasa MMK?
 - (b) GLC atau perbadanan?
 - (c) Jawatankuasa Kira-Kira Kerajaan dan lain-lain jawatankuasa bawah DUN?

2. Jawapan Bertulis Ketua Menteri Sidang DUN 2016 dan 2017 menyatakan (4(B)(XII)2) peruntukan RM400,000 untuk menaiktaraf Padang Homestay Mengkuang Titi jadi Mini-Stadium dan bina Dewan baru RM800,000 atas tanah kerajaan tetapi tidak dimasukkan dalam Bajet 2017 dan 2018 atau dilaksanakan sehingga kini.
 - (a) Adakah kerajaan negeri akan laksanakan pada 2018 atau 2019?

3. Adakah Kerajaan Negeri akan "top-up" supaya sekurang-kurangnya elaun Pengerusi JKKK RM700 dan elaun Setiausaha JKKK RM600 adalah sama seperti PRU13 dan bukannya turun ke RM500 untuk Pengerusi dan RM300 untuk Setiausaha?

4.
 - (a) Adakah elaun RM500 kepada Pengerusi JKKK dan RM300 kepada Setiausaha dari Kementerian merupakan tambahan "top-up" kepada elaun Kerajaan Negeri?

5. Pertambahan taman perumahan di Kawasan Kampung Mengkuang Titi dan Kampung Kuala Mengkuang / Simpang Tiga Kubang Ulu di Mukim 18, 19 dan 20 dan menyebabkan tanah perkuburan Islam menjadi terhad di kawasan tersebut.
 - (a) Apakah perancangan Jabatan Agama Islam untuk mewujudkan tanah perkuburan Islam yang baru di kawasan tersebut?

6. Dalam Mesyuarat MMK Tebatan Banjir pada 2017, ADUN Penanti dan ADUN Bukit Tengah ada mengadu mengenai masalah banjir akibat daripada saluran di bawah seliaan Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) Satu mesyuarat khas akan diadakan.
 - (a) Apakah keputusan daripada mesyuarat tersebut untuk Kawasan Penanti?

7. Tanggungjawab ADUN adalah menyelesaikan masalah penduduk di lokasi KADUN melalui peruntukan Kerajaan Negeri mengikut sempadan PEGIS tetapi pengundi tinggal di luar kawasan mengundi memohon bantuan diminta merujuk ADUN kawasan mengundi.
 - (a) Apakah dasar yang ditetapkan Ketua Menteri dan Kewangan Negeri?
 - (b) Adakah pemberian peruntukan diberi melalui tempat mengundi atau tempat tinggal?

8. Penang Science Cafe Guar Perahu (PINTAR) hampir siap. Kerajaan Negeri telah membantu menampung sebahagian kos operasi Penang Science Cafe (PSC)
 - (a) Berapakah peruntukan tahunan diberi kepada PSC sedia ada?
 - (b) Apakah langkah-langkah konkrit menyokong usaha ADUN dan Ahli Parlimen untuk menggalakkan mempelajari STEM bagi anak-anak kampung dan tercicir di Permatang Pauh?

9. Mengikut Akta, pembersihan am kampung tersusun Sg. Lembu bawah seliaan JKR tetapi kontraktor MARRIS hanya dilantik pada 2018. Potongan caj kos 15% oleh MPSP menjejaskan operasi kontraktor. Bolehkah Kerajaan Negeri beri kontrak pembersihan kepada JKKK Sg. Lembu sepertimana Projek GRB MBPP-PWDC Flat Sungai Pinang dimana kontrak pembersihan diberi kepada penduduk?

10. Terdapat golongan muda berstatus kakitangan awam termasuklah dari kalangan anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM) Pulau Pinang yang berkelayakan ingin melanjutkan Pengajian Jarak jauh (PJJ):
 - (a) Adakah kerajaan memberikan bantuan yuran untuk pengajian jarak jauh (PJJ)?
 - (b) Mencadangkan supaya diberikan bantuan yuran pengajian kerana tidak semua kakitangan awam berpendapatan tinggi untuk melanjutkan pelajaran

11. Pihak PBT dicadangkan untuk membuat penyelenggaraan berkala bagi kawasan persekitaran kampung yang menjalankan program homestay di Mengkuang Titi kerana setiap bulan dilawati pelancong luar di homestay.
 - (a) Bolehkah penyelenggaraan dibuat di kawasan tumpuan pelancong seperti dewan homestay, pembaikan jalan berturap, penjagaan padang awam dan padang permainan kanak-kanak?

12. Semasa lawatan Ketua Menteri (KM) ke Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) 28/5/18, diadakan dialog bersama Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) dan Ahli Majlis. Justeru, KM telah putuskan arahan kepada Yang Dipertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (YDP MPSP) untuk mendapatkan ulasan/pandangan ADUN untuk sebarang permohonan projek pembangunan dan kerja tanah untuk mengurangkan risiko tanah runtuh dan banjir lumpur di kawasan.
 - (a) Bagaimanakah keputusan KM telah dikuatkuasakan?

13. Bolehkah Kerajaan Negeri mohon kepada Kementerian Kewangan untuk memudahkan syarat-syarat MARRIS supaya tidak terlalu "rigid" supaya dibenarkan memanfaatkan peruntukan MARRIS untuk penyelenggaraan jalan-jalan dan parit untuk:
 - (a) JKR membuat pembaikan jalan yang diperlukan untuk keselamatan jalanraya?
 - (b) Dibenarkan untuk naik taraf jalan-jalan kampung supaya tidak jadi licin dan berselut ketika banjir?

14. Tanah 172 ekar di Bukit Langkap untuk bina 366 rumah kos-rendah dan 1,200 kos-sederhana diperlukan penduduk tetapi MPSP tidak luluskan Pemaju WazLian kerana syarat peruntukan tanah 6 ekar kepada Kementerian Pelajaran untuk pembinaan sekolah. Bolehkah Kerajaan Negeri benarkan sekolah agama swasta dibina memandangkan tiada keperluan pembinaan sekolah oleh Kementerian Pelajaran?

15. Dalam mesyuarat Mengkuang Dam pada 25/6/18, KETTHA merumuskan tanah runtuh dalam Mengkuang Dam berpunca dari Resort tetapi lawatan tapak saya pada 26/6/18 tidak mendapati *resort* tetapi pondok durian yang tiada tanah runtuh. Tanah runtuh di cerun bukit yang tiada sistem perlindungan cerun. Bolehkah Kerajaan Negeri minta KETTHA tuntutan *defect liability*?

16. Keadaan ekonomi yang semakin meningkat menyebabkan rakyat yang berpendapatan rendah menghadapi kesukaran untuk memiliki rumah dan syarat Bank yang sangat ketat.
 - (a) Mengapakah Kerajaan Negeri tidak memperluaskan skim sewa-beli rumah yang dilancarkan pada 2016 kepada projek-projek yang lain seperti di Taman Seruling Emas dan Taman Sungai Duri Permai?

17. 85% bekalan air Pulau Pinang datangnya dari Sg. Muda di mana kawasan diwartakan sebagai kawasan pembalakan dan aktiviti pembalakan sedang dijalankan ke atas 163,000 hektar tanah.
 - (a) Bolehkah Kerajaan Negeri menghantar permohonan kepada Majlis Bekalan Air yang dipengerusikan oleh YAB. Timbalan Perdana Menteri untuk menukar status gazet tanah kepada kawasan tadahan air?

18. Isu pengambilan tanah di tepi perumahan rumah murah Penanti telah dibangkitkan dalam Mesyuarat Tindakan Daerah Seberang Perai Tengah Bil. 5/2018 pada 27 Jun 2018.
 - (a) Apakah status permohonan untuk dijadikan sebagai pusat rekreasi?
19. 15 Mei 2018, Jawatankuasa Kemajuan Dan Keselamatan Komuniti (JKKK) dan Penduduk Kuala Mengkuang mohon Kerajaan Negeri buat pengambilan tanah untuk bina rumah yang mampu dimiliki penduduk di lokasi tanah 17 ekar untuk semak dengan Pejabat Tanah sama ada tuan tanah bayar cukai tanah sejak tanah ini terbengkalai 35 tahun di Lot 922 Mk.20 Kuala Mengkuang?
20. Sejak 2008 banyak tanah pertanian/bendang telah dijadikan taman perumahan di SPT. MPSP menggunakan Akta Jalan, Parit dan Bangunan dan tidak menggunakan Akta Perancang Bandar dan Desa yang membawa hukuman berat. Bolehkah Kerajaan Negeri membawa usul pindaan supaya Mahkamah Rendah ikut hukuman yang diperuntukan dalam Akta Perancangan Bandar dan Desa?

XIII. AHLI KAWASAN BERAPIT (YB. HENG LEE LEE)

1. Apakah usaha MPSP untuk menyediakan lorong berbasikal seperti yang disediakan oleh MBPP? Nyatakan pelan dengan terperinci.
2. Terdapat pondok-pondok telefon yang lama dan rosak di sekitar negeri ini. Memandangkan ianya menjejaskan imej bandar, apakah langkah yang sudah dan akan diambil?
3. Apakah perkhidmatan-perkhidmatan yang telah dijalankan oleh pihak kontraktor MPSP?
 - (a) Nyatakan perkhidmatan dan jumlah kos yang terlibat secara terperinci.
4. Nyatakan peruntukan Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Tengah (PDSPT) kepada KADUN Berapit untuk penyelenggaraan jalan dan kemudahan sejak 2013 hingga kini. Nyatakan projek dan kos dengan terperinci.
5. Nyatakan peruntukan MPSP kepada KADUN Berapit untuk penyelenggaraan jalan dan kemudahan sejak 2013 hingga kini. Nyatakan projek dan kos dengan terperinci.
6. Sila nyatakan nisbah penduduk dan kemudahan yang disediakan di kawasan KADUN Berapit termasuk pasar awam, taman rekreasi dan pusat penjaja.
7. Terdapat beberapa gelanggang bola keranjang di KADUN Berapit yang dibina oleh bekas ADUN sebelum 2008 sudah sekian lama terbengkalai dan tidak dijaga oleh mana-mana pihak. Minta diserahkan kemudahan-kemudahan rekreasi di kawasan awam kepada MPSP.
8. Taman Rimba Bukit Mertajam di CheroK Tokun telah ditutup dua kali sejak November 2017 disebabkan hujan lebat dan ini menjejaskan aktiviti rekreasi penduduk di sekitarnya.
 - (a) Apakah tindakan untuk memperbaiki kerosakan kawasan rekreasi tersebut?
9. Apakah status Empangan Mengkuang?
 - (a) Adakah Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air telah memenuhi sembilan syarat yang ditetapkan oleh PBA?
 - (b) Bila empangan boleh dibuka kepada orang awam?
10. Apakah matlamat Kerajaan Negeri dalam membangunkan atlet negeri?
 - (a) Nyatakan peruntukan sejak 2013 untuk mencapai matlamat tersebut dan apakah rancangan untuk mencapai matlamat ini.

11. Nyatakan kemudahan-kemudahan awam sukan dalam negeri ini dengan terperinci termasuk lokasinya, kapasiti, kos dan tarikh siap.
12. Nyatakan status penaiktarafan padang bola sepak di Stadium Mini Permatang Rawa dengan terperinci. Bila projek akan dimulakan dan bila akan siap?
13. Nyatakan persatuan-persatuan wanita yang ditubuhkan dalam Negeri Pulau Pinang dan peranan yang dimainkan.
14. Nyatakan peratusan wanita di peringkat membuat keputusan dalam Kerajaan Negeri Pulau Pinang sejak 2013 hingga terkini.
 - (a) Apakah hasrat Kerajaan Negeri?
15. Nyatakan matlamat Asia Pacific Masters Games 2018, status terkini, struktur organisasi dan kos perbelanjaan setakat ini.
16. Sila nyatakan sebarang rancangan untuk membina pusat penjaja atau pasar awam untuk kawasan Bukit Mertajam setelah projek-projek baharu telah disiapkan.
17. Jumlah bayaran levi hotel yang telah dikutip sejak diperkenalkan dan nyatakan kegunaannya.
18. Nyatakan usaha-usaha yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri untuk membangunkan industri pelancongan di Seberang Perai.
 - (a) Apakah program, projek dan aktiviti yang akan dijalankan?
19. Berapa bilangan buku dan ahli Perpustakaan Awam Bukit Mertajam? Sila nyatakan bilangan buku bagi berlainan bahasa.
20. Sejak Program Bantuan Perumahan Pulau Pinang (HAPPY!) diperkenalkan, nyatakan jumlah peruntukan yang telah diluluskan dan jumlah peruntukan kepada KADUN Berapit.
21. Berapa kepadatan unit kediaman untuk satu ekar yang ditetapkan?
 - (a) Adakah rancangan untuk menambah kepadatannya dan apakah kriterianya?
 - (b) Nyatakan projek yang dalam proses penambahan kepadatan di KADUN Berapit.
22. Nyatakan klinik-klinik pakar yang ada di Hospital Bukit Mertajam, nisbah doktor dan pesakit.
 - (a) Apakah yang Kerajaan Negeri dapat membantu supaya mempertingkatkan perkhidmatan Hospital Bukit Mertajam?
23. Masalah kekurangan tempat letak kereta di Hospital Bukit Mertajam semakin serius sehinggakan kereta diletakkan di bahu Jalan Kulim di luar hospital dan menghalang lalu lintas.
 - (a) Apakah cadangan untuk menyelesaikan masalah ini?
24. Rumah Rehat Bukit Mertajam dan gelanggang tenis Bukit Mertajam yang telah terbiar sekian lama dan menjejaskan imej bandar, apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk kedua-dua tempat tersebut?

25. Nyatakan status dan perkembangan projek pelebaran Jalan Kulim.
 - (a) Apakah rancangan pelebaran seterusnya setelah pelebaran jalan dari sempadan Kulim sehingga SJK (C) Kim Sen?
26. Nyatakan status cadangan Pelebaran Kampung Besar, SPT yang bernilai RM8 Juta. Perbadaran Aset Kereta (RAC) membina pagar di kawasan rel kereta api Jalan Aston dan Kampung Besar, tetapi kerja-kerja pembersihan dan memotong rumput/lalang tidak dijalankan dengan konsisten mengakibatkan masalah-masalah kepada penduduk setempat.
 - (a) Bolehkah MPSP ambil alih tugasnya dan menyaman RAC?
27. Nyatakan bilangan kapal cruise yang berlabuh di Pelabuhan Swettenham dari tahun 2013 hingga kini dengan terperinci.
 - (a) Nyatakan purata pelancong cruise harian terkini.
28. Nyatakan bilangan rukun tetangga di Negeri Pulau Pinang.
 - (a) Adakah Kerajaan Negeri akan mengambil alih pusat-pusat tersebut dan menanggung kos utilitinya.
29. Apakah usaha-usaha Kerajaan Negeri atas pembangunan keusahawanan dalam negeri dari 2013 hingga terkini. Sila nyatakan projek dan kos.
30. Kampung Besar, SPT mempunyai banyak lorong kecil tetapi semua dinamakan Jalan Kampung Besar dan ini telah menyusahkan penduduk untuk memberi lokasi rumah yang tepat. Penduduk-penduduk mencadangkan supaya jalan-jalan kecil dinamakan semula dengan tersusun.
 - (a) Apakah langkah boleh diambil untuk cadangan tersebut?

XIV. AHLI KAWASAN PULAU TIKUS (YB. LEE CHUN KIT)

1. Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk mempertingkatkan penguatkuasaan trafik dengan kerjasama Polis Diraja Malaysia?
 - (a) Adakah warden trafik akan diperkenalkan di Pulau Pinang untuk menolong situasi ini?
2. Adakah Kerajaan Negeri mempunyai rancangan baharu untuk menolong golongan ibu tunggal untuk mencari perkerjaan?
 - (a) Berapakah statistik bilangan ibu tunggal terkini di Negeri Pulau Pinang?
 - (b) Berapakah statistik terkini bilangan ibu tunggal yang sedang bekerja?
3. Adakah reka bentuk hentian bas akan diselaraskan supaya kelihatan lebih sempurna dan mesra pengguna secara menyeluruh untuk menggalakkan penggunaan pengangkutan awam?
4. Adakah Kerajaan Negeri akan mengeluarkan dasar baru untuk memastikan semua pembangunan komersial akan datang dibina dengan kemudahan dan fasiliti bilik mandi supaya dapat menggalakkan penggunaan basikal sebagai sebuah pengangkutan pilihan untuk pekerja-pekerja?
5. Adakah rancangan Kerajaan Negeri untuk mengurangkan kesesakan trafik di Kawasan Pulau Tikus sementara menunggu pembinaan Penang Transport Master Plan (PTMP) siap sepenuhnya?
6. Apakah usaha-usaha Kerajaan Negeri untuk membantu tempat-tempat pekerjaan golongan OKU yang sedia ada supaya elaun mereka tidak terjejas?

7. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk meningkatkan prestasi pendidikan di kalangan golongan muda?
8. Adakah Kerajaan Negeri mempunyai rancangan untuk menyokong kugiran atau *busker* tempatan untuk mengadakan lebih banyak konsert seperti IndiePG baru-baru ini di PenangPAC pada 23 Jun 2018?
9. Adakah Kerajaan Negeri akan membina lebih banyak pusat-pusat pengajian Sains untuk kanak-kanak bagi membangkitkan minat pembelajaran Sains di kalangan orang muda?
10. Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk menarik pelabur-pelabur luar negara baharu untuk tidak hanya mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan tetapi juga lebih banyak jenis bidang pekerjaan?
11. Apakah insentif-insentif baharu yang disediakan Kerajaan Negeri untuk menggalakkan keusahawanan di kalangan golongan muda?
12. Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk mengekalkan perniagaan-perniagaan tradisional?
 - (a) Adakah dasar-dasar baharu akan dikeluarkan untuk menolong mereka yang menjalankan perniagaan tradisional dalam cabaran sewaan tinggi dan lain-lain faktor?
13. Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk menaik taraf bangunan-bangunan dan juga fasiliti-fasiliti awam yang lama demi keselesaan pengguna?
14. Adakah Kerajaan Negeri mempertimbangkan untuk bekerjasama dengan Toastmasters International bagi mengadakan program latihan dan pertandingan?
15. Bilakah projek pembinaan tapak kekal Pasar Mount Erskine akan dimulakan?
 - (a) Berapa lamakah tempoh pembinaan projek tersebut?
 - (b) Adakah tapak untuk pasar yang baharu telah dikenalpasti?
16. Apakah rancangan Kerajaan Negeri dalam menyokong dan menolong usahawan-usahawan yang ingin membuka pusat-pusat aktiviti dan juga rekreasi buat warga emas?
17. Adakah Kerajaan Negeri akan membantu seni persembahan atau *performing arts* dengan memberi lebih banyak bantuan kewangan dan promosi kepada pengarah-pengarah muda?
18. Adakah parit-parit lama di sekitar Pulau Pinang akan dinaik taraf untuk menghadapi musim hujan yang semakin lebat serta bagi mengelak dari berlakunya banjir kilat memandangkan tambatan banjir memerlukan lebih banyak infrastruktur untuk mengatasi masalah ini?
19. Adakah Kerajaan Negeri mempunyai rancangan untuk menaik taraf kawasan sekitar dan bangunan Pasar Pulau Tikus secara menyeluruh memandangkan bilangan penjaja dan tempat letak kereta memerlukan kawasan yang lebih luas untuk masa depan?
20. Ramai usahawan pusat-pusat jagaan warga emas telah memaklumkan kesusahan mereka untuk membuat bayaran caruman jabatan-jabatan Kejuruteraan MBPP dan MPSP yang tinggi. Ini telah menyebabkan kebanyakan pusat-pusat jagaan warga emas tidak boleh memperolehi kelulusan PBT masing-masing walaupun proses pemutihan telah dijalankan.
 - (a) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai rancangan untuk menolong mereka?

21. Adakah garis panduan pusat-pusat jagaan warga emas akan dikemaskini supaya lebih banyak unit-unit (perumahan dan swasta) boleh ditukar gunakan kepada pusat-pusat tersebut?. Keperluan golongan warga emas tidak boleh diketepikan dan pusat-pusat jagaan warga emas memenuhi keperluan komuniti secara menyeluruh.
22. Adakah Kerajaan Negeri mempunyai rancangan-ancangan baharu untuk membantu gelandangan selain Agenda Ekonomi Saksama (AES)?
23. Adakah Kerajaan Negeri akan menaik tarafkan Penang Free Wifi untuk menambahbaik komunikasi digital seluruh negeri?
24. Adakah Kerajaan Negeri akan menolong syarikat-syarikat internet untuk memastikan bahawa semua kawasan perumahan di Negeri Pulau Pinang dilengkapi dengan kabel gentian optik (*fibre optic cables*) supaya kemudahan internet berkelajuan tinggi boleh disambungkan kepada semua rakyat Pulau Pinang?
25. Adakah Kerajaan Negeri mempunyai program pendidikan untuk memupuk keharmonian di antara kaum melalui persefahaman perbezaan diantara satu sama lain?
26. Adakah Kerajaan Negeri mempunyai rancangan untuk memulakan program-program pendidikan masakan tempatan supaya makanan-makanan terkenal negeri kita tidak akan dilupakan apabila generasi semasa ini bersara? Ini adalah penting untuk memelihara tradisi dan kebanggaan kita sebagai rakyat negeri Pulau Pinang
27. Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk mengawal trafik di kawasan Persiaran Gurney apabila projek Gurney Wharf disiapkan?
28. Adakah Kerajaan Negeri akan mencipta dasar-dasar yang lebih ketat untuk memastikan bahawa kontraktor-kontraktor pembangunan akan mematuhi undang-undang dan syarat-syarat apabila proses pembinaan dijalankan? Ini adalah demi keselamatan dan keselesaan rakyat jelata.
29. Bolehkah Kerajaan Negeri menambah baik sistem tender terbuka kita supaya kriteria perolehan dikemaskini dengan sistem markah atau *point system* supaya kontraktor-kontraktor mesti membuktikan kebolehan mereka melalui kerja-kerja mereka? Sistem markah ini juga boleh memastikan pengarah-pengarah yang telah disenarai hitam tidak boleh membuat tender melalui syarikat yang lain
30. Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk mewujudkan sistem amaran cuaca yang lebih efektif supaya nyawa dan barang keperluan masing-masing boleh diselamatkan?

XV. AHLI KAWASAN BAYAN LEPAS (YB. AZRUL MAHATHIR BIN AZIZ)

1. Mohon maklum status pembinaan Pasar Moden Teluk Kumbar.
 - (a) Adakah pembinaannya satu projek terbengkalai?
 - (b) Jika tidak, bilakah pembinaannya akan diteruskan? Rakyat berharap ianya diteruskan memandangkan pasar basah yang sedia ada tidak sesuai digunakan dan terlalu uzur. Ianya juga adalah binaan persendirian bukan yang dibina oleh Pihak Berkuasa Tempatan
2. KADUN Bayan Lepas terletak di dalam Daerah Barat Daya yang mana sebuah daerah yang tidak mempunyai Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan rumah TRANSIT.
 - (a) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk mewujudkannya bagi membantu penduduk yang miskin dan kurang mampu, terlibat dengan bencana atau dihimpit dengan pembangunan dapat memiliki tempat berteduh?

3. Untuk menggerakkan sosio-ekonomi supaya lebih maju dan mapan kemudahan infrastruktur seperti jalan raya adalah amat penting. Pelebaran jalan raya berhampiran lapangan terbang dan pekan Bayan Lepas sehingga ke projek perumahan TPPT Changkat Bukit Belah telah siap.
 - (a) Adakah Kerajaan Negeri akan meneruskan pelebaran jalan tersebut hingga PUSPAKOM selesai ke Balik Pulau?
4. Kebanyakan rumah kampung di dalam KADUN Bayan Lepas dibina secara tidak sah di atas tanah kerajaan, GLC atau bukan di atas tanah sendiri berpuluh-puluh tahun. Sekarang penduduk berkenaan diminta kosongkan tanah tersebut dengan pampasan yang tidak mampu beli selain rumah kos rendah.
 - (a) Adakah kerajaan sedar hal ini dan bagaimana untuk membantu?
5. Gelandangan dan warga emas ada juga yang memerlukan penjagaan khas seperti pusat penjagaan orang tua-tua atau 'Rumah Kenangan' seperti di Perak dan di Kedah yang dikelolakan oleh agensi kerajaan.
 - (a) Adakah di Pulau Pinang juga terdapat institusi seperti ini yang telah dan akan dibina yang dikelolakan oleh Kerajaan Pusat atau Negeri ?
6. Perubahan Kerajaan Pusat selari dengan Kerajaan Negeri suatu yang besar manfaatnya. PERDA contohnya mempunyai aset hartanah di dalam KADUN Bayan Lepas yang masih tidak dimajukan untuk rakyat contoh sebidang tanah yang agak luas di Kampung Sungai Batu.
 - (a) Bolehkah Kerajaan Negeri meminta PERDA membina rumah kos rendah untuk memenuhi keperluan rakyat yang mendesak?
7. Dadah adalah musuh nombor 1 Malaysia.
 - (a) Apakah langkah-langkah proaktif Kerajaan Negeri untuk membendung ancaman tersebut khususnya kepada generasi muda yang telah diambil atau akan diambil?
8. Kesesakan kawasan kediaman selalunya berpunca daripada kenderaan diparkir di tepi jalan. Apabila pemajuan kediaman bertingkat dibuat jumlah parkir tidak mencukupi lebih teruk bagi rumah pangsa kos rendah dengan nisbah 3 buah rumah hanya 1 parkir disediakan.
 - (a) Adakah Kerajaan Negeri bersedia untuk syaratkan pembinaan baru satu rumah mesti ada 1 parkir?
9. Aktiviti sukan olahraga dan sukan padang tidak harus dipandang sepi bagi melahirkan rakyat yang sihat, cergas dan cerdas. Peringkat umur dari sekolah rendah, menengah hingga dewasa agak sukar untuk menjalankan aktiviti tersebut tanpa Stadium Mini di Daerah Barat Daya.
 - (a) Adakah perkara ini tiada langsung dalam perancangan Kerajaan Negeri?
10. Sektor pelancongan kawasan terpencil juga boleh dimajukan untuk menjana ekonomi penduduk tempatan. Pantai Teluk Bayu di Sungai Batu dan Pantai Tanjung Asam telah lama menjadi tumpuan pengunjung walaupun tiada kemudahan asas.
 - (a) Bolehkah kawasan ini diwartakan sebagai kawasan rekreasi dan pelancongan? Seterusnya dimajukan dengan membina kemudahan awam dan gerai jualan.
11. Kebanyakan sekolah yang telah dibina sebelum ini tidak mempunyai Sijil Layak Menduduki (OC) Contoh Sekolah Rendah Kebangsaan Seri Bayu dan Mutiara Perdana.
 - (a) Apakah risiko kepada pelajar dan kakitangan sekolah?
 - (b) Bagaimana untuk menyelesaikan masalah tersebut?

12. Perbezaan syarat nisbah keluasan tanah untuk pembinaan surau bagi sesuatu projek yang perlu disediakan oleh pemaju terdapat percanggahan antara MBPP dan MAIPP seperti yang berlaku untuk Flat Bayu Nyaman, Bayan Lepas. Tanah yang disediakan oleh pemaju tidak menepati kehendak MAIPP iaitu saiz kecil.
 - (a) Bolehkah ditetapkan syarat MBPP tersebut mengikut nisbah MAIPP lebih praktikal?
13. Perumahan kos rendah bertingkat kebiasaannya akan menghadapi masalah penyelenggaraan lif yang tinggi kosnya. Flat Mutiara Perdana 2 telah membuat 5 permohonan kepada TP1M untuk memohon baik pulih dan pemasangan lif baharu tetapi sehingga kini tiada jawapan mengakibatkan rakyat menjadi mangsa.
 - (a) Adakah TP80PP boleh membantu jika melibatkan kos mencecah jutaan ringgit?
14. Rangkaian internet dan telekomunikasi tanpa wayar agak tidak memuaskan, ada kawasan yang begitu sukar bagi capaian tersebut seperti di Bukit Belah, Saujana Height, Sungai Batu dan sebahagian Gertak Sanggul.
 - (a) Bolehkah Kerajaan Negeri pastikan kawasan tersebut tidak ketinggalan dengan arus dunia tanpa sempadan?
15. Sejauh manakah program Agenda Ekonomi Saksama (AES) dapat membantu rakyat? Sila berikan butirannya.
16. Sejauh manakah keberkesanan Program Titian Saksama Rakyat (PTSR)?
 - (a) Berikan perangkaan terkini. Sebaiknya PTSR ini dijenamakan dengan bahasa yang mudah difahami oleh orang awam seperti Program Bantuan Usahawan atau Tabung Amanah Usahawan Terpilih (TAUT)

XVI. AHLI KAWASAN SUNGAI DUA (YB. MUHAMAD YUSOFF BIN MOHD NOOR)

1. Kerajaan Pusat berura-ura untuk memansuhkan bantuan sara hidup kepada nelayan dan subsidi petani.
 - (a) Apakah langkah yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri untuk membantu nelayan dan petani jika ini berlaku?
 - (b) Apakah program yang dirancang untuk meningkatkan pendapatan petani & nelayan di Negeri Pulau Pinang?
2. Pengwujudan Pusat Siber Cafe dan Permainan Video Di Sungai Dua.
 - (a) Berapakah jumlah pusat berkenaan dalam KADUN Sungai Dua? Senaraikan nama premis dan alamat.
 - (b) Adakah pusat-pusat tersebut diberikan lesen?
 - (c) Adakah ada pemantauan di setiap premis memandangkan ramai pelajar sekolah sering ponteng dan berada di premis berkenaan?
3. Sumbangan khas bencana alam/ kebakaran.
 - (a) Sila senaraikan jumlah penerima sumbangan khas bencana alam seperti banjir/ribut/kebakaran dalam KADUN Sungai Dua sepanjang tahun 2017 dan 2018.
 - (b) Berapakah jumlah sumbangan yang diterima setiap mangsa & apakah bentuk sumbangan tersebut?
 - (c) Agensi manakah yang dilantik untuk melaksanakan pemberian sumbangan tersebut?

4. Apakah tugas penyelaras KADUN bagi KADUN Sg Dua? Senaraikan.
 - (a) Mengapa penyelaras KADUN jarang berada di pejabat penyelaras bagi memudahkan masyarakat mendapat perkhidmatan/maklumat yang disalurkan oleh Kerajaan Negeri?
5. Dewan mula diambil alih oleh kepimpinan Pakatan Harapan di semua kawasan.
 - (a) Apakah perancangan Kerajaan Negeri dalam memastikan dewan diselenggara dengan baik dan digunakan sepenuhnya oleh masyarakat?
 - (b) Terdapat Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dalam masyarakat, adakah NGO ini boleh sama-sama menggunakan dewan tersebut seperti belia, pakatan kampung, Kawasan Rukun Tetangga (KRT), kelompok PADI dan lain-lain.
6. Pelancongan di Sungai Dua.
 - (a) Adakah Kerajaan Negeri mengenalpasti beberapa lokasi berpotensi sebagai pusat pelancongan di Sungai Dua? Jika ada senaraikan.
 - (b) Apakah usaha Kerajaan Negeri untuk mempertingkatkan sektor pelancongan di Sungai Dua selain menjadi HUB Makanan?
 - (c) Agensi manakah yang bertanggungjawab membuat kaji selidik pusat pelancongan baru?
7. Pertubuhan belia dalam KADUN Sg Dua/Parlimen Tasek Gelugor.
 - (a) Senaraikan pertubuhan belia dalam Parlimen Tasek Gelugor serta alamat dan no telefon.
 - (b) Berapakah peruntukan tahunan Kerajaan Negeri dan Persekutuan kepada pertubuhan belia tersebut?
 - (c) Senaraikan pertubuhan belia yang aktif dan tidak aktif dari tahun 2015-2018.
8. Perkhidmatan Wi-Fi Percuma.
 - (a) Nyatakan lokasi yang menawarkan perkhidmatan Wi-Fi percuma di Pulau Pinang, senaraikan mengikut daerah.
 - (b) Adakah kawasan KADUN Sg Dua mendapat perkhidmatan Wi-Fi percuma? Jika tidak, bagaimana pemilihan kawasan dibuat?
 - (c) Jika ada perancangan perkhidmatan ini di KADUN Sg Dua, bila ia akan dilaksanakan?
9. CCTV di sekitar DUN Sungai Dua.
 - (a) Sila senaraikan jumlah CCTV yang telah dipasang di KADUN Sungai Dua beserta lokasi CCTV tersebut.
 - (b) Apakah keberkesanan pemasangan CCTV kepada pihak keselamatan dan orang awam?
 - (c) Berapakah kos yang dibelanjakan bagi setiap pemasangan?
10. Bas awam di Sungai Dua.
 - (a) Sila senaraikan laluan bas awam yang terdapat dalam DUN Sungai Dua.
 - (b) Mengapakah laluan dikawasan Desa Murni ke Kepala Batas dibatalkan? Terangkan.
 - (c) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai cadangan lain bagi menyediakan kemudahan pengangkutan awam di kawasan Sungai Dua yang dianaktirikan?
11. Jeti nelayan sungai KADUN Sungai Dua.
 - (a) Apakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk membangunkan dan menaik taraf jeti nelayan di Air Hitam dan Kampung Chegar supaya lebih selesa?
 - (b) Adakah Kerajaan Negeri pernah melawat jeti-jeti berkenaan? Jika ada nyatakan tarikh dan isu berbangkit.
 - (c) Pernahkah bantuan diberikan kepada jeti-jeti di atas termasuk di Pengkalan Machang. Senaraikan.

12. Pokok nipah telah menjadi sumber rezeki penduduk di Sungai Dua (rokok daun) Pucuk pokok nipah telah diambil sewenang-wenangnya.
- Apakah langkah Kerajaan Negeri dalam mengawal kerja-kerja pengambilan pucuk nipah dan merosakkan pokok nipah?
 - Apakah perlu ada pihak tertentu untuk mengawal kerja-kerja pengambilan ini?
13. Kerajaan Pakatan Harapan menjanjikan 75,361 unit rumah kos rendah, kos sederhana rendah dan mampu milik akan siap dibina hingga tahun 2015.
- Sila berikan pecahan rumah kos rendah, sederhana rendah dan mampu milik mengikut tahun hingga 2025 (7 tahun)
 - Berikan pecahan pembangunan oleh syarikat swasta, GLC dan Kerajaan Negeri.
- 14.
- Berapakah jumlah penghuni rumah Projek Perumahan Rakyat (PPR) yang diperintah mengosongkan premis bagi semua rumah PPR? Atas alasan apa arahan ini dikeluarkan?
 - Berapakah jumlah rumah PPR yang telah disediakan oleh Kerajaan Negeri daripada 2008-2017?
 - Adakah Kerajaan Negeri mempunyai cadangan untuk membina rumah PPR bagi kemudahan penduduk berpendapatan rendah?
- 15.
- Apakah Kerajaan Negeri ada memperkenalkan usaha menjaga alam sekitar dan kehijauan Pulau Pinang sejak 2008 hingga kini? Senaraikan program dan kempen yang dijalankan.
 - Huraikan keberkesanan usaha tersebut serta penambahbaikan yang dibuat serta jumlah perbelanjaan yang telah dibelanjakan?
- 16.
- Berapa banyakkah peruntukan yang telah Kerajaan Negeri salurkan untuk pembangunan belia dan wanita melalui PWDC dan PYDC bagi tahun 2013-2017?
 - Senaraikan program-program yang telah dilaksanakan oleh PWDC dan PYDC sepanjang tempoh 2013 hingga 2017 dan kesan program tersebut kepada wanita dan belia.
- 17.
- Sila senaraikan pecahan projek perumahan yang telah diluluskan pelan merancang oleh pihak MPSP bagi projek di Tanah Ladang Malakoff, Tasek Gelugor oleh pemaju SP Setia
 - Adakah pembangunan projek mengambil kira jumlah rumah kos rendah dan kos sederhana rendah bagi memenuhi permintaan rumah tersebut yang agak banyak?
18. Projek Perumahan oleh PERDA dan JKP Sdn Bhd.
- Apakah kedudukan permohonan pelan merancang oleh PERDA dan JKP Sdn Bhd yang telah dipohon?
 - Bagaimana kedudukan agensi dan anak syarikat ini dalam Kerajaan Negeri?
19. Unified Examination Certificate (UEC);
- Apakah pendirian Kerajaan Negeri berkaitan dengan pengiktirafan sijil UEC bagi menggantikan sijil SPM/STPM untuk sekolah-sekolah swasta Cina.
 - Apakah Kerajaan Negeri akan mengiktiraf sijil ini di guna pakai untuk sebarang urusan memohon pekerjaan dan kemasukan ke IPTA/IPTS di Negeri Pulau Pinang.
20. Pinjaman Pendidikan Kerajaan Negeri Pulau Pinang.
- Mengapa pinjaman pendidikan Kerajaan Negeri tidak dimansuhkan seperti mana pihak Pakatan Harapan akan laksanakan ke atas PTPTN?

- (b) Mohon disenaraikan secara terperinci jumlah pinjaman yang tertunggak dan pecahan mengikut kaum.
21. Hand, Foot, and Mouth Disease (HFMD);
- (a) Berapakah kes HFMD yang berlaku di Negeri Pulau Pinang hingga kini?
 (b) Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk menyelesaikan masalah ini dan mencegah ia dari merebak dengan lebih serius?
 (c) Adakah perlu tadika/taska/prasekolah dan lain-lain mengambil tindakan tutup untuk sementara?
22. Isu Lesbian, Gay, Bisexual and Transgender;
- (a) Berapa banyakkah kes 'GAY' atau pondan yang ditangkap dan diambil tindakan dan penguatkuasaan oleh JHEAIPP bagi tahun 2013 hingga 2018?
 (b) Apakah pendirian JHEAIPP / MAIPP berkaitan isu LGBT dari segi pencegahan, tindakan undang-undang dan penguatkuasaan undang-undang?
23. Isu ajaran sesat.
- (a) Terdapat kumpulan Ajaran Syiah di Pulau Pinang. Apakah tindakan yang diambil oleh pihak MAINPP dan JHEAIPP dalam menyelesaikan isu ini sepanjang tahun 2008-2018.
 (b) Apakah pandangan dan komen MAINPP dan JHEAIPP berkaitan perkara yang berlaku atas Ajaran Ahmediyah/Qadiyariah di Negeri Selangor baru ini? (Mahkamah membebaskan pengikut ajaran ini)
24. Kerja tambakan laut di selatan Pulau Pinang.
- (a) Apakah kedudukan terkini kerja-kerja penambakan laut di selatan Pulau Pinang, di peringkat manakah projek ini sekarang?
 (b) Adakah kelulusan DEIA telah diperolehi dan disokong serta adakah ia sesuai dilaksanakan?
25. Dasar Kerajaan Negeri adalah tidak mengambil tindakan terhadap semua bangunan, rumah ibadat atau penjaja yang beroperasi secara haram dan wujud sebelum 2008 kecuali jika ia mengganggu orang awam dan aliran trafik.
- (a) Bilakah dasar ini diluluskan oleh Kerajaan Negeri?
 (b) Bolehkah Ketua Menteri memberikan cabutan minit mesyuarat yang meluluskan dasar tersebut?
26. (a) PDC telah komited untuk membina 27,230 unit rumah murah dari 2008-2017 di 17 projek, di lima daerah. Senaraikan projek tersebut, harga jualan dan berapa unit yang telah siap?
 (b) Laporan juga membentangkan 24,227 unit rumah kos rendah dan sederhana rendah telah dibina oleh PDC/swasta dalam tempoh dari 2008-2017. Senaraikan projek rumah tersebut.
27. (a) Mohon Kerajaan Negeri kemukakan statistik rumah setinggan serta rumah kampung yang diroboh oleh PBT sejak 2008 hingga kini.
 (b) Mohon kemukakan juga statistik gerai perniagaan yang diroboh oleh PBT sejak 2008 hingga kini.
28. (a) Apakah penambahbaikan perkhidmatan yang boleh dan telah dinikmati oleh rakyat Negeri Pulau Pinang sejak CAT dilaksanakan atau ianya sekadar slogan yang dtampal di dinding pejabat sahaja?
 (b) Adakah indeks rasuah di Pulau Pinang menurun sejak CAT dilaksanakan?

29. (a) Apakah Kerajaan Negeri mempunyai satu dasar dalam membela nasib penduduk setingan setelah tanah tersebut dijual oleh pemilik tanah.
 - (b) Adakah benar kampung warisan/tradisional di Pulau Pinang telah dihapuskan/terhapus dengan sendiri kesan program pembangunan? Senaraikan kampung warisan/tradisional yang ada di Pulau Pinang.
 - (c) Apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri dalam mengekalkan kampung warisan/tradisional?
30. (a) Apakah tindakan yang telah diambil oleh PBT terhadap premis perniagaan haram dan yang sah tetapi diusahakan oleh warga asing di negeri ini?
 - (b) Apakah langkah kawalan/ penguatkuasaan oleh PBT keatas gerai makanan yang diusahakan oleh warga asing atau pekerja terdiri daripada warga asing?

XVIII. AHLI KAWASAN BERTAM (YB. KHALIQ MEHTAB BIN MOHD ISHAQ)

1. Apakah tindakan Kerajaan Negeri dalam kes bantahan penduduk mengenai pelebaran jalan yang bermula dari Jambatan Merdeka hingga ke Permatang Pak Elong. Walaupun ianya merupakan projek penaiktarafan jalan dari dua lorong kepada empat lorong tetapi rata-rata penduduk berpendapat ianya bukanlah satu keperluan lagi.
2. Apakah tindakan yang boleh diambil terhadap aduan penduduk yang merungut di mana kawasan mereka sering dinaiki air. Sistem perparitan yang tidak sistematik dan menyusahkan penduduk kampung terutama di kampung tradisi seperti Permatang Bertam, Kampung Kovil, Kampung Setol, Permatang Sintuk.
3. Penguatkuasaan terhadap peniaga-peniaga yang berniaga di tepi jalan perlukan satu tindakan yang tegas dan juga memerlukan tindakan bersepadu dari pihak Kerajaan Tempatan dan juga JKKK. Pada masa yang sama, apakah alternatif yang boleh kita sediakan untuk memastikan peniaga yang berniaga di tepi jalan diberikan satu kawasan yang sesuai.
4. Pelaksanaan rumah PPR adalah satu projek yang sangat hebat dan memberi manfaat kepada penduduk. Namun ada juga projek PPR diberikan kepada mereka yang TIDAK Berhak. Ini adalah kerana pihak JKKK TIDAK diberikan peranan yang lebih besar untuk membuat siasatan sebelum projek dilaksanakan.
5. JKKK adalah merupakan tulang belakang kerajaan dan peranan mereka sangat penting dalam memastikan setiap program dan perancangan Kerajaan Negeri dicapai. Apakah tindakan kerajaan untuk memastikan semua ahli JKKK ini mengetahui dan memahami tugas mereka?
6. Mohon pencerahan mengenai program-program Kerajaan Negeri yang boleh melibatkan golongan belia di Pulau Pinang. Buat masa sekarang, program-program belia banyak tertumpu di sebelah Pulau dan jarang ada di sebelah Tanah Besar.
7. Mohon pencerahan mengenai status stadium hoki dan boling padang di Kompleks Sukan MPSP. Kemudahan yang masih tidak boleh digunakan dan ianya agak mengecewakan.
8. Apakah tindakan Kerajaan Negeri mengenai Bangunan Abedeen Resort yang terbiar dengan semak samun. Selain ianya menyakitkan mata memandang, ianya juga menjadi tempat pembiakan binatang dan serangga berbisa.
9. Apakah tindakan kerajaan dalam menangani isu pelarian Rohingya di kawasan Bertam. Ianya semakin menjadi kudis dengan kehadiran pengemis kanak-kanak yang merayau-rayau di kawasan pasar malam. Apakah status mereka ini dan adakah mereka mendapat perlindungan istimewa hingga tiada siapa yang boleh mengambil tindakan?

10. Apakah tindakan pihak polis terutama trafik dalam membanteras pemandu warga asing yang menaiki kenderaan TANPA lesen dan membawa muatan yang lebih terutama karpet di jalan-jalan di kawasan kampung?
11. Apakah tindakan kerajaan untuk membanteras kedai makanan tom yam yang beroperasi tanpa permit dan menggajikan pekerja tanpa permit?
12. Tahap kebersihan kedai makan terutama nasi kandar masih lagi di tahap gred C. Apakah tindakan kerajaan untuk memastikan peniaga-peniaga mengikut peraturan yang telah ditetapkan. Adakah mereka mengikut setiap peraturan yang diwajibkan pada setiap masa dan adakah pemantauan dan penguatkuasaan dilakukan dengan tegas?
13. Pencapaian pasukan bola sepak negeri Pulau Pinang amat mengecewakan. Jika kita bandingkan di zaman Dollah Salleh, Isa Bakar, Namad Abdullah dan lain-lain nama besar dalam arena bola sepak negeri Pulau Pinang dan Malaysia. Apakah perancangan pihak kerajaan untuk mengembalikan sinar bola sepak Negeri Pulau Pinang?
14. Mohon pencerahan mengenai status program Kad Kesihatan untuk rakyat negeri Pulau Pinang.
15. Adakah sebarang rancangan dari Kerajaan Negeri untuk menjadikan jaluran dari Kg Kuala Bekah hingga ke Padang Benggali sebagai kawasan pelancongan. Adakah kajian dibuat untuk menjadikan kawasan tersebut kawasan tarikan pelancongan memandangkan kawasan tersebut berpotensi sebagai kawasan tarikan pelancong.
16. Apakah tindakan YB. EXCO Kesihatan terhadap rungutan perkhidmatan yang kurang memuaskan di bahagian kecemasan Hospital Kepala Batas? Terdapat aduan di mana pesakit terpaksa menunggu dalam jangka masa yang lama untuk menerima rawatan akibat kecederaan kemalangan.
17. Adakah sebarang perancangan untuk mewujudkan kawasan industri kecil dan sederhana di Kawasan DUN Bertam.
18. Mohon pencerahan mengenai tatacara permohonan untuk mendapatkan gerai Majlis Perbandaran Seberang Perai. Didapati ada gerai yang tidak digunakan dan ada juga gerai yang digunakan sebagai tempat simpanan atau stor yang mana ini adalah menyimpang dari tujuan asal pembinaan gerai tersebut.

XVIII. AHLI KAWASAN PERMATANG BERANGAN (YB. NOR HAFIZAH BINTI OTHMAN)

1. Apakah rancangan kerajaan dalam menyelesaikan masalah kesesakan lalu lintas di kawasan pulau dan seberang?
 - (a) Bagaimana kerajaan dapat memberi jaminan bahawa cadangan pelaksanaan pengangkutan secara percuma mampu mengatasi masalah kesesakan dalam waktu puncak?
 - (b) Adakah pengangkutan percuma ini akan diteruskan hanya kepada kakitangan kerajaan atau akan diperluaskan kepada kumpulan lain?
2. Kerajaan berusaha memberi kesejahteraan rakyat dengan menjanjikan pemansuhan tol Jambatan Pulau Pinang sekiranya menang dalam PRU-14. Bilakah janji pemansuhan tol tersebut akan dilaksanakan?
3. Berapa banyakkah wang dan harta BaitulMal yang diuruskan oleh Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang?
 - (a) Bagaimanakah wang dan harta tersebut diuruskan?

4. Berapakah jumlah wang zakat terkumpul yang dipegang oleh Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) dan bagaimanakah jumlah tersebut dibelanjakan?
 - (a) Apakah yang dilakukan dengan jumlah wang yang masih berbaki?
 - (b) Bagaimanakah pembahagian dilakukan kepada golongan yang memerlukan?

5. Berapakah jumlah projek pembinaan masjid dan surau yang telah diluluskan dan telah dibina dalam Pulau Pinang pada penggal lepas?
 - (a) Berapakah pula projek masjid dan surau yang telah diluluskan tetapi dibatalkan oleh Kerajaan Negeri?
 - (b) Apakah sebab-sebab pembatalan tersebut?

6. Bagaimanakah pengurusan wakaf dilakukan dan masih adakah lagi tanah wakaf yang berbaki untuk pembinaan masjid, surau mahupun sekolah agama rakyat?
 - (a) Berapakah jumlah masjid, surau dan sekolah agama rakyat yang berdaftar atas tanah wakaf di Pulau Pinang?

7. Berapakah jumlah Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) di Pulau Pinang dan Seberang Perai?
 - (a) Sila nyatakan senarai lengkap berserta alamat dan kursus yang ditawarkan serta kadar yuran yang dikenakan.

8. Berapakah jumlah kilang yang masih beroperasi di Pulau Pinang dan Seberang Perai?
 - (a) Berapakah jumlah kilang yang telah menghentikan operasi?
 - (b) Apakah puncanya dan berapakah jumlah pekerja yang hilang pekerjaan akibat penutupan operasi kilang tersebut?
 - (c) Apakah impak kepada kerajaan dengan penutupan itu?

9. Bagaimana perancangan kerajaan untuk merencanakan pertumbuhan ekonomi mahupun menambah peluang pekerjaan kepada rakyat?
 - (a) Apakah kaedah atau strategi pelaksanaan yang akan dilakukan bagi menambah pertumbuhan ekonomi di negeri ini?
 - (b) Apa pula cadangan kerajaan untuk menarik lebih ramai pelabur dari luar negara?

10. Apakah perancangan kerajaan dalam menyelaraskan cadangan pemberian caruman KWSP kepada suri rumah oleh Kerajaan Pusat dengan suri rumah di negeri ini?
 - (a) Apakah contoh-contoh cadangan aktiviti atau program pemerkasaan wanita yang akan dilakukan oleh kerajaan?
 - (b) Bagaimanakah bentuk pembelaan kerajaan kepada golongan ini?

11. Adakah kerajaan mempunyai rekod penubuhan koperasi bagi merencanakan pertumbuhan ekonomi rakyat? Jika ya, berapakah jumlah koperasi yang berdaftar dan sejauh manakah koperasi tersebut menjana pendapatan ekonomi tempatan?
 - (a) Bagaimana status keaktifan setiap koperasi dan bagaimana kerajaan membantu koperasi membiayai perjalanan operasi mereka?

12. Berapakah jumlah rumah kos rendah yang telah dibina oleh Kerajaan Negeri sejak tahun 2008? Jika ada, sila perincikan kawasan projek serta jumlah/unit rumah mengikut kategori (kos rendah/sederhana rendah/dsb)
 - (a) Adakah kerajaan membina rumah tersebut melalui agensi kerajaan mahupun rakan usahasama dari pemaju swasta?
 - (b) Mohon perincikan pelaksanaan projek dari tahun 2008-2017.

13. Adakah masih terdapat projek perumahan yang terbengkalai kerana tidak mendapat kelulusan pihak berkuasa tempatan? Jika ada, sila nyatakan secara terperinci.
 - (a) Kenapa kerajaan tidak meluluskan pembinaan projek tersebut?
 - (b) Dimanakah projek tersebut dicadangkan untuk pemajuan dan apakah tindakan kerajaan bagi menangani masalah kekurangan rumah mampu milik di kalangan rakyat?

14. Berapakah jumlah keuntungan yang diperolehi oleh Pihak Berkuasa Air (PBA) Pulau Pinang dari tahun 2008 hingga 2017?
 - (a). Mohon perincian keuntungan kutipan mengikut tahun dan bagaimanakah pendapatan tersebut dibelanjakan?

15. Berapakah keluasan tanah yang disyaratkan kepada pemaju perumahan untuk dijadikan kawasan wakaf bagi rumah ibadat selain surau dalam setiap projek pemajuan perumahan?
 - (a). Apakah kriteria yang membolehkan kelulusan membina rumah ibadat selain surau dilaksanakan?

16. Bagaimana kerajaan merancang untuk menangani masalah banjir di Pulau Pinang?
 - (a) Adakah sebarang cadangan untuk membina tebatan banjir?
 - (b) Jika ada, berapakah kos yang diperuntukkan untuk cadangan pembinaan tersebut?
 - (c) Kawasan manakah yang akan dimajukan sebagai kawasan tebatan banjir dan bilakah projek ini akan dimulakan?

17. Berapakah jumlah Pegawai Penguatkuasa Agama dan kakitangan yang terdapat di Jabatan Agama Islam Pulau Pinang (JAIPP)?
 - (a) Apakah jenis undang-undang yang dikuatkuasakan dan dalam kes bagaimanakah bidang tugas Pegawai Penguatkuasa Agama boleh diaplikasikan?
 - (b) Kenapa masih terdapat kes-kes perjudian dan pelanggaran akta halal haram yang tidak dikuatkuasakan dengan lebih serius dan efektif?

18. Bidang pertanian tidak kurang hebatnya menyumbang dalam pertumbuhan ekonomi di negeri ini. Justeru, apakah tindakan kerajaan untuk menambah keluasan tanah bagi kegunaan pertanian?
 - (a) Adakah kerajaan memikirkan cadangan ini?
 - (b) Jika ada, di kawasan manakah yang dicadangkan untuk dijadikan kawasan pembangunan pertanian secara komersial dan produktif?
 - (c) Sila senaraikan kawasan tersebut.

19. Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan untuk membina rangkaian perdagangan antarabangsa serta menambah kemasukan pelabur-pelabur asing di negeri ini?
 - (a) Setakat ini, berapakah jumlah kemasukan pelabur asing yang telah didaftarkan dan masih kekal sehingga sekarang?
 - (b) Mohon perincian data syarikat luar mahupun pelabur asing tersebut dari tahun 2008 hingga 2017.

20. Apakah rancangan kerajaan dalam usaha memperkenalkan produk pelancongan di negeri ini?
 - (a) Setakat ini, adakah aktiviti ini telah dijalankan dengan jayanya?
 - (b) Jika ada, apakah jenis produk pelancongan yang telahpun dilaksanakan?
 - (c) Sila kemukakan status perkembangan aktiviti ini serta data terperinci pendapatan yang diperolehi hasil perlaksanaannya dan bagaimanakah ia dibelanjakan?

21. Apakah usaha yang telah, sedang dan akan dilakukan oleh kerajaan bagi membela golongan petani, pesawah dan nelayan di negeri ini?
- Setakat ini, berapakah data petani, pesawah dan nelayan yang berdaftar dengan kerajaan?
 - Sila senaraikan status bantuan yang sedang dilakukan oleh kerajaan bagi membantu golongan ini.
22. Berapa ramaikah kaum Bumiputera di negeri ini menjalankan aktiviti perniagaan dalam Industri Kecil dan Sederhana (IKS)?
- Adakah mereka menerima bantuan di bawah Skim IKS daripada kerajaan?
 - Jika ada, berapakah jumlah penerima bantuan tersebut dan berapa amaun yang diterima?
 - Adakah kerajaan mempunyai cadangan untuk menyediakan tapak IKS kepada pengusaha-pengusaha IKS ini?
23. Pengangkutan awam masih menjadi keperluan kepada penduduk khususnya bagi golongan berpendapatan rendah.
- Adakah kerajaan masih melihat keperluan pembinaan pondok/perhentian bas di kawasan kampung khususnya di Seberang Perai?
 - Berapakah jumlah perhentian bas yang telah dibina oleh kerajaan sejak tahun 2008 hingga 2017?
 - Sila perincikan data tersebut mengikut KADUN.
24. Bersukan dan beriadah adalah baik untuk penjagaan kesihatan serta merapatkan persaudaraan dengan aktiviti yang sihat. Sejak 2008 hingga kini, berapakah jumlah kompleks riadah atau gelanggang futsal yang telah dibina oleh kerajaan?
- Jika ada, sila perincikan data tersebut mengikut KADUN. Adakah kerajaan bercadang membina kompleks riadah di kawasan DUN Permatang Berangan?
25. Salah satu manifesto kerajaan adalah cadangan penyediaan laluan berbasikal 200 km di seluruh negeri. Di manakah kawasan laluan yang dicadangkan dan berapakah kos bagi projek tersebut?
- Bagaimanakah kerajaan melihat cadangan tersebut mampu mengurangkan kesesakan lalu lintas sedia ada?
 - Berapakah jumlah penunggang basikal di negeri ini yang berbasikal ke tempat kerja?
26. Berapakah jumlah klinik atau hospital yang telah dibina oleh Kerajaan Negeri sejak tahun 2008?
- Bagaimanakah kerajaan dapat menggalakkan pertumbuhan ekonomi dengan mengembangkan sektor pelancongan perubatan di negeri ini?
 - Sila perincikan status aktiviti ini dan berapakah jumlah pusat perubatan berdaftar yang dikategorikan dan diiktiraf sebagai pusat pelancongan perubatan tersebut.
27. Adakah terdapat Biro Bantuan Guaman atau Pusat Rujukan Perundangan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri sejak mentadbir dari tahun 2008?
- Bagaimana kerajaan melihat rakyat yang tidak berkemampuan dari segi kewangan dibantu melalui khidmat nasihat perundangan dan bantuan kewangan apabila diperlukan?
 - Bagaimana kerajaan mendepani permasalahan ini? Berapa jumlah kes yang telah dibantu?
28. Bagaimana kerajaan menggalakkan minat anak-anak dalam bidang pendidikan sains dan inovasi dan apakah langkah yang diambil untuk memupuk modal insan dan mencungkil bakat mereka?
- Setakat ini adakah program yang telah dijalankan?

- (b) Jika ada, berapakah dan bilakah program itu diadakan dan siapakah pesertanya?
- (c) Adakah program itu berjaya? Sila perincikan maklumat tersebut.

29. Apakah langkah yang diambil oleh kerajaan untuk meningkatkan kesedaran sivik serta menanam semangat dan budaya kebersihan dan cintakan alam sekitar di kalangan warga Pulau Pinang?
- (a) Sejak menjalankan kempen *Zero Plastic Bags*, berapakah kutipan setiap 20 sen yang dikenakan sejak 2013 dan apakah kesan positif yang dapat disimpulkan dari kempen ini?
30. Kerja-kerja pembersihan/kutipan sampah amat perlu bagi menjamin kebersihan sehari-hari. Justeru, bagaimanakah kerajaan melihat kerja-kerja ini diteruskan di kawasan perumahan?
- (a) Adakah masih lagi dijalankan sepenuhnya oleh anggota unit pembersihan MPSP ataupun diserahkan kepada kontraktor swasta yang dilantik?
 - (b) Mohon jelaskan perlaksanaannya sejak tahun 2008 hingga kini dan bagaimanakah proses lantikan kontraktor dilakukan?

XIX. AHLI KAWASAN PENAGA (YB. MOHD. YUSNI BIN MAT PIAH)

1. Berapakah jumlah pusat hiburan dan rumah urut yang dilesenkan di Pulau Pinang mengikut daerah bagi tahun 2014, 2015, 2016 dan 2017?
2. Mohon nyatakan apakah pelan serta rancangan masa depan dalam pembangunan masyarakat Melayu Islam di Pulau Pinang?
- (a) Status pembangunan tanah wakaf.
 - (b) Pelan pembangunan Pendidikan.
3. Mohon kerajaan nyatakan apakah tindakan jangka masa pendek dalam menyelesaikan masalah kesesakan jalan raya di Negeri Pulau Pinang? Sebagai contoh kesesakan puncak di lebuhraya dari kedua-dua arah di antara jambatan pertama dan bulatan Seberang Jaya.
4. Nyatakan statistik tangkapan jenayah dadah dan daun ketum dalam tempoh 4 tahun dari 2014 hingga 2017 di Pulau Pinang?
- (a) Mengikut daerah-daerah.
 - (b) Mengikut pecahan bangsa dan umur.
 - (c) Apakah tindakan kerajaan untuk menangani masalah ini?
5. Nyatakan pembangunan yang telah dijalankan dalam tempoh 10 tahun di kawasan Penaga dan pembangunan yang sedang dirancang?
6. Nyatakan jumlah keluasan tanaman padi dan tanaman selain padi di kawasan Penaga?
7. Nyatakan jumlah keluasan tanah pertanian yang telah bertukar status dari pertanian kepada perumahan atau perniagaan dari tahun 2014 hingga 2017?
8. Apakah pendekatan Kerajaan Negeri untuk meningkatkan pendapatan pesawah, nelayan dan petani?
9. Nyatakan jumlah pekerja asing di Pulau Pinang dari tahun 2014 hingga 2017 dan apakah tindakan Kerajaan Negeri untuk mengawal banjiriran pekerja asing di Pulau Pinang?
10. Apakah tindakan Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah sosial dan jenayah di kawasan penempatan pekerja asing yang bercampur dengan warga tempatan?

11. Nyatakan jumlah rumah kos rendah yang telah dibina oleh Kerajaan Negeri mengikut daerah dari tahun 2014 hingga 2017.
 - (a) Berapa jumlah pemohon?
 - (b) Berapa permohonan yang telah diluluskan dan yang masih menunggu?
12. Berapakah hutang Kerajaan Negeri sekarang dan nyatakan sumber pendapatan kerajaan untuk membayar kembali hutang mengikut jadual.
13. Banjir kerap berlaku di Pulau Pinang. Sejauh manakah Rancangan Tebatan Banjir (RTB) berfungsi.
 - (a) Nyatakan projek RTB yang telah dilaksanakan di Pulau Pinang mengikut daerah.
 - (b) Nyatakan projek RTB yang akan dilaksanakan bagi setiap daerah.
14. Nyatakan jenis-jenis bantuan bencana di Pulau Pinang dan bantuan kerajaan dari sudut kewangan, kebendaan dan sebagainya bagi membantu mangsa yang terlibat di negeri ini.
15. Nyatakan jenis-jenis judi dan jumlah premis judi di setiap daerah mulai tahun 2014-2017 yang diberi kelulusan di negeri ini.
 - (a) Adakah Kerajaan Negeri berhasrat mengurangkan premis judi?
16. Sejauh manakah kerajaan memantau usaha pencegahan penyakit tangan, kaki dan mulut (HFMD) negeri ini dan sejauh mana bantuan diberikan kepada ibu bapa, sekolah, taska, tadika dan sebagainya.
17. Berapakah jumlah padang bola sepak dan padang bola sepak rumput sintetik di negeri ini dan sejauh manakah kerajaan membantu penaiktarafan padang bola sepak di negeri ini?
18. Adakah Kerajaan Negeri mengiktiraf hak-hak kumpulan lesbian, gay, biseksual dan transgender (LGBT)
 - (a) Jika ada, nyatakan sebabnya.
 - (b) Jika tiada, apakah langkah yang diambil untuk membantu golongan ini kembali kepada kehidupan yang normal?
19. Mohon nyatakan, bilakah tamat konsesi tol jambatan Pulau Pinang yang pertama?
 - (a) Berapakah purata kutipan tol yang telah dikutip dalam tempoh sebulan?
20. Sejauh manakah penguatkuasaan diambil melalui Undang-Undang kecil kawalan judi Siber yang diperkenalkan oleh MBPP sejak 2013.
 - (a) Sila nyatakan statistik jumlah tindakan sita dan kompaun yang telah dijalankan sejak 2015 sehingga kini.
 - (b) Apakah langkah pembasmian jangka pendek dan jangka panjang oleh PBT dan Agensi Kerajaan Negeri dan Pusat?
21. Apakah sumber statistik atau maklumat pemilikan hartanah penduduk Pulau Pinang yang dijadikan sebagai rujukan oleh Kerajaan Negeri?
 - (a) Apakah tindakan Kerajaan Negeri bagi mengatasi masalah harga tanah dan rumah yang mahal di Pulau Pinang untuk memberi peluang kepada rakyat memiliki hartanah?

22. Apakah rancangan kerajaan bagi menangani masalah gelandangan di Pulau Pinang terutamanya di dua lokasi yang sering dilihat masyarakat iaitu stesen bas sekitar KOMTAR dan Penang Central di Butterworth?
 - (a) Nyatakan statistik gelandangan di Pulau Pinang dari tahun 2014-2017 di setiap daerah dan mengikut pecahan kaum.
23. Apakah perancangan atau tindakan Kerajaan Negeri bagi mengatasi isu makanan sihat yang mahal di Pulau Pinang sebagaimana telah didedahkan dalam satu kajian dari USM Induk pada tahun 2016?
 - (a) Adakah kerajaan sedar dan memberi perhatian mengenai kajian yang telah dibuat?
24. Bagaimanakah status anak syarikat MAINPP yang ditubuhkan untuk menguruskan hal ehwal tanah wakaf? Adakah ia telah mula beroperasi? Berapakah jangkaan hasil yang akan diperolehi?
25. Bagaimanakah kedudukan terkini Kolej Islam Teknologi Antarabangsa (KITAB) milik MAINPP? Apakah usaha kerajaan untuk mewujudkan kampus tetap KITAB yang difahamkan telah tergendala sejak beberapa tahun lalu?
26. Berapakah jumlah wang 'tawaf zakat' yang ada sejak lima (5) tahun lalu?
 - (a) Nyatakan jumlah wang tersebut mengikut tahun.
 - (b) Apakah usaha kerajaan untuk mengurangkan jumlah wang tawaf ini?
27. Berapakah jumlah terkini Guru Kelas Al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) Negeri Pulau Pinang mengikut daerah?
 - (a) Berapakah elaun bulanan yang diterima oleh guru KAFA?
28. Berapakah statistik terkini penduduk Pulau Pinang mengikut pecahan daerah dan bangsa?
 - (a) Nyatakan statistik jumlah kanak-kanak yang tercicir daripada pendidikan arus perdana dari tahun 2014 hingga kini di Pulau Pinang.
29. Berapakah statistik anak tidak sah taraf (luar nikah) di Pulau Pinang mengikut pecahan daerah dan bangsa dari tahun 2014 hingga kini?
30. Berapakah jumlah masjid/surau di Pulau Pinang mengikut pecahan daerah?
 - (a) Nyatakan jumlah surau yang dikategorikan tidak aktif mengikut pecahan daerah.

XX. AHLI KAWASAN BUKIT TENGAH (YB. GOOI HSIAO-LEUNG)

1. Berapakah jumlah peruntukan MARRIS telah diperuntukkan dan digunakan oleh MPSP dan Pejabat Daerah dan Tanah SPT, secara berasingan, untuk kerja-kerja penyelenggaraan bagi setiap tahun dari 2013-2018 secara keseluruhan dan khususnya, untuk kawasan DUN Bukit Tengah?
2. Apakah projek-projek yang telah dikenalpasti dalam *Penang Transport Master Plan* yang secara langsung akan membawa manfaat kepada penduduk kawasan DUN Bukit Tengah, dan apakah butiran dan kos projek-projek tersebut, dan tempoh masa yang akan diambil untuk menyempurnakan projek-projek tersebut.
3. Terdapat berapa perkampungan baru (*new villages*) di Pulau Pinang, dan adakah Kerajaan Negeri memberi peruntukan tahunan bagi tujuan menaik taraf dan memodenkan kampung-kampung baru tersebut, dan sekiranya tidak, kenapa begitu?

4. Sama ada Kerajaan Negeri akan membuat satu inventori kampung-kampung tradisi dan landskap budaya di Pulau Pinang dan Seberang Perai untuk diwartakan dan dipelihara sebagai kawasan-kawasan pemeliharaan warisan.
5. Berapakah jumlah hasil cukai persekutuan telah dikutip dari 2008-2018 setiap tahun dari Pulau Pinang, dan daripada jumlah tersebut, berapakah jumlah wang telah disalurkan / diperuntukkan balik kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang.
6. Adakah Kerajaan Negeri akan mencadangkan kepada Kerajaan Persekutuan untuk mengembalikan semula status pelabuhan bebas, *free port status* kepada pelabuhan Pulau Pinang.
7. Menyatakan dengan butiran terperinci, projek-projek pembangunan dan infrastruktur negeri yang dirancang dan atau dipohon oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang diantara 2008-2018 yang tidak diluluskan atau lambat atau tidak dilaksanakan disebabkan oleh sikap tidak bekerjasama Kerajaan Persekutuan Barisan Nasional.
8. Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk menyeru Kerajaan Persekutuan untuk segera mengembalikan pilihan raya kerajaan tempatan seperti yang diperuntukkan dalam Perkara 113(4) Perlembagaan Persekutuan.
9. Susulan daripada program "forest bathing" yang dilancarkan dalam September 2017, apakah rancangan Kerajaan Negeri seterusnya untuk menaik taraf dan merevitalisasi Hutan Simpanan Bukit Juru sebagai satu destinasi pelancongan kawasan semulajadi.
10. Apakah tindakan yang telah diambil dari 2008-2018 dan butiran rancangan terperinci lima (5) tahun ke depan Kerajaan Negeri untuk memulihkan dan melindungi sungai-sungai dan laluan air sambungan, khususnya Sungai Juru, Sungai Jawi, dan Sungai Junjung daripada pencemaran dan pelepasan sisa buangan kilang-kilang.
11. Sama ada Kerajaan Negeri mempunyai rancangan untuk membina lebih ramai taman rekreasi dan pusat sukan di Seberang Perai, khususnya di kawasan DUN Bukit Tengah, dan sekiranya ada, berikan butiran rancangan-rancangan tersebut.
12. Sama ada kerajaan akan mengambil langkah untuk melindungi dan menaikkan jalan *bund* dan hutan bakau *mangroves* di sepanjang pantai diantara Kuala Juru dan Sungai Jawi terhadap ancaman kenaikan paras laut, dan sekiranya ada, untuk membekalkan butiran langkah-langkah dan rancangan tersebut.
13. Siapakah pemegang-pemegang lesen kuari di Kampung Sungai Sembilang, Bukit Juru, dan apakah syarat-syarat lesen kuari tersebut, khususnya dari segi keluasan kawasan operasi yang dibenarkan, dan bila tempoh lesen kuari akan luput masa?
14. Sama ada kerajaan akan melaksanakan dasar untuk mengenakan syarat ke atas kilang-kilang untuk mendaftarkan alamat kediaman semua pekerja warga asing dengan pihak berkuasa untuk mengawal-selia kelakuan dan aktiviti mereka di kawasan-kawasan kediaman yang diduduki mereka.
15. Sama ada Kerajaan Negeri akan melaksanakan dasar untuk melarang kilang-kilang daripada menempatkan pekerja-pekerja warga asing yang mahir rendah dan tidak mahir *low and unskilled* untuk tinggal di rumah-rumah kediaman tanah, dan apartmen-apartmen *private* dan awam di Pulau Pinang seperti yang dilaksanakan di Singapore.

16. Dari 2013 sehingga 2018, berapa warga asing berbanding warga negara telah ditangkap untuk kesalahan-kesalahan dibawah Kanun Keseksaan, khususnya berkait kesalahan pecah rumah, merompak, kecurian kenderaan, dan kecurian kecil di Pulau Pinang secara am, dan secara khusus di kawasan DUN Bukit Tengah.
17. Sejak dari 2008-2018 berapa kilang haram di DUN Bukit Tengah telah memohon untuk memutihkan operasi mereka dan menukar perlingkungan semula kegunaan tanah mereka kepada kegunaan industri, dan membekalkan butiran berapa daripada permohonan ini telah diluluskan dan lokasi di mana kilang-kilang tersebut terletak.
18. Sama ada Kerajaan Negeri mempunyai rancangan untuk menubuhkan pusat-pusat jagaan komuniti untuk warga emas dengan kemudahan jagaan siang hari berintegrasi membantu warga emas menjadi tua dalam persekitaran yang biasa dikenali.
19. Bilakah Kerajaan Negeri akan memohon untuk menaik taraf Majlis Perbandaran Seberang Perai kepada status bandaraya? Apakah kriteria untuk diberikan status bandaraya, dan sama ada MPSP telah pun memenuhi kriteria tersebut.
20. Dari 2008 sehingga kini, berapa unit projek perumahan kos rendah telah dibina di Pulau Pinang, dan berapa lagi yang dirancang akan dibina dalam lima (5) tahun ke depan, khususnya unit-unit sewa untuk dimiliki *Rent-To-Own*.
21. Menyatakan butir-butir bantuan (kewangan atau sebaliknya) yang telah disalurkan oleh Kerajaan Negeri kepada warga nelayan dari 2008-2018, khususnya kepada mereka yang beroperasi di sepanjang Sungai Juru ke Kuala Juru dan di sepanjang pantai dari Kuala Juru sehingga teluk Sungai Jawi.
22. Apakah tindakan jangka masa pendek dan panjang yang akan diambil untuk mengatasi kesesakan lalulintas serius khususnya semasa waktu puncak di persimpangan lampu isyarat dari Jalan Bukit Tengah-Jalan Bukit Minyak 2 dan persimpangan lampu isyarat dari Jalan Bukit Tengah-Jalan Juru.
23. Apakah projek-projek infrastruktur jangka masa lama yang telah dirancang oleh Kerajaan Negeri untuk menjadikan Pulau Pinang suatu kawasan ekonomi berkuasa *economic powerhouse*.
24. Sama ada pembinaan asrama pekerja warga asing yang dicadangkan di Perkampungan Juru akan menjadikan banjir kilat dan kesesakan lalu lintas di persekitaran kawasan tersebut lebih buruk sekiranya projek tersebut dilaksanakan.
25. Apakah pelan-pelan penambahbaikan sistem pengangkutan yang dikenal pasti untuk jangka masa pendek (2013-2015) dan sederhana (2015-2020) dalam "Penang Transport Master Plan", dan berapa daripada pelan-pelan tersebut telahpun dilaksanakan dan diselesaikan.
26. Adakah Kerajaan Negeri akan melaksanakan kerja mencuci tebing dan mendalamkan Sungai Juru dan muara Kuala Juru yang merupakan talian hidup kepada nelayan-nelayan yang beroperasi di kawasan tersebut, dan sekiranya ada, untuk membekalkan butiran rancangan tersebut seperti kos dan bila kerja tersebut akan dilaksanakan.
27. Adakah Kerajaan Negeri menyalurkan peruntukan tahunan untuk menaik taraf dan membaiki kuil, rumah atau tempat ibadat di Pulau Pinang, dan berapakah peruntukan yang telah dibelanjakan bagi tujuan ini dengan butirannya setiap tahun sejak 2008-2018?
28. Bagaimana dan apakah rancangan terperinci Kerajaan Negeri yang telah dan akan diambil untuk membantu MPSP menjayakan salah satu keutamaan strategiknya untuk memperkukuhkan budaya dan warisan di Seberang Perai?

29. Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mencadangkan pindaan kepada Akta Pemajuan Perumahan 1966 untuk melarang pemilik unit perumahan kos rendah dan sederhana untuk menyewa hartanah mereka kepada pihak ketiga dan pekerja warga asing?
30. Bilakah projek sistem kereta kabel yang dikenali sebagai *Penang Sky Cab* yang akan menghubungkan pulau ke Seberang Perai dijangka akan dilaksanakan, dan berapakah anggaran kos projek tersebut dan bagaimana ia akan dibiayai?

XXI. AHLI KAWASAN BAGAN DALAM (YB. SATEES A/L MUNIANDY)

1. Sila nyatakan:-
 - (a) Jumlah TIA dan SIA yang telah dijalankan untuk projek-projek baru di kawasan Bagan Dalam.
 - (b) Apakah cadangan-cadangan yang telah dikemukakan dalam laporan-laporan berkenaan?
 - (c) Berapa cadangan tersebut telah dilaksanakan dan berapa masih belum?
2. Sila beri perincian:-
 - (a) Keluasan kawasan paya bakau (*mangrove*) di negeri Pulau Pinang?
 - (b) Adakah apa-apa projek sedang dilaksana ataupun dalam perancangan yang akan memberi kesan kepada keadaan asal kawasan *mangrove* ini?
 - (c) Apakah tindakan yang telah dan sedang diambil untuk memelihara kawasan *mangrove* (paya bakau) ini?
3. Berapakah jumlah wang yang telah dikutip melalui program *No Free Plastic Bag* mengikut daerah dan adakah wang tersebut digunakan untuk projek dan program pemeliharaan dan pemuliharaan Alam Sekitar di negeri Pulau Pinang?
4. Apakah tindakan yang telah diambil oleh kerajaan negeri untuk mewartakan kawasan persisiran pantai Telok Ayer Tawar - Penaga sebagai *Nature & Wildlife Reserve*, untuk melindungi habitat kawasan *eco-sensitive* itu?
5. Sila perincikan projek infrastruktur (jalan & parit) yang telah dijalankan di kawasan Bagan Dalam sepanjang tahun 2017 & 2018, dan kosnya.
6. Adakah kerajaan negeri mempunyai rancangan untuk menjadikan kawasan paya bakau sepanjang Teluk Air Tawar - Penaga sebagai 'Tapak Ramsar' dan apakah tindakan yang telah diambil sehingga kini ke arah itu?
7. Berapakah peruntukan dan bantuan kewangan yang telah diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang kepada Persatuan Bolasepak Pulau Pinang (FAP) sejak tahun 2008?
8. Sila perincikan pecahan pelaburan asing ke Pulau Pinang berdasarkan rekod terkini mengikut negara asal pelabur.
9. Sila berikan data kemasukan pelancong asing ke Pulau Pinang mengikut kewarganegaraan, dari Januari 2017 sehingga Jun 2018.
10. Apakah tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk pengiktirafan sijil UEC?
11. Sila perincikan senarai university asing yang berminat untuk membuka cawangan di Negeri Pulau Pinang?

12. Apakah tindakan-tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk menarik minat pelancong asing 'birdwatchers' untuk melawat negeri Pulau Pinang?
13. Bagaimanakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang melindungi hutan simpan kekal di Negeri Pulau Pinang?
14. Adakah pendirian Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam isu *deforestation* di Ulu Sungai Muda?
15. Adakah Kerajaan Negeri akan menubuhkan satu portfolio baru 'Climate Change' selaras dengan penubuhan kementerian itu di peringkat persekutuan?
16. Apakah rancangan khusus Kerajaan Negeri untuk merencanakan pembangunan di kawasan Butterworth?

XXII. AHLI KAWASAN PULAU BETONG (YB. HAJI MOHD TUAH BIN ISMAIL)

1. Mohon senaraikan perumahan PPR (Projek Perumahan Rakyat) yang ada di semua daerah. Berapakah yang kosong dan berapakah yang dalam pembaikan?
 - (a) Sekiranya tiada di Daerah Barat Daya bilakah boleh diwujudkan?
 - (b) Jumlah senarai menunggu untuk perumahan PPR
2. Berapakah peruntukan tebatan banjir untuk tahun 2018 dari negeri dan persekutuan. Apakah projek yang akan dilaksanakan dengan peruntukan ini mengikut daerah?
 - (a) Apakah projek-projek untuk DUN Pulau Betong?
3. Berapa projek perumahan RMM A dan B yang sedia yang masih belum dipenuhi mengikut daerah.
 - (a) Jumlah senarai menunggu dan tahun giliran mengikut daerah.
 - (b) Berapakah projek dalam perancangan mengikut daerah?
4. Di dalam perancangan pembangunan desa, apakah jenis-jenis projek yang telah dilaksanakan dan dirancang untuk Daerah Barat Daya khususnya Parlimen Balik Pulau?
5. Daerah Barat Daya tiada mini stadium. Ianya diperlukan untuk riadah dan pembangunan olahraga selain mengalakkan masyarakat untuk mengamalkan gaya hidup sihat. Apakah kerajaan negeri mempunyai perancangan untuk membina mini stadium di Daerah Barat Daya?
6. Daerah Barat Daya mempunyai 1,500 nelayan. Hasil nelayan terganggu kerana kegiatan bot pukut tunda.
 - (a) Apakah tindakan yang diambil oleh agensi penguatkuasa terutamanya APMN dalam menangani isu bot pukut tunda?
 - (b) Apakah langkah-langkah yang diambil bagi mengatasi masalah ini?

XXIII. AHLI KAWASAN TELOK AYER TAWAR (YB. MUSTAFA KAMAL BIN AHMAD)

1. Berapakah kos yang ditanggung oleh MPSP bagi penebangan pokok akibat bencana alam seperti ribut di seluruh S.P.U dari tahun 2017-2018?
 - (a) Nyatakan kos pembaikan daripada kerosakan yang berlaku akibat bencana ini, di seluruh S.P.U dari tahun 2017-2018.
 - (b) Nyatakan langkah-langkah yang diambil oleh MPSP bagi mengurangkan kekerapan pokok tumbang akibat daripada bencana ribut ini.
2. Nyatakan kos projek AEROB Komposter yang dilaksanakan oleh MPSP dari tahun 2016-2018 bagi menjayakan program baja kompos dan merealisasikan Seberang Perai Utara sebagai bandar indah, bersih dan mesra alam.
3. Kempen 3R iaitu *Reduce*, *Recycle* dan *Reuse*, serta pelaksanaannya di sekolah Kempen Mesra Alam dan Meneutralkan Bumi bagi menjaga alam sekitar telah berjaya dihasilkan.
 - (a) Hingga kini, berapa sekolah di Seberang Perai Utara yang terlibat dalam kempen ini?
 - (b) Apakah langkah-langkah yang diambil oleh MPSP bagi memperkasakan kempen 3R ini?
4. Berapa ratus hektarkah tanah pertanian di dalam DUN Telok Ayer Tawar telah ditebus guna bagi tujuan pembangunan sejak tahun 2014 hingga kini?
5. Kegiatan penyalahgunaan dadah dikalangan remaja amat serius di dalam DUN Telok Ayer Tawar.
 - (a) Sila nyatakan berapa ramai di kalangan remaja lelaki dan wanita yang telah ditangkap oleh AADK dari tahun 2016 hingga kini.
 - (b) Nyatakan langkah-langkah yang diambil oleh AADK dalam usaha membantu golongan ini untuk membina semula masa depan mereka.
6. Berapakah kos penghantaran pulang PATI dan kos sara hidup sepanjang mereka dalam pusat tahanan?
7. Sila nyatakan senarai dewan-dewan orang ramai yang berada di atas Tanah Kerajaan Persekutuan dan Tanah Persendirian yang masih belum diambil oleh Kerajaan Negeri.
 - (a) Apakah langkah-langkah Kerajaan Negeri setakat ini dalam usaha pengambilan Dewan tersebut?
8. Nyatakan secara statistik kedudukan pelaburan asing di Negeri Pulau Pinang dari tahun 2013 hingga kini dan sejauh mana sumbangan pelaburan asing ke atas Kerajaan Negeri.
9. Nyatakan jumlah koperasi yang ada dalam Negeri Pulau Pinang dan jumlah koperasi yang berdayasaing dalam usaha membantu pertumbuhan ekonomi negeri dan setempat.
10. Apakah status terkini cadangan pelebaran jalan kepada empat lorong dari Jambatan Tunku Abdul Rahman Perai melalui Dewan Undangan Negeri (DUN) Telok Ayer Tawar hingga ke Jambatan Merdeka?
 - (a) Bilakah projek ini akan dilaksanakan atau akan dihentikan?
11. Apakah langkah-langkah yang di ambil oleh Kerajaan Negeri bagi menggalakkan industri pelancongan berkembang di Seberang Perai khususnya dalam DUN Telok Ayer Tawar?

12. Sila nyatakan secara statistik pusat hiburan atau ekor haram, siber kafe dan mesin judi dalam KADUN Telok Ayer Tawar.
 - (a) Berapa banyak yang ditutup dan diambil tindakan?
 - (b) Berapa banyak yang diambil tindakan dan masih beroperasi?
13. Kedudukan Pengkalan Udara TUDM di Telok Air Tawar.
 - (a) Adakah ianya akan kekal dan tanah tersebut masih milik TUDM?
 - (b) Adakah pengkalan udara tersebut akan dipindahkan?
14. Sejauh manakah pembentukan Jawatankuasa Gender berjaya.
 - (a) Menggubal dasar/garis panduan untuk mengurus perdanakan gender, serta merancang dan menganjurkan program-program berkaitan gender.
 - (b) Mengadakan hubungan dengan jabatan dan agensi luar.
 - (c) Membincangkan isu-isu gender dalam pembangunan serta menyediakan maklumat berkaitan gender untuk pendidikan dan kesedaran.
15. Bagaimanakah status terkini projek rumah warisan di Bagan Belat yang berusia lebih 108 tahun?
 - (a) Waris rumah warisan telah bersetuju untuk menjadikan rumah tersebut sebagai rumah warisan dan mohon supaya status terkini diperjelaskan.
16. Bagaimanakah status projek Taman Sejahtera Indah, Telok Ayer Tawar? Sebelum ini penghuni di taman ini merungut akan keadaan di sini yang bermasalah.
17. Bagaimanakah status projek terkini pembinaan pejabat pos, klinik kesihatan dan bank di kawasan ini?
 - (a) Telok Ayer Tawar hanya mempunyai dua buah klinik iaitu Klinik Komuniti dan sebuah Klinik Desa. Keperluan untuk pembinaan sebuah klinik kesihatan lengkap disifatkan perlu memandangkan jumlah penduduk kawasan ini yang semakin bertambah.
18. Apakah status flat di Taman Air Indah? Flat ini tiada pengurusan yang sempurna selain tidak diselenggarakan dengan baik. Mohon pihak berkenaan mengambil tindakan dengan penubuhan jawatankuasa penduduk dengan lebih cekap dan efisien.
19. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi membincangkan isu-isu OKU dalam pembangunan.
 - (a) Menyediakan maklumat berkaitan OKU untuk pendidikan dan kesedaran.
 - (b) Mengadakan hubungan dengan jabatan dan agensi luar.
 - (c) Menganjurkan program-program berkaitan OKU.
20. Setakat ini, sejauh mana perancangan Kerajaan Negeri, merancang kawasan-kawasan yang dikenal pasti akan dimajukan sebagai pusat rekreasi dan pelancongan di sebelah Seberang Perai?
21. Setakat ini berapa banyakkah rumah penjagaan orang tua yang beroperasi secara sah & tidak sah.
 - (a) Apakah tindakan yang telah diambil ke atas Pusat Penjagaan Orang Tua Ai Xing di No 36, Tingkat Laksamana Telok Molek, Telok Ayer Tawar yang beroperasi lebih lima (5) tahun tanpa lesen dan mengganggu keselesaan penduduk di kawasan tersebut.

22. Apakah tindakan yang akan diambil ke atas Ketua Rela DUN Telok Ayer Tawar bersama anggotanya yang mencerooboh masuk, memecah pintu, merosakkan bangunan serta mencuri pagar dan peralatan dalam bangunan di atas Lot 2398 MK9 Seberang Perai Utara yang kini kepunyaan Pakatan Harapan.
23. Apakah status pembinaan sebuah bangunan 4 tingkat dan sebuah bangunan 3 tingkat di atas lot-lot 2396, 2397 dan 2398 Mk. 9 Seberang Perai Utara kepunyaan Tetuan PERDA Ventures Incorporated Sdn. Bhd. di Taman Berlian yang mendapat bantahan penduduk.
 - (a) Adakah projek ini akan diteruskan atau dibatalkan?
24. Senaraikan dengan terperinci nama projek perumahan, pemaju, lot tanah, keluasan, jumlah unit rumah kediaman/bangunan komersial yang diluluskan untuk pembangunan dalam KADUN Telok Ayer Tawar sejak 2008 sehingga 2018. Nyatakan status pembinaan setiap projek perumahan tersebut.
25. Terdapat aduan penduduk di kawasan perumahan Taman Telok Molek, Telok Ayer Tawar dimana beberapa rumah di kawasan tersebut di sewa kepada pekerja-pekerja kilang Sony yang terdiri daripada warga Bangladesh dan Indonesia yang telah mengganggu ketenteraman dan kesejahteraan kehidupan penduduk di situ terutama masalah sosial. (a) Apakah tindakan dan langkah Kerajaan Negeri bagi mengatasi masalah ini?
26. Berapa buah pondok Perhentian Bas di dalam KADUN Telok Ayer Tawar dan adakah pondok-pondok bas ini mempunyai ciri-ciri OKU dan dipasang lampu demi menjamin keselamatan pada waktu malam serta perancangan Kerajaan Negeri untuk menambah baik kegunaan perhentian bas misalnya dari segi pendidikan dan penyebaran polisi kerajaan.
27. Apakah langkah-langkah yang telah dan sedang diambil bagi membantu golongan muda termasuk graduan-graduan universiti yang masih menganggur untuk mencari pekerjaan? Sila nyatakan setakat hari ini berapakah jumlah golongan muda yang menganggur telah berjaya dibantu oleh Kerajaan Negeri mendapatkan pekerjaan.
28. Sila nyatakan jumlah peniaga-peniaga tanpa lesen dan berlesen dalam DUN Telok Ayer Tawar dan apakah langkah dan usaha oleh MPSP bagi membantu mengatasi peniaga-peniaga tanpa lesen ini.
29. Sila senaraikan sekolah-sekolah kluster kecemerlangan (SKK) dan sekolah berprestasi tinggi yang terdapat di Pulau Pinang. Apakah kelebihan yang diperolehi oleh sekolah-sekolah ini dan setakat manakah prestasi akademik/kokurikulum yang mereka capai berbanding dengan sekolah biasa?
30. Penjagaan parit dan longkang dalam DUN Telok Ayer Tawar:
 - (a) Sila senaraikan parit di bawah seliaan JPS, MPSP dan Pejabat Daerah dan pecahkan mengikut jabatan.
 - (b) Berapakah kekerapan cucian di setiap parit berkenaan dan agensi atau syarikat mana yang dipertanggungjawabkan?

XXIV. AHLI KAWASAN PERMATANG PASIR (YB. MUHAMMAD FAIZ BIN FADZIL)

1. Nyatakan berapa kos pembinaan dewan orang ramai Permatang Pasir?
 - (a) Bilakah jangkaan pembinaan dewan orang ramai Permatang Pasir disiapkan?
2. Nyatakan perkembangan pembinaan sebuah sekolah menengah di simpang tiga Tok Elong Bukit Mertajam?
3. Nyatakan jumlah penumpang rakyat tempatan yang menggunakan perkhidmatan bas percuma CAT bagi 12 laluan di Pulau Pinang setiap hari?
 - (a) Nyatakan perancangan tambahan laluan dalam masa terdekat?
 - (b) Nyatakan samada laluan sepanjang DUN Permatang Pasir akan dilaksanakan?
4. Berapakah perbelanjaan yang telah dikeluarkan untuk projek tebatan banjir di DUN Permatang Pasir bagi tempoh sejak 2015 sehingga 2017?
 - (a) Nyatakan perancangan tebatan banjir secara menyeluruh di DUN Permatang Pasir?
5. Jumlah pemohon penduduk di DUN Permatang Pasir bagi bantuan banjir ONE-OFF 2017 untuk pertanian yang tidak dibayar?
 - (a) Nyatakan sama ada pemohon yang tidak mendapat bantuan banjir ONE-OFF 2017 untuk pertanian akan diberikan pertimbangan semula untuk dibayar?

XXV. AHLI KAWASAN SERI DELIMA (YB. SYERLEENA BINTI ABDUL RASHID)

1. Terdapat berapa astaka/kompeks yang di bawah milik ICU yang berada di dalam Pulau Pinang?
2. Apakah kos untuk menaik taraf Astaka Taman Tun Sardon di dalam kawasan DUN Seri Delima?
3. Apakah polisi ataupun langkah-langkah yang akan di ambil oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk melestarikan bidang kesenian dan muzik tempatan?
4. Bagi mengelakkan gejala-gejala jenayah dan sosial di KADUN Seri Delima, maka sebuah pondok polis dicadang untuk ditubuhkan, apakah langkah-langkah yang perlu diambil supaya cadangan ini dapat direalisasikan?

XXVI. AHLI KAWASAN SUNGAI ACHEH (YB.ZULKIFLI BIN IBRAHIM)

1. Adakah Kerajaan Negeri mempunyai cadangan untuk membangunkan semula Pekan Sungai Aceh untuk jangka masa panjang. Jika ada bila ianya akan dilaksanakan?
2. Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk menambah bilangan perkhidmatan bas percuma terutamanya di kawasan DUN Sungai Aceh memandangkan ada beberapa sekolah di DUN Sungai Aceh dan kebanyakan ibu bapa terdiri daripada golongan kurang berkemampuan.
3. Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk membangunkan sektor pelancongan pertanian di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Sungai Aceh memandangkan majoriti aktiviti penduduk di sini terdiri daripada bidang pertanian dan DUN Sungai Aceh merupakan pintu masuk paling selatan di Pulau Pinang.

SOALAN-SOALAN LISAN

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Jason Ong Khan Lee) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

1. Adakah *Detailed Environment Impact Assessment* telah dibuat oleh Kerajaan Negeri mengenai PTMP (*Penang Transport Master Plan*)?

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

2. Sila nyatakan :-
 - (a) Berapakah projek perumahan mampu milik A & B akan dilaksanakan di kawasan DUN Bagan Dalam?
 - (b) Berapakah jumlah pemohon dari kawasan Bagan Dalam yang masih dalam senarai menunggu untuk membeli rumah mampu milik A & B?

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

3. Nyatakan usaha dan peranan Kerajaan Negeri dalam menunaikan janji memansuhkan semua tol di Jambatan Pertama Pulau Pinang.
 - (a) Bagaimanakah Kerajaan berusaha untuk mengatasi kesesakan lalu lintas yang semakin serius di atas Jambatan Pertama?
 - (b) Sejauh manakah Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang (PTMP) dapat menangani masalah kesesakan lalu lintas di Pulau?

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Daniel Gooi Zi Sen) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

4. Apakah pendirian dan hala tuju Kerajaan Negeri Pulau Pinang terhadap program-program perumahan persekutuan seperti Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA), Projek Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M), Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia (TP1M) dan Projek Perumahan Rakyat (PPR) memandangkan Kerajaan Persekutuan kini diterajui oleh Pakatan Harapan?

Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Ong Ah Teong) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

5. Jabatan Kesihatan Negeri melakukan pemeriksaan di 29 buah sekolah di Pulau, dan mendapati 26 buah sekolah didapati positif tempat pembiakan nyamuk aedes yang menyebabkan demam denggi.
 - (a) Adakah 26 sekolah bebas daripada aedes selepas pemeriksaan ulangan dibuat?
 - (b) Apakah langkah-langkah diambil oleh JKN dan Jabatan Pelajaran Daerah dalam memastikan sekolah bebas aedes?

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Kumaresan A/L Aramugam) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

6. Mengapakah Jabatan Kerja Raya (JKR) tidak mahu menanam pokok hiasan dan landskap di bawah Jambatan Sultan Azlan Shah di hadapan Tapak Pesta sehingga ke bulatan Bayan Baru daripada membiarkan kawasan itu dipenuhi sampah dan dijadikan tempat parking bas dan kereta?

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Kumaresan A/L Aramugam) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

7. Apakah rancangan oleh JPS untuk menyelesaikan masalah banjir di Daerah SPS khususnya di DUN Jawi?

5. TAMAT SESI SOALAN LISAN

Yang di-Pertua memaklumkan 3 jam soalan lisan sudah tamat selaras dengan Subperaturan 26(7) Jawapan kepada soalan-soalan lisan yang telah dijawab akan diletak di atas meja Ahli yang bertanya dan akan dimasukkan di dalam Penyata Rasmi.

6. USUL TERIMA KASIH KEPADA T.Y.T. YANG DI-PERTUA NEGERI PULAU PINANG

Usul ucapan terima kasih oleh Ahli Kawasan Air Putih kepada T.Y.T. Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang kerana berkenan melafazkan ucapan Perasmian Mesyuarat Pertama Penggal Pertama Dewan Undangan Negeri Keempat Belas.

Usul telah disokong dan ucapan sokongan oleh Ahli Kawasan Pantai Jerejak.

Dewan ditangguhkan pada jam 1.05 tengah hari.

Dewan disambung semula pada jam 2.30 petang.

7. PERSIDANGAN DILANJUTKAN

YAB. Ketua Menteri memohon dibawah Peraturan 6A(1), Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang supaya sidang Dewan dilanjutkan sehingga jam 7.00 malam.

Sokongan sebulat suara.

8. PERBAHASAN UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA T.Y.T. YANG DI-PERTUA NEGERI PULAU PINANG

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan.

Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan.

Dewan ditangguhkan pada jam 7.15 petang.

MINIT PERSIDANGAN

MESYUARAT PERTAMA PENGKAL PERSIDANGAN PERTAMA

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG YANG KEEMPAT BELAS

Tarikh : 07 OGOS 2018 (SELASA)
Masa : 9.30 Pagi
Tempat : Dewan Undangan Negeri
Lebuh Light, George Town
Pulau Pinang.

HADIR

Bil.	Nama	Ahli Kawasan
1	YB. Dato' Law Choo Kiang	Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri
2	YAB. Chow Kon Yeow	Ketua Menteri / Padang Kota
3	YB. Prof. Dr. P. Ramasamy A/L Palanisamy	Timbalan Ketua Menteri II / Perai
4	YB. Chong Eng	Padang Lalang
5	YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh	Datok Keramat
6	YB. Phee Boon Poh	Sungai Puyu
7	YB. Dr. Afif Bin Bahardin	Seberang Jaya
8	YB. Zairil Khir Johari	Tanjung Bunga
9	YB. Dato' Haji Abdul Halim Bin Haji Hussain	Batu Maung
10	YB. Yeoh Soon Hin	Paya Terubong
11	YB. Dr. Amar Pritpal Bin Abdullah	Timbalan YDP Dewan/Sungai Bakap
12	YB. Lim Guan Eng	Air Putih
13	YB. Dato' Saifuddin Nasution Bin Ismail	Pantai Jerejak
14	YB. Teh Lai Heng	KOMTAR
15	YB. Lim Siew Khim	Sungai Pinang
16	YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin	Penanti
17	YB. Lee Khai Loon	Machang Bubuk
18	YB. Ong Ah Teong	Batu Lancang
19	YB. Satees A/L Muniandy	Bagan Dalam
20	YB. Azrul Mahathir Bin Aziz	Bayan Lepas
21	YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil	Permatang Pasir
22	YB. Jason Ong Khan Lee	Kebun Bunga
23	YB. Gooi Hsiao-Leung	Bukit Tengah
24	YB. Syerleena Binti Abdul Rashid	Seri Delima
25	YB. Lee Chun Kit	Pulau Tikus
26	YB. Zolkify Bin Md. Lazim	Telok Bahang

Bil.	Nama	Ahli Kawasan
27	YB. Khaliq Mehtab Bin Mohd Ishaq	Bertam
28	YB. Kumaresan A/L Aramugam	Batu Uban
29	YB. Mustafa Kamal Bin Ahmad	Telok Ayer Tawar
30	YB. Joseph Ng Soon Siang	Air Itam
31	YB. H'ng Mooi Lye	Jawi
32	YB. Haji Mohd Tuah Bin Ismail	Pulau Betong
33	YB. Goh Choon Aik	Bukit Tambun
34	YB. Daniel Gooi Zi Sen	Pengkalan Kota
35	YB. Heng Lee Lee	Berapit
36	YB. Zulkifli Bin Ibrahim	Sungai Acheh
37	YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor	Ketua Pembangkang/Sungai Dua
38	YB. Nor Hafizah Binti Othman	Permatang Berangan
39	YB. Mohd. Yusni Bin Mat Piah	Penaga

TIDAK HADIR

Bil.	Nama	Jawatan/Ahli Kawasan
1.	YB. Dato' Ir. Haji Ahmad Zakiyuddin Bin Abd. Rahman	Timbalan Ketua Menteri I / Pinang Tunggai
2.	YB. Soon Lip Chee	Bagan Jermal

AHLI-AHLI YANG HADIR MENGIKUT BAHAGIAN I BAB 3 PERKARA 6A PERLEMBAGAAN NEGERI PULAU PINANG.

HADIR

Bil.	Nama	Jawatan/Ahli Kawasan
1.	YB. Dato' Seri Haji Farizan Bin Darus	Setiausaha Kerajaan Negeri
2.	YB. Dato' Anas Bin Ahmad Zakie	Penasihat Undang-Undang Negeri
3.	YB. Dato' Sarul Bahiyah Binti Haji Abu	Pegawai Kewangan Negeri

TURUT HADIR

Cik Maheswari A/P Malayandy	-	Setiausaha Dewan Undangan Negeri
Encik Mohd Roshidi Bin Azmi	-	Timbalan Setiausaha Dewan Undangan Negeri

Dewan bersidang semula pada jam 9.30 pagi.

1. DOA
2. SOALAN LISAN

Ahli Kawasan Bukit Tambun (YB. Goh Choon Aik) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

8. Sila huraikan dengan jelas status tanah PDC di Batu Kawan seperti berikut:-
 - (a) Keluasan tanah industri yang telah dijual dan senarai pembelinya.
 - (b) Keluasan tanah yang telah dijual melalui konsep *Request for Proposal* (RFP) dan status projek-projek berkaitan.
 - (c) Keluasan tanah yang dijual secara tender terbuka dan status projek-projek berkenaan

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (YB. Dato' Saifuddin Nasution Bin Ismail) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

9. Jelaskan program-program pembangunan usahawan yang dilakukan oleh Invest Penang dan perincian mengikut etnik, umur, gender dan daerah yang telah terlibat dalam program tersebut.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Lee Chun Kit) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

10. Apakah rancangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk menjamin dan memastikan kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) akan mengikut garis panduan reka bentuk sejagat yang betul dan terkini dalam kelulusan pelan bangunan dan juga pembinaan infrastruktur awam?

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

11. Senaraikan butiran tanah (no. lot, keluasan) yang belum dibangunkan yang telah diserahkan kepada:
 - (a) Pesuruhjaya Tanah Persekutuan;
 - (b) Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan dizonkan sebagai tanah sekolah rendah dan tanah sekolah menengah.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Khaliq Mehtab Bin Mohd Ishaq) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

12. Mohon pencerahan mengenai status sekolah sekolah yang dibina di bawah PMC. Didapati terdapat banyak sekolah yang tidak mempunyai sijil layak menduduki. Apakah tindakan Kerajaan Negeri dalam menyelesaikan masalah ini? Sekolah yang tiada sijil layak menduduki tidak dilindungi insuran dan sukar untuk dibuat *maintenance*.

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Joseph Ng Soon Siang) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

13. Pembangunan sukan di Negeri Pulau Pinang perlu diselaraskan diantara agensi-agensi berkaitan dan tidak hanya tertumpu kepada Majlis Sukan Negeri. Fasilitas sukan yang diuruskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan, Kerajaan Negeri, Jabatan Belia dan Sukan serta agensi persekutuan perlu dimanfaatkan.
 - (a) Senaraikan kompleks-kompleks sukan dan kemudahan sukan tersebut.
 - (b) Adakah Kerajaan Negeri bersedia menguruskannya?

Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Gooi Hsiao-Leung) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

14. Apakah projek-projek tebatan banjir yang telah dirangka untuk jangka masa sederhana dan panjang bagi kawasan DUN Bukit Tengah, butiran projek-projek tersebut, kosnya, dan bilakah projek-projek tersebut akan dilaksanakan dan diselesaikan?

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

15. Bilakah Kerajaan Negeri bercadang mengagih Pengerusi-Pengerusi portfolio MMK mengikut pengagihan portfolio kabinet yang dilaksanakan di Kerajaan Pusat yang hampir seimbang di antara parti-parti bawah Kerajaan Pakatan Harapan?
 - (a) Kenapakah keahlian MMK kritikal seperti banjir tidak dibuka kepada ADUN-ADUN yang terkesan seperti sesi PRU13 supaya masalah rakyat ditangani cepat dalam MMK?

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Zolkifly Bin Md. Lazim) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

17. Apakah langkah-langkah penyelesaian jangka pendek dan panjang dalam isu pengusiran keluarga PPRT di Pulau Pinang?

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Mustafa Kamal Bin Ahmad) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

18. Mohon pencerahan bagaimana Tanah Lot 2581 luas lot 23.094 ekar milik Majlis Agama Islam telah dipindah milik kepada *Inter Link General Services Sdn Bhd* kemudian digadai kepada *Hock Thai Finance Corporation Berhad* dan didaftarkan pada 12hb Jun 1996 pada pukul 9.30 pagi.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Nor Hafizah Binti Othman) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

19. Sejauh manakah Kerajaan Negeri berusaha untuk menambah peruntukan tanah-tanah wakaf bagi pembinaan masjid/surau, sekolah agama rakyat mahupun tanah perkuburan?
 - (a) Berapakah jumlah rumah ibadat bukan Islam yang telah dibina dalam kawasan perumahan di Pulau Pinang dan Seberang Perai?
 - (b) Sila berikan jumlah mengikut kategori rumah ibadat (tokong/kuil/gereja) di setiap kawasan perumahan tersebut?

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

20. Mohon Kerajaan Negeri nyatakan jumlah Sekolah Agama Rakyat rendah dan menengah yang menerima bantuan kewangan daripada Kerajaan Negeri bagi peruntukan tahun 2018?
 - (a) Mohon Kerajaan Negeri nyatakan sama ada kerajaan negeri bercadang untuk meningkatkan jumlah bantuan kewangan bagi hal perkara suguhati guru-guru Sekolah Agama Rakyat rendah dan menengah?

Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Azrul Mahathir Bin Aziz) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

21. Prasana kemudahan kesihatan rakyat perlu dipertingkatkan. KADUN Bayan Lepas hanya mempunyai sebuah klinik kesihatan sahaja untuk pelbagai rawatan.
 - (a) Apakah ada perancangan untuk menaik tarafkan klinik yang sedia ada?
 - (b) Bolehkah klinik kesihatan ibu dan anak di Teluk Kumbar dinaik taraf untuk pemeriksaan pesakit kronik ambil ubat atau cuci luka kencing manis?

3. TAMAT SESI SOALAN LISAN

Yang di-Pertua memaklumkan 3 jam soalan lisan sudah tamat selaras dengan Subperaturan 26(7) Jawapan kepada soalan-soalan lisan yang telah dijawab akan diletak di atas meja Ahli yang bertanya dan akan dimasukkan di dalam Penyata Rasmi.

4. PERSIDANGAN DILANJUTKAN

YAB. Ketua Menteri memohon dibawah Peraturan 6A(1), Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang supaya sidang Dewan dilanjutkan sehingga jam 7.00 malam.

Sokongan sebulat suara.

5. PERBAHASAN USUL UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA T.Y.T. YANG DI-PERTUA NEGERI PULAU PINANG

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim) menyambung sesi perbahasan.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Nor Hafizah Binti Othman) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Lee Chun Kit) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan.

Dewan ditangguhkan pada jam 12.55 tengah hari.

Dewan disambung semula pada jam 2.30 petang.

PERBAHASAN DISAMBUNG SEMULA

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd. Yusni Bin Mat Piah) mengambil bahagian dalam sesi perbincangan.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Khaliq Mehtab Bin Mohd Ishaq) mengambil bahagian dalam sesi perbincangan.

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Kumaresan A/L Aramugam) mengambil bahagian dalam sesi perbincangan.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Daniel Gooi Zi Sen) mengambil bahagian dalam sesi perbincangan.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Syerleena Binti Abdul Rashid) mengambil bahagian dalam sesi perbincangan.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy) mengambil bahagian dalam sesi perbincangan.

Ahli Kawasan Jawi (YB. H'ng Mooi Lye) mengambil bahagian dalam sesi perbincangan.

Dewan ditangguhkan pada jam 7.05 malam.

MINIT PERSIDANGAN

MESYUARAT PERTAMA PENGKAL PERSIDANGAN PERTAMA

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG YANG KEEMPAT BELAS

Tarikh : 08 OGOS 2018 (RABU)
Masa : 9.30 Pagi
Tempat : Dewan Undangan Negeri
Lebuh Light, George Town
Pulau Pinang.

HADIR

Bil.	Nama	Ahli Kawasan
1.	YB. Dato' Law Choo Kiang	Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri
2.	YAB. Chow Kon Yeow	Ketua Menteri / Padang Kota
3.	YB. Prof. Dr. P. Ramasamy A/L Palanisamy	Timbalan Ketua Menteri II / Perai
4.	YB. Chong Eng	Padang Lalang
5.	YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh	Datok Keramat
6.	YB. Phee Boon Poh	Sungai Puyu
7.	YB. Dr. Afif Bin Bahardin	Seberang Jaya
8.	YB. Zairil Khir Johari	Tanjung Bunga
9.	YB. Dato' Haji Abdul Halim Bin Haji Hussain	Batu Maung
10.	YB. Yeoh Soon Hin	Paya Terubong
11.	YB. Soon Lip Chee	Bagan Jermal
12.	YB. Dr. Amar Pritpal Bin Abdullah	Timbalan YDP Dewan/Sungai Bakap
13.	YB. Teh Lai Heng	KOMTAR
14.	YB. Lim Siew Khim	Sungai Pinang
15.	YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin	Penanti
16.	YB. Lee Khai Loon	Machang Bubuk
17.	YB. Ong Ah Teong	Batu Lancang
18.	YB. Satees A/L Muniandy	Bagan Dalam
19.	YB. Azrul Mahathir Bin Aziz	Bayan Lepas
20.	YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil	Permatang Pasir
21.	YB. Jason Ong Khan Lee	Kebun Bunga
22.	YB. Gooi Hsiao-Leung	Bukit Tengah
23.	YB. Syerleena Binti Abdul Rashid	Seri Delima
24.	YB. Lee Chun Kit	Pulau Tikus
25.	YB. Zolkifyl Bin Md. Lazim	Telok Bahang

Bil.	Nama	Ahli Kawasan
26.	YB. Khaliq Mehtab Bin Mohd Ishaq	Bertam
27.	YB. Kumaresan A/L Aramugam	Batu Uban
28.	YB. Mustafa Kamal Bin Ahmad	Telok Ayer Tawar
29.	YB. Joseph Ng Soon Siang	Air Itam
30.	YB. H'ng Mooi Lye	Jawi
31.	YB. Haji Mohd Tuah Bin Ismail	Pulau Betong
32.	YB. Goh Choon Aik	Bukit Tambun
33.	YB. Daniel Gooi Zi Sen	Pengkalan Kota
34.	YB. Heng Lee Lee	Berapit
35.	YB. Zulkifli Bin Ibrahim	Sungai Acheh
36.	YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor	Ketua Pembangkang/Sungai Dua
37.	YB. Nor Hafizah Binti Othman	Permatang Berangan
38.	YB. Mohd. Yusni Bin Mat Piah	Penaga

TIDAK HADIR

Bil.	Nama	Jawatan/Ahli Kawasan
1.	YB. Dato' Ir. Haji Ahmad Zakiyuddin Bin Abd. Rahman	Timbalan Ketua Menteri I / Pinang Tunggai
2.	YB. Lim Guan Eng	Air Putih
3.	YB. Dato' Saifuddin Nasution Bin Ismail	Pantai Jerejak

AHLI-AHLI YANG HADIR MENGIKUT BAHAGIAN I BAB 3 PERKARA 6A PERLEMBAGAAN NEGERI PULAU PINANG.

HADIR

Bil.	Nama	Jawatan/Ahli Kawasan
1.	YB. Dato' Seri Haji Farizan Bin Darus	Setiausaha Kerajaan Negeri
2.	YB. Dato' Anas Bin Ahmad Zakie	Penasihat Undang-Undang Negeri
3.	YB. Dato' Sarul Bahiyah Binti Haji Abu	Pegawai Kewangan Negeri

TURUT HADIR

- Cik Maheswari A/P Malayandy - Setiausaha Dewan Undangan Negeri
- Encik Mohd Roshidi Bin Azmi - Timbalan Setiausaha Dewan Undangan Negeri

Dewan bersidang semula pada jam 9.30 pagi.

1. DOA

2. SOALAN LISAN

Ahli Kawasan Berapit (YB. Heng Lee Lee) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

22. Pulau Pinang dilanda banjir besar pada bulan November 2017. Memandangkan perubahan cuaca secara mendadak pada masa ini harap nyatakan:
- (a) Tindakan yang akan diambil jika berlakunya banjir besar lagi.
 - (b) Bilangan anggota pasukan khas dan kemudahan serta lokasi dengan terperinci.
 - (c) Cara menghubungi pasukan khas.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

23. Kerja tambakan sawah di Sungai Lokan telah dibuat oleh Syarikat Pinang Mewah.
- (a) Apakah kedudukan terkini tindakan dan jalan penyelesaian bagi kerja tambakan sawah yang telah dilaksanakan?
 - (b) Mengapa tindakan penyelesaian mengambil masa begitu lama tanpa keputusan daripada pihak berkuasa?
 - (c) Adakah sawah dan infrastruktur akan dipulihkan kembali?

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Zulkifli Bin Ibrahim) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

24. Adakah jabatan atau agensi berkaitan sedar mengenai pencerobohan bot tunda (KENKA) secara serius di kawasan Perairan Sungai Aceh dan pencerobohan ini masih berleluasa seolah-olah tindakan penguatkuasaan tidak memberikan kesan.
- (a) Pelan jangka pendek dan jangka panjang bagi mengatasi masalah tersebut.
 - (b) Langkah drastik yang perlu untuk hentikan kegiatan tersebut.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Syerleena Binti Abdul Rashid) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

25. Apakah kemajuan terkini bagi mempertingkatkan kemudahan penjagaan anak di tempat kerja dan polisi Kerajaan Negeri untuk memudahcara penjagaan anak?

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd. Yusni Bin Mat Piah) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

26. Nyatakan keluasan tanah wakaf di bawah MAINPP mengikut setiap daerah dan apakah langkah-langkah serta usaha kerajaan untuk memanfaatkan tanah wakaf di bawah MAINPP bagi kepentingan ekonomi masyarakat Islam di Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Haji Mohd Tuah Bin Ismail) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

27. Perkhidmatan MBPP dalam pembersihan parit dan longkang adalah berjadual di Barat Daya.
- (a) Adakah tindakan diambil bila aduan dibuat?
 - (b) Bolehkah perkhidmatan ini dibuat setiap hari? Jika perlu diswastakan.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Jason Ong Khan Lee) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

28. Adakah PTMP (*Penang Transport Master Plan*) telah dipertimbangkan/dinilai oleh *Institute of Transport Development Policy (ITDP)*?

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

29. Sila nyatakan:
- (a) Nilai asset yang dimiliki oleh Lembaga Wakaf Hindu Pulau Pinang, dengan perincian pendapatan dan perbelanjaan tahunan untuk lima (5) tahun yang lepas.
 - (b) Projek dan program berbentuk kemasyarakatan yang telah dijalankan oleh Lembaga Wakaf Hindu Pulau Pinang sepanjang lima (5) tahun yang lepas (2013 – 2018)

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

30. Terangkan status terkini tentang projek terowong dasar laut serta tiga lebuh raya yang jumlahnya bernilai RM6.3 bilion.
- (a) Terangkan hasil kajian kemungkinan (*feasibility study*) bertepatan dengan matlamat dan harapan asal kerajaan?
 - (b) Apakah pelan mitigasi yang akan diambil oleh kerajaan sekiranya projek tersebut tidak mencapai matlamat yang diharapkan?

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Daniel Gooi Zi Sen) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

31. Dengan kemasukan pelancong mencatat 821,207 pada suku pertama tahun 2018, iaitu 51.3% daripada jumlah populasi Negeri Pulau Pinang, apakah perancangan dan hala tuju Kerajaan Negeri dalam pembangunan pelancongan secara mampan (*sustainable*)?

3. TAMAT SESI SOALAN LISAN

Yang di-Pertua memaklumkan 3 jam soalan lisan sudah tamat selaras dengan Subperaturan 26(7). Jawapan kepada soalan-soalan lisan yang telah dijawab akan diletak di atas meja Ahli yang bertanya dan akan dimasukkan di dalam Penyata Rasmi.

4. PERSIDANGAN DILANJUTKAN

YAB. Ketua Menteri memohon dibawah Peraturan 6A(1), Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang supaya sidang Dewan dilanjutkan sehingga jam 7.00 malam.

Sokongan sebulat suara.

5. PERBAHASAN USUL UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA T.Y.T. YANG DI-PERTUA NEGERI PULAU PINANG

Ahli Kawasan Jawi (YB. H'ng Mooi Lye) menyambung dalam sesi perbahasan.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Gooi Hsiao-Leung) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan.

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Joseph Ng Soon Siang) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan.

Ahli Kawasan Berapit (YB. Heng Lee Lee) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan.

Dewan ditangguhkan pada jam 12.55 tengah hari.

Dewan bersambung semula pada jam 2.30 petang.

PERBAHASAN DISAMBUNG SEMULA

Ahli Kawasan Batu Lintang (YB. Ong Ah Teong) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Azrul Mahathir Bin Aziz) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Zulkifli Bin Ibrahim) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan.

Ahli Kawasan Bukit Tambun (YB. Goh Choon Aik) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Mustafa Kamal Bin Ahmad) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Haji Mohd Tuah Bin Ismail) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Zolkifly Bin Md. Lazim) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan.

Dewan ditangguhkan pada jam 7.15 malam.

Dewan bersambung semula pada jam 8.00 malam.

PERBAHASAN DISAMBUNG SEMULA

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Zolkifly Bin Md. Lazim) menyambung sesi perbahasan.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Jason Ong Khan Lee) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan.

6. SESI PENGULUNGAN

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Soon Lip Chee) mengambil bahagian dalam sesi penggulungan.

Dewan ditangguhkan pada jam 10.00 malam.

MINIT PERSIDANGAN

MESYUARAT PERTAMA PENGKAL PERSIDANGAN PERTAMA

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG YANG KEEMPAT BELAS

Tarikh : 09 OGOS 2018 (KHAMIS)
Masa : 9.30 Pagi
Tempat : Dewan Undangan Negeri
Lebuh Light, George Town
Pulau Pinang.

HADIR

Bil.	Nama	Ahli Kawasan
1.	YB. Dato' Law Choo Kiang	Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri
2.	YAB. Chow Kon Yeow	Ketua Menteri / Padang Kota
3.	YB. Prof. Dr. P. Ramasamy A/L Palanisamy	Timbalan Ketua Menteri II / Perai
4.	YB. Chong Eng	Padang Lalang
5.	YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh	Datok Keramat
6.	YB. Phee Boon Poh	Sungai Puyu
7.	YB. Dr. Afif Bin Bahardin	Seberang Jaya
8.	YB. Zairil Khir Johari	Tanjung Bunga
9.	YB. Dato' Haji Abdul Halim Bin Haji Hussain	Batu Maung
10.	YB. Yeoh Soon Hin	Paya Terubong
11.	YB. Soon Lip Chee	Bagan Jermal
12.	YB. Dr. Amar Pritpal Bin Abdullah	Timbalan YDP Dewan/Sungai Bakap
13.	YB. Teh Lai Heng	KOMTAR
14.	YB. Lim Siew Khim	Sungai Pinang
15.	YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin	Penanti
16.	YB. Lee Khai Loon	Machang Bubuk
17.	YB. Ong Ah Teong	Batu Lancang
18.	YB. Satees A/L Muniandy	Bagan Dalam
19.	YB. Azrul Mahathir Bin Aziz	Bayan Lepas
20.	YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil	Permatang Pasir
21.	YB. Jason Ong Khan Lee	Kebun Bunga
22.	YB. Gooi Hsiao-Leung	Bukit Tengah
23.	YB. Syerleena Binti Abdul Rashid	Seri Delima
24.	YB. Lee Chun Kit	Pulau Tikus
25.	YB. Zolkifyl Bin Md. Lazim	Telok Bahang

Bil.	Nama	Ahli Kawasan
26.	YB. Khaliq Mehtab Bin Mohd Ishaq	Bertam
27.	YB. Kumaresan A/L Aramugam	Batu Uban
28.	YB. Mustafa Kamal Bin Ahmad	Telok Ayer Tawar
29.	YB. Joseph Ng Soon Siang	Air Itam
30.	YB. H'ng Mooi Lye	Jawi
31.	YB. Haji Mohd Tuah Bin Ismail	Pulau Betong
32.	YB. Goh Choon Aik	Bukit Tambun
33.	YB. Daniel Gooi Zi Sen	Pengkalan Kota
34.	YB. Heng Lee Lee	Berapit
35.	YB. Zulkifli Bin Ibrahim	Sungai Aceh
36.	YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor	Ketua Pembangkang/Sungai Dua
37.	YB. Nor Hafizah Binti Othman	Permatang Berangan
38.	YB. Mohd. Yusni Bin Mat Piah	Penaga

TIDAK HADIR

Bil.	Nama	Jawatan/Ahli Kawasan
1.	YB. Dato' Ir. Haji Ahmad Zakiyuddin Bin Abd. Rahman	Timbalan Ketua Menteri I / Pinang Tunggal
2.	YB. Lim Guan Eng	Air Putih
3.	YB. Dato' Saifuddin Nasution Bin Ismail	Pantai Jerejak

AHLI-AHLI YANG HADIR MENGIKUT BAHAGIAN I BAB 3 PERKARA 6A PERLEMBAGAAN NEGERI PULAU PINANG.

HADIR

Bil.	Nama	Jawatan/Ahli Kawasan
1.	YB. Dato' Seri Haji Farizan Bin Darus	Setiausaha Kerajaan Negeri
2.	YB. Dato' Anas Bin Ahmad Zakie	Penasihat Undang-Undang Negeri
3.	YB. Dato' Sarul Bahiyah Binti Haji Abu	Pegawai Kewangan Negeri

TURUT HADIR

Cik Maheswari A/P Malayandy	-	Setiausaha Dewan Undangan Negeri
Encik Mohd Roshidi Bin Azmi	-	Timbalan Setiausaha Dewan Undangan Negeri

Dewan bersidang semula pada jam 9.30 pagi.

1. DOA

2. SOALAN LISAN

Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Ong Ah Teong) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

32. Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk membina litar perlumbaan sepertimana yang terkandung dalam manifesto Pakatan Harapan?

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Kumaresan A/L Aramugam) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

33. Pusat Khidmat saya menerima banyak kunjungan daripada pesakit Dialisis.

(a) Adakah Kerajaan Negeri akan membuka satu Pusat Dialisis di DUN Batu Uban?

Ahli Kawasan Jawi (YB. H'ng Mooi Lye) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

34. Apakah rancangan oleh Jawatankuasa Pemaju (JKP) tentang satu lot tanah di sebelah Jalan Persekutuan Nibong Tebal bersebelahan Stesen Minyak Shell?

(a) Adakah JKP akan menjadikan kawasan tersebut sebagai HUB Stesen Bas?

Ahli Kawasan Bukit Tambun (YB. Goh Choon Aik) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

35. Apakah perancangan dan tindakan bersepadu yang telah dan akan diambil oleh Kerajaan Negeri terhadap kesesakan lalu lintas di jalan-jalan Persekutuan seperti:-

(a) Persimpangan bertingkat Auto City dan Jalan Kebun Nenas.

(b) Plaza tol Bukit Tambun, Jalan Batu Kawan dan Jalan Bukit Tambun.

(c) Persimpangan lampu isyarat Jalan Persekutuan dan Jalan Bukit Minyak

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (YB. Dato' Saifuddin Nasution Bin Ismail) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

36. Bagaimanakah Kerajaan Negeri memantau, merancang dan prihatin kesejahteraan nelayan terutamanya kemudahan-kemudahan infrastruktur yang diperlukan nelayan supaya ianya selamat digunakan oleh para nelayan dan tidak mewujudkan risiko keselamatan seperti kebakaran?

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Lee Chun Kit) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

37. Adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang komited dalam merangka pelan yang sesuai untuk membantu golongan OKU dalam mencari pekerjaan?

(a) Apakah usaha dan langkah-langkah yang diambil untuk memastikan bantuan sampai kepada golongan OKU secara menyeluruh?

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

38. Pembinaan Akademi Badminton Pulau Pinang di KADUN Sungai Pinang telah diumumkan dalam Bajet Tahun 2018.

(a) Apakah status Akademi Badminton pada setakat ini? Sila huraikan.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Khaliq Mehtab Bin Mohd Ishaq) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

39. Apakah status kilang haram yang menggajikan pekerja asing di Padang Benggali?

(a) Adakah pihak berkuasa membuat siasatan dan mengambil tindakan terhadap pengusaha kilang tersebut?

(b) Pengusaha kilang mengabaikan aspek keselamatan dengan meletakkan tong sampah di tepi jalan hingga menyebabkan kemalangan maut.

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Joseph Ng Soon Siang) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

40. Apakah status tanah 1MDB di kawasan Air Itam, Air Putih dan Paya Terubong?

Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Gooi Hsiao-Leung) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

41. Apakah rancangan jangkamasa pendek dan panjang untuk mengatasi kesesakan lalu lintas serius khususnya pada waktu puncak di jalanraya?
- (a) Exit 160 Juru dari Lebuhraya Utara-Selatan.
 - (b) Lalu lintas dua hala Jalan Kebun Nenas - Jalan Chian Heng Kai - AutoCity / Lebuhraya Utara-Selatan.
 - (c) Jalan Bukit Tengah ke Jalan Kebun Nenas.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

42. Kerajaan Negeri akan memberi rawatan kesihatan percuma RM300 bawah program "Healthy Penang" pada 2018.
- (a) Apakah perincian pelaksanaan program?
 - (b) Bagaimanakah program ini dapat dilaksanakan seperti Skim Takaful Warga Emas serta Kad Sihat Johor kepada warga emas?
 - (c) Bagaimanakah skim (b) dimanfaatkan untuk kebajikan JKKK, brigid wanita dan pegawai seranta?

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Zolkifly Bin Md. Lazim) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

43. Peniaga dan penjaja adalah salah satu cabang sosio ekonomi masyarakat setempat.
- (a) Apakah program sokongan yang dijalankan untuk peniaga dan penjaja yang tidak berlesen?
 - (b) Tindakan selepas pengusiran peaja dan peniaga yang tidak berlesen.
 - (c) Statistik penjaja dan peniaga yang tidak berlesen mengikut daerah.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Mustafa Kamal Bin Ahmad) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

44. Pembangunan tanah wakaf dalam KADUN Telok Ayer Tawar.
- (a) Berapakah jumlah tanah wakaf di KADUN Telok Ayer Tawar? Senaraikan tempat dan kawasan yang sedang dimajukan. Jika ada, huraikan projek tersebut secara terperinci.
 - (b) Adakah masih terdapat tanah wakaf yang menimbulkan masalah untuk dibangunkan dalam KADUN Telok Ayer Tawar?

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Nor Hafizah Binti Othman) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

45. Berapakah pendapatan yang diperolehi hasil kutipan surcaj air sejak tahun 2011? Sila perincikan pendapatan mengikut tahun dari 2011 hingga 2017.
- (a) Bagaimanakah kerajaan membelanjakan hasil kutipan tersebut?
 - (b) Adakah kerajaan masih berhasrat meneruskan kutipan surcaj kepada rakyat dengan kadar yang sama atau ada lagi cadangan kenaikan mahupun penurunan? Sila jelaskan dengan perincian.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

46. Mohon Kerajaan Negeri nyatakan rancangan kerajaan dalam meningkatkan mutu bola sepak pasukan Pulau Pinang bagi setiap pasukan di bawah pengurusan Persatuan Bola Sepak Pulau Pinang?
- (a) Mohon Kerajaan Negeri nyatakan sama ada bercadang meningkatkan peruntukan perbelanjaan dalam pengurusan pasukan bola sepak Pulau Pinang untuk tahun ini?

Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Azrul Mahathir Bin Aziz) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

47. Kemudahan awam di KADUN Bayan Lepas masih dibelenggu dengan ketiadaan pejabat pos dan bank. Stesen minyak di jalan besar Bayan Lepas ke Teluk Kumbar juga tiada.
- (a) Bolehkah Kerajaan Negeri membantu mewujudkan kemudahan tersebut?
 - (b) Bolehkah kerajaan buat penawaran tempat/lokasi kepada syarikat utiliti tersebut?
 - (c) Apakah kerajaan telah mempunyai perancangan?

Ahli Kawasan Berapit (YB. Heng Lee Lee) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

48. Aktiviti sukan kian meningkat. Memandangkan dua (2) orang peserta Port Dickson International Triathlon 2018 lemas dan seorang peserta larian Kajang City International Marathon terkorban selepas dilanggar kereta.
- (a) Nyatakan garis panduan dan SOP Kerajaan Negeri semasa meluluskan aktiviti seperti berenang merentasi selat, larian, berbasikal, triathlon, mendaki bukit dan sebagainya dengan terperinci.

3. TAMAT SESI SOALAN LISAN

Yang di-Pertua memaklumkan 3 jam soalan lisan sudah tamat selaras dengan Subperaturan 26(7) Jawapan kepada soalan-soalan lisan yang telah dijawab akan diletak di atas meja Ahli yang bertanya dan akan dimasukkan di dalam Penyata Rasmi.

4. SESI PENGGULUNGAN

Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin) mengambil bahagian dalam sesi penggulungan.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh) mengambil bahagian dalam sesi penggulungan.

Dewan ditangguhkan pada jam 1.05 tengah hari.

Dewan disambung semula pada jam 2.00 petang.

SESI PENGGULUNGAN DISAMBUNG

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Halim Bin Haji Hussain) mengambil bahagian dalam sesi penggulungan.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Zairil Khir Johari) mengambil bahagian dalam sesi penggulungan.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin) mengambil bahagian sesi penggulungan.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh) mengambil bahagian dalam sesi penggulungan.

Dewan ditangguhkan pada jam 7.15 malam.

Dewan disambung semula pada jam 8.00 malam.

SESI PENGGULUNGAN DISAMBUNG.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng) mengambil bahagian dalam sesi penggulungan.

YB. Timbalan Ketua Menteri II mengambil bahagian dalam sesi penggulungan.

Dewan ditangguhkan pada jam 10.00 malam.

MINIT PERSIDANGAN

MESYUARAT PERTAMA PENGKAL PERSIDANGAN PERTAMA

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG YANG KEEMPAT BELAS

Tarikh : 10 OGOS 2018 (JUMAAT)
Masa : 9.30 Pagi
Tempat : Dewan Undangan Negeri
Lebuh Light, George Town
Pulau Pinang.

HADIR

Bil.	Nama	Ahli Kawasan
1.	YB. Dato' Law Choo Kiang	Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri
2.	YAB. Chow Kon Yeow	Ketua Menteri / Padang Kota
3.	YB. Prof. Dr. P. Ramasamy A/L Palanisamy	Timbalan Ketua Menteri II / Perai
4.	YB. Chong Eng	Padang Lalang
5.	YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh	Datok Keramat
6.	YB. Phee Boon Poh	Sungai Puyu
7.	YB. Dr. Afif Bin Bahardin	Seberang Jaya
8.	YB. Zairil Khir Johari	Tanjung Bunga
9.	YB. Dato' Haji Abdul Halim Bin Haji Hussain	Batu Maung
10.	YB. Yeoh Soon Hin	Paya Terubong
11.	YB. Soon Lip Chee	Bagan Jermal
12.	YB. Dr. Amar Pritpal Bin Abdullah	Timbalan YDP Dewan/Sungai Bakap
13.	YB. Lim Guan Eng	Air Putih
14.	YB. Dato' Saifuddin Nasution Bin Ismail	Pantai Jerejak
15.	YB. Teh Lai Heng	KOMTAR
16.	YB. Lim Siew Khim	Sungai Pinang
17.	YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin	Penanti
18.	YB. Lee Khai Loon	Machang Bubuk
19.	YB. Ong Ah Teong	Batu Lancang
20.	YB. Satees A/L Muniandy	Bagan Dalam
21.	YB. Azrul Mahathir Bin Aziz	Bayan Lepas
22.	YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil	Permatang Pasir
23.	YB. Jason Ong Khan Lee	Kebun Bunga
24.	YB. Gooi Hsiao-Leung	Bukit Tengah
25.	YB. Syerleena Binti Abdul Rashid	Seri Delima

Bil.	Nama	Ahli Kawasan
26.	YB. Lee Chun Kit	Pulau Tikus
27.	YB. Zolkify Bin Md. Lazim	Telok Bahang
28.	YB. Khaliq Mehtab Bin Mohd Ishaq	Bertam
29.	YB. Kumaresan A/L Aramugam	Batu Uban
30.	YB. Mustafa Kamal Bin Ahmad	Telok Ayer Tawar
31.	YB. Joseph Ng Soon Siang	Air Itam
32.	YB. H'ng Mooi Lye	Jawi
33.	YB. Haji Mohd Tuah Bin Ismail	Pulau Betong
34.	YB. Goh Choon Aik	Bukit Tambun
35.	YB. Daniel Gooi Zi Sen	Pengkalan Kota
36.	YB. Heng Lee Lee	Berapit
37.	YB. Zulkifli Bin Ibrahim	Sungai Acheh
38.	YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor	Ketua Pembangkang/Sungai Dua
39.	YB. Nor Hafizah Binti Othman	Permatang Berangan
40.	YB. Mohd. Yusni Bin Mat Piah	Penaga

TIDAK HADIR

Bil.	Nama	Jawatan/Ahli Kawasan
1	YB. Dato' Ir. Haji Ahmad Zakiyuddin Bin Abd. Rahman	Timbalan Ketua Menteri I / Pinang Tunggai

AHLI-AHLI YANG HADIR MENGIKUT BAHAGIAN I BAB 3 PERKARA 6A PERLEMBAGAAN NEGERI PULAU PINANG.

HADIR

Bil.	Nama	Jawatan/Ahli Kawasan
1.	YB. Dato' Seri Haji Farizan Bin Darus	Setiausaha Kerajaan Negeri
2.	YB. Dato' Anas Bin Ahmad Zakie	Penasihat Undang-Undang Negeri
3.	YB. Dato' Sarul Bahiyah Binti Haji Abu	Pegawai Kewangan Negeri

TURUT HADIR

Cik Maheswari A/P Malayandy	-	Setiausaha Dewan Undangan Negeri
Encik Mohd Roshidi Bin Azmi	-	Timbalan Setiausaha Dewan Undangan Negeri

Dewan bersidang semula pada jam 9.30 pagi.

1. DOA

2. SOALAN LISAN

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

49. Kebanyakan pendapatan golongan muda bekerja adalah pada tahap mudah miskin & miskin.
- (a) Apakah langkah Kerajaan Negeri dalam mempertingkatkan pendapatan golongan ini?
 - (b) Apakah usaha Kerajaan Negeri dalam membantu golongan ini memperolehi rumah dengan pendapatan yang rendah?
 - (c) Adakah Kerajaan Negeri akan menetapkan gaji minimum RM1,500.00 kepada majikan di Pulau Pinang?

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Zulkifli Bin Ibrahim) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

50. Apakah perancangan Kerajaan Negeri bagi mewujudkan tambahan kemudahan infra untuk kemudahan belia di KADUN Sungai Acheh dan sekitar seperti mini stadium, kolam renang dan tempat sukan bermotor bagi tujuan aktiviti belia tempatan?

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Syerleena Binti Abdul Rashid) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

51. Pemberian kontrak ataupun tender perlu dikaji semula kerana isu pembersihan yang kurang memuaskan seringkali timbul di kawasan Taman Tun Sardon. Apakah cara yang terbaik untuk menangani isu ini?

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd. Yusni Bin Mat Piah) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

52. Jelaskan sejauh mana 12 teras Pakatan Rakyat (PR) dasar manifesto Pulau Pinang PRU 13 (2013-2018) yang telah berjaya dilaksanakan dan belum dilaksanakan.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Haji Mohd Tuah Bin Ismail) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

53. Tiada tandas awam di kawasan Pulau Betong. Bilakah boleh disediakan?

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Jason Ong Khan Lee) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

54. Adakah kelulusan pembinaan struktur pemancar di atas Lot 3813, Mukim 18, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang telah mendapatkan persetujuan daripada penduduk-penduduk di kawasan persekitaran terlebih dahulu?

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

55. Apakah tindakan yang telah diambil oleh pihak Kerajaan Negeri untuk mengawal penjualan arak murah (*hard liquor* sahaja) di kedai-kedai runcit, yang telah menyumbang kepada pelbagai masalah sosial, yang memberi kesan langsung kepada penduduk, seperti masalah vandalisme dan kacau ganggu di tempat awam seperti taman permainan kanak-kanak?

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

56. Model kewangan untuk membiayai projek LRT dan PIL adalah melalui projek tambakan laut.
- (a) Nyatakan cara yang lebih lestari dan kos efektif dalam pelaksanaan projek yang dicadangkan dalam Pelan Induk Pengangkutan (PTMP)?
 - (b) Sejauh manakah usaha Kerajaan Negeri untuk mendapat pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan bagi membina LRT?

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Daniel Gooi Zi Sen) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

57. Apakah polisi dan halatuju Kerajaan Negeri terhadap larangan penggunaan plastik sekali guna (*single use plastic*) dan straw?

Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Ong Ah Teong) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

58. Apakah peranan Pihak Berkuasa Tempatan dalam memastikan aktiviti air dan pantai terutamanya di Batu Ferringhi terkawal dan mengurangkan kemalangan?
- (a) Adakah kes kemalangan berkurangan atau meningkat setelah MBPP melaksanakan penyusunan semula?
 - (b) Apakah langkah yang telah dan akan diambil bagi membendung kemalangan nyawa terutamanya pelancong luar negara kerana menjejaskan imej pelancongan negeri?

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Kumaresan A/L Aramugam) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

59. Kediaman Taman Desa Baru, Sungai Dua adalah tanah pajakan 60 tahun (*leasehold*) dimana pada tahun 1988 Kerajaan Negeri memperuntukan tapak kediaman kepada mereka untuk mendirikan rumah kerana rumah asal diambil oleh Kerajaan untuk pembinaan USM. Kini tinggal 30 tahun lagi pajakan.
- (a) Adakah kerajaan berhasrat untuk memberi mereka status pegangan kekal?

Ahli Kawasan Jawi (YB. H'ng Mooi Lye) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

60. Masalah Jawatankuasa Pengurusan (MC)/Badan Pengurusan rumah kos rendah tidak dapat diselesaikan di banyak kawasan khususnya di KADUN Jawi kerana kebanyakan kawasan tidak ada badan pengurusan untuk mengurus.
- (a) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai langkah untuk membantu menyelesaikan masalah tersebut selain daripada langkah yang diambil oleh COB MPSP.

Ahli Kawasan Bukit Tambun (YB. Goh Choon Aik) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

61. Penyediaan Rancangan Struktur Negeri dan Rancangan Tempatan Seberang Perai.
- (a) Adakah *zoning* berasingan akan diadakan untuk penternak ayam dan ikan dalam sangkar?
 - (b) Apakah garis panduan penternakan khinzir dan ayam secara tertutup dan jenis insentif diberikan kepada penternak?
 - (c) Adakah dikaji semula bayaran tol penternak ikan, menyediakan zon larangan memancing di kawasan ternakan?

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (YB. Dato' Saifuddin Nasution Bin Ismail) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

62. Peruntukan Sistem Maklumat Rekod Jalan Raya (MARRIS) merupakan satu peruntukan yang disalurkan Kerajaan Persekutuan. Huraikan jumlah peruntukan tahun 2018, pecahan penggunaan dan perancangan mengikut daerah.
- (a) Bagaimana peruntukan ini mampu menangani masalah penyelenggaraan jalan dengan segera dan adakah masalah aduan agensi kerajaan dalam kelewatan kelulusan permohonan?

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Lee Chun Kit) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

63. Adakah terdapat komunikasi dan persefahaman antara jabatan kerajaan dan swasta yang terlibat secara terus dengan infrastruktur awam?
- (a) Bagaimanakah jabatan-jabatan tersebut bersidang untuk bertukar serta berkongsi maklumat jadual penyelenggaraan yang telah dirancang bagi mengelakkan situasi jalan raya kerap digali?

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

64. Berapa jumlah Cukai Kerajaan Tempatan yang telah berjaya dikutip daripada semua tetamu hotel pada tahun 2017? Bagaimanakah cukai ini digunakan dan bagaimanakah cukai dikutip boleh memanfaatkan rakyat Pulau Pinang? Huraikan.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Khaliq Mehtab Bin Mohd Ishaq) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

65. Mohon pencerahan mengenai status kuarters kediaman guru yang terletak di Taman Seri Serdang. Kuarters ini agak usang dan banyak unit yang ditinggalkan kosong. Ini adalah satu pembaziran wang rakyat. Dicadangkan satu siasatan dijalankan untuk memastikan tahap keselamatan kuarters tersebut.

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Joseph Ng Soon Siang) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

66. Apakah perancangan jangka pendek dan panjang yang lebih progresif dalam sektor pelancongan di Pulau Pinang terutamanya dalam melonjakkan seni warisan, kebudayaan yang bertemakan Pulau Pinang?

Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Gooi Hsiao-Leung) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

67. Apakah strategi pelancongan Kerajaan Negeri untuk Pulau Pinang dan Seberang Perai, seperti satu pelan induk untuk pelancongan?
- (a) Sekiranya ada, nyatakan butir-butir strategi atau pelan tersebut.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

68. Saya mohon dalam MMK Tebatan Banjir (sesi PRU13) Pam Mak Sulong RM67,000,000 dimanfaatkan untuk pam air Sg Kulim bila paras tinggi (5.1m melebihi *headwork* JPS 4.6m) ke Mengkuang Dam.
- (a) Adakah keputusan mesyuarat dipersetujui KETTHA, PBA, BKSA, JPS pada 25/6/18 untuk uji pam 30 hari bersama PBA-JPS pada musim banjir Ogos-Disember/2018 akan dilaksanakan?

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Zolkifly Bin Md. Lazim) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

69. Seni Melayu dan warisan adalah salah satu tarikan pelancong ke Pulau Pinang.
- (a) Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri dalam memastikan ianya terpelihara?
- (b) Penjelasan mengenai penutupan Balai Seni yang terdapat di Telok Bahang.
- (c) Apakah langkah-langkah yang boleh diambil untuk mempromosikan seni dan warisan di sekolah?

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Mustafa Kamal Bin Ahmad) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

70. Sila nyatakan apakah usaha yang diambil oleh Kerajaan Negeri dan kejayaan yang dicapai bagi pengindahan di sepanjang pantai di sekitar Telok Ayer Tawar.
- (a) Adakah kerjasama PETRON dengan MPSP pada tahun 2017 dalam usaha penanaman Pokok Rhu di Pantai Robina akan diteruskan pada tahun ini?

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Nor Hafizah Binti Othman) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

71. Bolehkah Kerajaan Negeri menjelaskan berapakah kos perbelanjaan yang dibiayai oleh kerajaan untuk membeli aset kepada Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) bagi menjalankan kerja-kerja pembersihan dan kutipan sampah di taman-taman perumahan?
- (a) Berapakah jumlah kenderaan yang digunapakai bagi kerja-kerja tersebut?
- (b) Adakah pembiayaan aset-aset tersebut telah memberi pulangan keuntungan kepada kerajaan?

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

72. Mohon Kerajaan Negeri nyatakan keberkesanan Dasar Mengupah Pekerja Warganegara Asing / Permastautin Tetap (PR) sebagai Pembantu di Gerai Perniagaan Milik Majlis, Premis Perniagaan dan Penjaja dalam mengurangkan kebergantungan kepada pekerja warga asing dalam bidang berkaitan di Pulau Pinang?

Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Azrul Mahathir Bin Aziz) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

73. Pulau Pinang, Bersih, Hijau, Sihat dan Selamat.
- (a) Berapakah jumlah keseluruhan taman poket atau taman kejiranan di seluruh Negeri Pulau Pinang?
 - (b) Siapakah yang membuat penyelenggaraan rutin serta kekerapannya?
 - (c) Kenapakah taman riadah kelolaan MBPP sering dilihat rumput panjang dan dahan ranting kayu tidak dikutip seperti di Sungai Ara, Sungai Batu dan Teluk Kumbar?

Ahli Kawasan Berapit (YB. Heng Lee Lee) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

74. Nyatakan usaha-usaha untuk memperkasa dan membangunkan wanita dalam negeri sejak 2013 dengan projek-projek yang telah dijalankan dan kosnya.
- (a) Apakah perkembangan setelah projek dijalankan?

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

75. Jumlah keluasan tanah dijual oleh Kerajaan Negeri daripada 2010-2017 adalah 1027.5 ekar bernilai RM9.21 billion.
- (a) Apakah benar Kerajaan Negeri menjual tanah bermula tahun 2010 seperti diperkatakan dalam media sosial?
 - (b) Kenapa Kerajaan Negeri menjual tanah-tanah tersebut dan kemana perginya hasil jualan, dimanakah akuannya?
 - (c) Berapakah nilai tanah Kerajaan Negeri yang tinggal tidak termasuk kawasan tambakan laut?

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Zulkifli Bin Ibrahim) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

76. Adakah Kerajaan Negeri mempunyai perancangan untuk menyegerakan projek akuakultur di Kawasan Sungai Chenaam dengan melibatkan Agensi Negeri dan Pusat dalam menaikkan sumber hasil ternakan akuakultur dan ekonomi penduduk setempat serta perancangan bagi mewujudkan kawasan pelancongan di hutan paya bakau di persisiran pantai Sungai Chenaam berdekatan dengan kawasan projek akuakultur tersebut?

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Syerleena Binti Abdul Rashid) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

77. Terdapat tanah lapang di kawasan Krystal Heights Island Glades dan The Oasis Kampung Buah Pala yang boleh digunakan sebagai tempat letak kereta bagi mengurangkan kesesakan lalu lintas. Atas faktor keselamatan juga, bolehkah permohonan ini dipertimbangkan?

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd. Yusni Bin Mat Piah) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

78. Lambakan projek-projek mewah menyebabkan demografi penduduk tidak seimbang di negeri ini terutamanya di bahagian pulau. Perkembangan ini menyebabkan nilai harga rumah terlalu tinggi yang menyukarkan pembeli dari kalangan kumpulan B40 ke bawah memiliki rumah.
- (a) Apakah mekanisma kawalan harga rumah dan hartanah dapat diwujudkan bagi mengimbangi isu perumahan yang dialami rakyat bawahan?

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Haji Mohd Tuah Bin Ismail) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

79. Berapakah jumlah koperasi yang sedia ada di Pulau Pinang?
- (a) Apakah jenis-jenisnya?
 - (b) Apakah langkah yang dirancang untuk membantu dan meningkatkan jumlahnya?

3. TAMAT SESI SOALAN LISAN

Yang di-Pertua memaklumkan 3 jam soalan lisan sudah tamat selaras dengan Subperaturan 26(7) Jawapan kepada soalan-soalan lisan yang telah dijawab akan diletak di atas meja Ahli yang bertanya dan akan dimasukkan di dalam Penyata Rasmi.

4. SESI PENGGULUNGAN

YAB. Ketua Menteri mengambil bahagian dalam sesi penggulungan.

5. PENGUMUMAN OLEH YANG DI-PERTUA DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri dan Ahli Dewan Undangan Negeri menyampaikan usul ucapan terima kasih atas ucapan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang telah dipersetujui dan telah disokong.

6. RANG UNDANG-UNDANG INDUSTRI BERASASKAN KAYU (PINDAAN 2018)

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh) membentangkan Rang Undang-Undang. Sokongan sebulat suara.

7. PERBAHASAN RANG UNDANG-UNDANG

Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Gooi Hsiao-Leung) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Khaliq Mehtab Bin Mohd Ishaq) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan.

8. PENGGULUNGAN RANG UNDANG-UNDANG

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh) mengambil bahagian dalam sesi penggulungan Rang Undang-undang.

Usul dipersetujui dan diterima.

9. USUL OLEH YAB. KETUA MENTERI

YAB. Ketua Menteri telah mencadangkan Ahli-Ahli Dewan dilantik menganggotai jawatankuasa seperti berikut:

JAWATANKUASA KIRA-KIRA KERAJAAN

1. Yang Berhormat Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor sebagai Pengerusi dan Ahli-ahlinya ialah:-
2. Yang Berhormat Lee Chun Kit
3. Yang Berhormat Syerleena Binti Abdul Rashid
4. Yang Berhormat Satees A/L Muniandy
5. Yang Berhormat Lee Khai Loon
6. Yang Berhormat Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin
7. Yang Berhormat Gooi Hsiao-Leung

8. Yang Berhormat Muhammad Faiz Bin Fadzil
9. Yang Berhormat Zolkifly Bin Md Lazim; dan
10. Yang Berhormat Mohd. Yusni Bin Mat Piah

Tugas Jawatankuasa ini adalah untuk memeriksa sebarang kira-kira dan laporan Juruaudit Negara yang telah dibentangkan kepada Dewan atau lain-lain perkara yang dirujuk oleh Dewan kepada Jawatankuasa ini. Jawatankuasa diberi kuasa untuk memanggil orang hadir di hadapannya atau mendapat dokumen atau risalah-risalah. Jawatankuasa harus melaporkan kepada Dewan Undangan Negeri dari semasa ke semasa.

Sebulat suara dipersetujui.

JAWATANKUASA HAK DAN KEBEBASAN

1. Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri sebagai Pengerusi dan Ahli-ahlinya ialah:-
2. Yang Berhormat Lim Siew Khim
3. Yang Berhormat Heng Lee Lee
4. Yang Berhormat Daniel Gooi Zi Sen
5. Yang Berhormat H'ng Mooi Lye
6. Yang Berhormat Lee Khai Loon
7. Yang Berhormat Kumaresan A/L Aramugam
8. Yang Berhormat Muhammad Faiz Bin Fadzil
9. Yang Berhormat Khaliq Mehtab Bin Mohd Ishaq
10. Yang Berhormat Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor
11. Yang Berhormat Mohd. Yusni Bin Mat Piah

Tugas Jawatankuasa ini adalah untuk menimbang sebarang hal yang dirujuk kepadanya yang ada kaitan dengan hak dan kebebasan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri. Jawatankuasa ini berkuasa memanggil orang hadir di hadapannya atau mendapat dokumen atau risalah. Jawatankuasa ini hendaklah melaporkan kepada Dewan Undangan Negeri dari semasa ke semasa.

Sebulat suara dipersetujui.

JAWATANKUASA DEWAN

1. Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan sebagai Pengerusi dan Ahli-ahlinya ialah:
2. Yang Berhormat Teh Lai Heng
3. Yang Berhormat Ong Ah Teong
4. Yang Berhormat Joseph Ng Soon Siang
5. Yang Berhormat Lim Siew Khim
6. Yang Berhormat Mustafa Kamal Bin Ahmad
7. Yang Berhormat Zulkifli Bin Ibrahim
8. Yang Berhormat Haji Mohd Tuah Bin Ismail
9. Yang Berhormat Azrul Mahathir Bin Aziz
10. Yang Berhormat Khaliq Mehtab Bin Mohd Ishaq
11. Yang Berhormat Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor

Tugas Jawatankuasa ini adalah untuk menimbang sebarang hal yang dirujuk kepadanya yang melibatkan kemudahan dan keselesaan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri. Jawatankuasa ini tidak berkuasa memanggil orang hadir di hadapannya atau mendapatkan dokumen-dokumen dan risalah-risalah melainkan Dewan ini memutuskan sebaliknya. Jawatankuasa ini hendaklah melaporkan kepada Dewan Undangan Negeri dari semasa ke semasa.

Sebulat suara dipersetujui.

JAWATANKUASA PERATURAN-PERATURAN MESYUARAT

1. Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri sebagai Pengerusi dan Ahli-ahlinya ialah:-
2. Yang Berhormat Dr. Amar Pritpal Bin Abdullah
3. Yang Berhormat Teh Lai Heng
4. Yang Berhormat Ong Ah Teong
5. Yang Berhormat Heng Lee Lee
6. Yang Berhormat H'ng Mooi Lye
7. Yang Berhormat Jason Ong Khan Lee
8. Yang Berhormat Goh Choon Aik
9. Yang Berhormat Azrul Mahathir Bin Aziz
10. Yang Berhormat Zolkifly Bin Md Lazim
11. Yang Berhormat Nor Hafizah Binti Othman

Tugas Jawatankuasa ini adalah untuk menimbang sebarang hal yang dirujuk kepadanya yang ada kaitan dengan Peraturan-Peraturan Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang. Jawatankuasa ini tidak berkuasa memanggil orang hadir di hadapannya atau mendapat dokumen dan risalah melainkan Dewan ini memutuskan sebaliknya. Jawatankuasa ini hendaklah melaporkan kepada Dewan Undangan Negeri dari semasa ke semasa.

Sebulat suara dipersetujui.

11. USUL DARIPADA YANG BERTIMBALAN KETUA MENTERI II

JAWATANKUASA PERLEMBAGAAN

1. Yang Amat Berhormat Chow Kon Yeow sebagai Pengerusi dan Ahli-ahlinya ialah:-
2. Yang Berhormat Lee Chun Kit
3. Yang Berhormat Syerleena Binti Abdul Rashid
4. Yang Berhormat Satees A/L Muniandy
5. Yang Berhormat Daniel Gooi Zi Sen
6. Yang Berhormat Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin
7. Yang Berhormat Gooi Hsiao-Leung
8. Yang Berhormat Jason Ong Khan Lee
9. Yang Berhormat Azrul Mahathir Bin Aziz
10. Yang Berhormat Zolkifly Bin Md Lazim
11. Yang Berhormat Nor Hafizah Binti Othman

Tugas Jawatankuasa ini adalah untuk menimbang sebarang hal yang dirujuk kepadanya yang ada kaitan dengan Perlembagaan Negeri Pulau Pinang.

Sebulat suara dipersetujui.

12. PELANTIKAN AHLI DEWAN NEGARA

YAB. Ketua Menteri telah mencadangkan Saudari Lim Hui Ying dan Saudara Mohd. Yusmadi Bin Mohd Yusoff untuk berkhidmat sebagai Ahli Dewan Negara selama tiga (3) tahun.

Sebulat suara dipersetujui.

13. UCAPAN PENANGGUHAN

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri mengucapkan terima kasih kepada semua yang terlibat dan menangguhkan Dewan ke suatu tarikh yang akan dimaklumkan kemudian.

Dewan ditangguhkan pada jam 4.15 petang.



(YB. DATO' LAW CHOO KIANG, DMPN)

Yang di-Pertua
Dewan Undangan Negeri
Pulau Pinang.

Tarikh : 19 Oktober 2018